

Bil. 13

**Isnin
5 April 2010**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010	(Halaman 23)
Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009	(Halaman 81)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 46)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Haji Mulia, S.U.M.W., P.G.D.K., P.S.M., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, S.P.M.P., S.P.M.J., P.S.M., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
5. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*
7. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO
8. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA
9. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
10. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
12. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP

13. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Seri Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
14. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
15. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mustapa Mohamed (Jeli) – UMNO
16. ” Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
17. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB
18. “ Menteri Pelancongan, Dato’ Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA
19. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO
20. “ Menteri Pertahanan, Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
21. “ Menteri Kerja Raya, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO
22. “ Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA
23. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC
25. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO
26. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA
27. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Sri Shahrizat Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*
28. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO
29. “ Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Sri Idris Jala – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP

2. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*
3. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ S.K. Devamany, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC
4. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) - UMNO
5. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ T. Murugiah – *Senator*
6. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Dato’ Wira Chor Chee Heung (Alor Setar) – MCA
7. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Dato’ Dr. Awang Adek Hussin, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*
8. “ Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA
9. “ Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO
10. “ Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pengangkutan II, Datuk Robert Lau Hoi Chew, P.G.B.K., J.B.S. (Sibu) – SUPP
12. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato’ Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO
13. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO
14. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato’ Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS
16. “ Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Puan Heng Seai Kie – *Senator*
17. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Puan Noriah Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato’ Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO
19. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS
20. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA
21. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato’ Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato’ Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO
23. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato’ Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP
24. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) – PBB
25. ” Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRIS
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato’ Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB
27. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO
28. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB
29. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO
30. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP
31. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato’ Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA
34. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Maznah Mazlan – *Senator*
35. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato’ Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN
36. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Lajim Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun, D.S.I.S. – *Senator*
38. “ Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*
39. “ Timbalan Menteri Luar Negeri II, Dato’ Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA
40. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) – PRS
2. “ Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. “ Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. “ Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1(Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. “ Dato’ Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. “ Dato’ Abdul Manan bin Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. “ Datuk Abdul Wahab bin Dolah (Igan) – PBB
9. “ Dato’ Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. “ Datuk Wira Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. “ Dato’ Sri Azalina binti Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. “ Yang Berhormat Dato’ Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. ” Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. “ Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. “ Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA
19. “ Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
20. “ Datuk Ir. Edmund Chong Ket Wah, P.G.D.K. (Batu Sapi) – PBS
21. “ Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
22. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
23. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
24. “ Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
25. “ Dato’ Henry Sum Agong (Lawas) – PBB

26. “ Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO
27. “ Dato’ Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
28. “ Dato’ Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
29. “ Dato’ Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
30. “ Dato’ Seri Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
31. “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
32. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
33. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar (Rembau) – UMNO
34. “ Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
35. “ Dato’ Haji Lilah Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
36. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. “ Tuan Matulidi bin Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. “ Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. “ Dato’ Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. “ Dato’ Haji Mohd. Jidin bin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. “ Dato’ Mohd. Nasir bin Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. “ Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. “ Tuan Mohd. Nizar bin Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. “ Dato’ Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. “ Dato’ Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo M. Toyad, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. “ Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. “ Datuk Hajah Norah binti Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. “ Dato’ Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed (Pulai) – UMNO

53. “ Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA
54. “ Tan Sri Dato’ Sri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA
55. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO
56. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO
57. “ Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP
58. “ Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO
59. “ Datuk Sapawi bin Haji Ahmad (Sipitang) – UMNO
60. ” Dato’ Seri Utama Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) –UMNO
61. “ Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO
62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO
63. “ Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB
64. “ Tan Sri Dato’ Seri Syed Hamid Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO
65. “ Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO
66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA
67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA
68. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO
69. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO
70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO
71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP
72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP
73. “ Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP
74. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing, S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO
75. “ Tuan William Nyallau, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS
76. “ Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO
77. “ Dato’ Sri Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. “ Tan Sri Dato’ Seri Abd. Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. “ Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. “ Tuan Haji Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. “ Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. “ Dato’ Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. “ Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. “ Puan Hajah Fuziah Salleh (Kuantan)
10. “ Tuan Gwo-Burne Loh (Kelana Jaya)
11. “ Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. “ Dato’ Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. “ Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. “ Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)
16. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Gombak)
17. “ Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
18. “ Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
19. “ Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
20. “ Dato’ Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
21. “ Tuan R. Sivarasa (Subang)
22. “ Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang)
23. “ Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
24. “ Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
25. “ Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
26. ” Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)
27. Parlimen Hulu Selangor – Kosong (Kematian Penyandang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)

5. “ Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
8. “ Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. “ Dr. Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. “ Tuan John Fernandez (Seremban)
11. “ Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
12. “ Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
13. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
14. “ Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
15. “ Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
16. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)
17. “ Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
18. “ Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
19. “ Dato’ Ngeh Koo Ham (Beruas)
20. “ Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
21. “ Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. “ Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. “ Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang)
2. “ Dato’ Haji Ab. Halim Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. “ Tuan Haji Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat (Hulu Langat)
5. “ Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. “ Dato’ Kamarudin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. “ Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad (Shah Alam)
8. “ Dr. Lo’ Lo’ Haji Mohamad Ghazali (Titivangsa)
9. “ Dato’ Haji Mahfuz bin Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)

10. “ Datuk Seri Ir. Mohammad Nizar Jamaluddin (Bukit Gantang)
11. “ Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut (Kuala Terengganu)
12. “ Tuan Mohd. Firdaus Jaafar (Jerai)
13. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli (Kuala Krai)
14. “ Dato’ Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
15. “ Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
16. “ Tuan Muhammad bin Haji Husain (Pasir Puteh)
17. “ Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
18. “ Tuan Haji Nasharudin Mat Isa (Bachok)
19. “ Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)
20. “ Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
22. “ Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
23. “ Dato’ Wan Abd. Rahim bin Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. “ Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepangar) – SAPP
3. “ Dato’ Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. “ Tuan Haji Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri (Bagan Serai)
5. “ Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. “ Dato’ Seri Zahrain bin Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
7. “ Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Kamaruddin Mohamed Baria

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Nurul Fariahah binti Mohd. Isa

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Zaidi bin Mahmood

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Hazrul bin Sharif

Nurul Aishah binti Sha'arin

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Isnin, 5 April 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah strategi untuk meningkatkan posisi Malaysia sebagai negara perdagangan telah dilaksanakan dan sejauh mana keberkesanannya.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang di-Pertua dan mendoakan agar Tuan Yang di-Pertua sentiasa sihat, sabar untuk menjalankan tugas sebagai Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Pertubuhan Perdagangan Dunia atau World Trade Organizations dengan izin, telah menyenaraikan Malaysia sebagai negara pengeksport terbesar yang ke-21 di dunia dan ke-28 terbesar sebagai negara pengimport pada tahun 2009. Pada tahun 2008 kedudukan Malaysia sebagai negara pengeksport tidak lagi dari kelompok 20 negara pengeksport terutama dunia yang telah dipegang selama 15 tahun semenjak tahun 1993. Ini bukanlah bermakna Malaysia telah kehilangan daya saing tetapi kerana negara-negara seperti Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu telah melonjakkan posisi masing-masing kesan daripada kenaikan harga minyak di pasaran dunia semenjak tiga tahun yang lepas. Tahun 2009 menyaksikan negara China telah mengambil alih tempat negara Jerman sebagai pengeksport utama dunia dengan syer eksport meningkat dari 8.9% ke 9.6%. Sementara itu syer eksport dunia bagi negara Jerman kekal sebanyak 9%. Pada tahun yang sama syer eksport Malaysia ke pasaran dunia juga tidak terjejas dan kekal di tahap 1.3%.

Tuan Yang di-Pertua, strategi bagi meningkatkan posisi dan daya saing Malaysia sebagai negara perdagangan yang sedang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- (i) mempelbagaikan eksport termasuk mempergiatkan eksport perkhidmatan;
- (ii) mempelbagaikan pasaran eksport;

- (iii) meningkatkan eksport melalui pematuhan standard antarabangsa;
- (iv) mengukuhkan kerangka dasar untuk memudahkan perdagangan;
- (v) mengukuhkan dan memperluaskan sokongan institusi untuk komuniti pengeksport;
- (vi) menambahbaikkan manfaat perjanjian perdagangan bebas ataupun FTA; dan
- (vii) meningkatkan lagi aktiviti-aktiviti galakan dan eksport.

Secara umumnya, strategi kerajaan ini telah memberikan impak yang besar kepada prestasi perdagangan Malaysia. Dalam tempoh 2000 hingga 2008 jumlah eksport dan import Malaysia telah meningkat dua kali ganda. Daripada hanya RM684.7 bilion pada tahun 2000 kepada RM1.18 trilion pada tahun 2008. Keadaan ekonomi global yang merosot dengan ketara dan mendadak serta pembedahan yang besar dalam harga komoditi telah mengakibatkan penguncupan prestasi eksport Malaysia pada tahun 2009.

Ekoran dari itu, jumlah eksport Malaysia telah mengalami kejatuhan sebanyak 16.6% kepada RM553.3 bilion pada tahun 2009. Kadar penyusutan yang dialami adalah tidak seburuk jangkaan awal iaitu penurunan sebanyak 20%. Prestasi eksport Malaysia bagi dua bulan pertama tahun 2010 telah menunjukkan tanda-tanda pemulihan di mana eksport telah meningkat sebanyak 27.6% berbanding dengan tahun 2009. Eksport Malaysia juga dijangka akan terus meningkat selaras dengan laporan WTO yang menunjukkan bahawa perdagangan dunia akan meningkat sebanyak 9.5% pada tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif pembaharuan strategik di bawah Model Ekonomi Baru yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini akan terus meningkatkan daya saing syarikat-syarikat negara dan akan menyumbang kepada peningkatan eksport Malaysia. Satu daripada matlamat dasar inisiatif ini adalah untuk mencerdaskan sektor swasta bagi melahirkan peneraju serantau melalui penggalakan perkongsian di antara syarikat berketajaan kerajaan ataupun SBK dengan syarikat sektor swasta dan pembentukan jaringan serantau yang agresif di rantau Asean, China, India dan juga Asia Barat.

■1010

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi kalau kita ingat Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya di Invest Malaysia baru-baru ini telah menyatakan bahawa eksport sektor perkhidmatan perlu dipertingkatkan, terutamanya dalam Model Ekonomi Baru yang akan datang ini. Jadi apakah sumber-sumber baru yang dikenal pasti bagi pertumbuhan eksport dalam sektor perkhidmatan yang kita pasti berupaya untuk meletakkan kembali Malaysia sebagai dengan izin, *emerging tigers* dalam bidang eksport ini? Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lipis di atas soalan tambahan tersebut. Benar kerajaan memberi keutamaan sekarang ini di dalam mengeksport industri perkhidmatan. Dalam usaha untuk mempelbagaikan eksport, kerajaan juga mengenal pasti peluang-peluang ataupun sumber-sumber baru dalam industri perkhidmatan ini. Antaranya ialah seperti perkhidmatan berkaitan dengan pembuatan, perkhidmatan sokongan

kejuruteraan seperti mereka bentuk dan penyelenggaraan auto mesin dan sistem, ujian dan kaliberasi, perkhidmatan perniagaan dan profesional, perdagangan pengedaran, perkhidmatan pembinaan, perkhidmatan pelajaran dan latihan, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan logistik, perkhidmatan ICT, perkhidmatan *oil & gas* dengan izin, perkhidmatan ikhtisas dan *creative design industry*, dengan izin.

Selain daripada itu, seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya di Invest Malaysia baru-baru ini, di mana beliau telah menyatakan bahawa terdapat begitu banyak sekali sektor pertumbuhan strategik di mana Malaysia benar-benar mempunyai potensi untuk berkembang dan kita mempunyai kekuatan tersendiri dalam bidang ICT contohnya dan juga industri kreatif iaitu kepakaran dalam muzik, filem, kesenian dan budaya. Kita boleh menjadikan sektor yang penting ini untuk Malaysia pada masa-masa hadapan. Dengan asas yang kukuh dalam kepakaran di bidang perubatan, saintifik dan pembuatan, maka kita juga boleh menjadi pusat serantau untuk sektor bioteknologi dan juga sains hayat ataupun *life sciences* dengan izin. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *[Bangun]*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat Kepong dan Arau. Pada pagi ini saya hendak bersikap adil. Saya beri kepada suara wanita, sila.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah strategi yang diguna pakai oleh kerajaan untuk memastikan kebanjiran barang-barang import yang ada dalam negara kita ini tidak menjadi saingan yang hebat terhadap industri tempatan terutama pakaian dan sebagainya? Jadi sejauh mana pemantauan dibuat dan sejauh mana usaha yang dibuat juga untuk mengurangi barangan import daripada sudut makanan yang mana kebergantungan Malaysia terhadap makanan import ini masih lagi tinggi?

Dato' Mukhriz bin Tun Mahathir: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sedar bahawa setelah kita memeterai Perjanjian Perdagangan Bebas antara China dan ASEAN, maka lebih banyaklah barangan import dari China telah memasuki pasaran kita dan membanjiri pasaran. Kita dapati bahawa ini suatu yang tidak dapat kita elakkan di peringkat yang awal. Contohnya waktu kita menandatangani Perjanjian AFTA juga, ini yang berlaku tetapi selepas beberapa tahun, kita dapati bahawa ada penyesuaian dalam pasaran di mana akhirnya industri tempatan kita dapat bersaing.

Saya akui bahawa pertumbuhan import barangan dari China khususnya telah meningkat dengan begitu ketara sekali dan sebenarnya melepasi 10% pertumbuhan setiap tahun. Ada juga cadangan sebelum ini supaya dihadkan import barangan dari China kepada hanya 10 peratus setiap tahun tetapi kita sedar bahawa eksport barangan kita ke China juga penting dan sebenarnya pertumbuhan eksport ke China dari Malaysia bertumbuh pada kadar yang lebih pesat daripada import kita dari China. Mengikut laporan dalam surat khabar hari ini, ada suatu laporan daripada Nomura yang menyatakan bahawa pada bulan Mac yang lepas kemungkinan besar China buat kali pertamanya mempunyai defisit dalam perdagangannya. Maksudnya import ke China lebih besar daripada eksport dari China.

Jadi dalam soal pakaian dan makanan tadi, kita dapati bahawa sudah tentu kita pada tahap ataupun kedudukan yang kurang kompetitif berbanding dengan China dalam mengeluarkan pakaian kerana kos mereka yang begitu rendah. Akan tetapi daripada segi makanan pula, sudah tentu penekanan untuk memastikan bahawa kita tidak terlalu bergantung kepada import adalah satu perkara yang penting dan saya yakin bahawa kerajaan akan terus berusaha supaya kita tidak terlalu *dependence* ataupun bergantung kepada import makanan dan akan menggalakkan lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha kita untuk memproses makanan dalam pasaran tempatan kita. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Kalau boleh soalan tambahan satu?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah menjadi kebiasaan kita bahawa soalan tambahan cuma kita benarkan dua sahaja. Maaf Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Nurul Izzah Anwar.

2. Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan:-

- (a) usaha-usaha kerajaan dalam melahirkan Malaysia yang berinovasi selain daripada penubuhan MyNIC; dan
- (b) senarai program serta aktiviti di bawah MyNIC dan KPI yang digunakan dalam menilai kadar kemampuan inovasi negara dan kejayaan MyNIC.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Haji Fadillah bin Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Tuan Yang di-Pertua, kami turut mendoakan kesihatan dan juga kekuatan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Ledang pada 15 April 2010 kerana ia menyentuh isu yang sama iaitu MyNIC. Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, MOSTI telah melaksanakan berbagai-bagai program untuk melahirkan masyarakat berinovasi. Program-program tersebut meliputi penerbitan, program kesedaran, program penggalakan, pertandingan, pameran dan pembangunan modal insan. Contohnya dalam program penerbitan, kita menerbitkan dengan kerjasama *Utusan Malaysia*, buletin *Estidotmy* dan juga beberapa penerbitan saintifik yang lain. Ianya juga boleh dalam bentuk bercetak mahupun melalui TV dan juga melalui *website-website*.

Yang kedua, program kesedaran. Contohnya portal menyalurkan kesedaran saintifik secara digital dan atas talian seperti MyIdeas, cybersafe dan Info STI supaya maklumat disampaikan dengan lebih meluas hingga ke akar umbi.

Ketiga, program penggalakan. Ia merupakan usaha kementerian melalui insentif dana, anugerah dan pengiktirafan. Program penggalakan sains, teknologi dan inovasi berjumlah RM45 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan telah disalurkan.

Keempat, pertandingan. Pelbagai pertandingan diadakan termasuklah pertandingan Reka Cipta *First League Lego* di peringkat sekolah rendah dan menengah, pertandingan Pelancaran Raket Universiti Malaya, pertandingan

Robotik Kebangsaan. Pertandingan Robotik Kebangsaan dijalankan bersama dengan Kementerian Pengajian Tinggi. *National Science Challenge* untuk sekolah menengah, pertandingan produk-produk inovatif sempena Malaysia Inovatif 2010.

Kelima, pameran. Pameran bergerak diadakan untuk komuniti dan kawasan luar bandar yang meliputi lima wilayah iaitu utara, selatan, timur, barat, Sabah dan juga Sarawak. Pameran-pameran diadakan merangkumi Minggu Sains dan Teknologi ataupun MESTI, MOSTI dan juga Karnival Malaysia Inovatif 2010.

Seterusnya ialah dalam konteks pembangunan modal insan. Ini kita jalankan dengan mengadakan latihan kepada komuniti termasuk nelayan dan pelbagai lagi. Unit HR di MOSTI juga telah melaksanakan program penajaan bagi biasiswa *National Science Fellowship* dan *Fellowship* Pengajian Sarjana dan Kedoktoran Falsafah kepada lulusan IPTA dan IPTS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program dijalankan tersebut adalah selari dengan misi MOSTI iaitu sains, teknologi dan inovasi bagi menjana ilmu pengetahuan, mencipta kejayaan dan kesejahteraan masyarakat.

■1020

Program kementerian tersebut dijalankan oleh 28 jabatan dan agensi di bawah MOSTI mengikut lima *cluster* bidang keutamaan MOSTI iaitu:

- (i) S2S ataupun *Sea To Space*;
- (ii) *Industry*;
- (iii) *S&T Core*;
- (iv) *Biotechnology*; and
- (v) ICT.

MOSTI juga mengadakan jalinan kerjasama dengan kementerian lain dalam program seperti Malaysia Inovatif 2010 di mana pelbagai kementerian, kerajaan negeri dan juga pihak swasta dan badan bukan kerajaan terlibat. Kita telah mewujudkan MyIdeas Portal dengan kerjasama Yayasan Inovasi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b), cadangan penubuhan Pusat Inovasi Negara ataupun MyNIC adalah untuk mewujudkan satu ekosistem inovasi yang menyeluruh di negara ini. Sehingga kini MOSTI sedang memperincikan kerangka MyNIC untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. MOSTI telah mengadakan beberapa siri bengkel yang dihadiri oleh pihak universiti dan perbincangan dengan pelbagai kementerian agensi dan pihak industri untuk mendapatkan maklum balas serta pandangan sebelum dimuktamadkan.

Antara cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam penubuhan MyNIC ialah;

- (i) sebagai *technology power house*, dengan izin, bagi pembangunan kelulusan *techno* ataupun *techno enterprise*;
- (ii) sebagai platform bagi perkhidmatan pengkomersialan harta intelek melalui *business arm*;
- (iii) menguruskan dana inovasi;

- (iv) menguruskan pepadanan R&D dengan permintaan pasaran; dan
- (v) mengenal pasti produk-produk baru dan teknologi baru untuk pasaran domestik dan antarabangsa.

lanya masih di peringkat perincian dan ini sebahagian daripada apa yang dicadangkan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan Menteri menjawab dua soalan iaitu soalan pada hari ini dan soalan pada 15 April 2010 daripada Yang Berhormat Ledang, saya benarkan tiga soalan tambahan. Yang Berhormat Lembah Pantai, selepas itu Yang Berhormat Ledang.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya fikir kerajaan pun sedar bagaimana koordinasi dan kerjasama antara kementerian dalam menjayakan mana-mana agenda termasuklah dalam membantu merealisasikan cita-cita kerajaan menjadikan inovasi sebagai pemacu utama dalam kemajuan negara, ini penting. Saya beri contoh terdapat lima kementerian yang menjalankan kajian pembangunan R&D untuk agenda kebangsaan tetapi tanpa sebuah rangka dan hala tuju yang satu.

Yang Berhormat Menteri, tiga hari lepas mengumumkan bahawa kementerian telah minta kelulusan daripada Kabinet untuk mewujudkan Majlis Sains dan Kajian Kebangsaan dalam menyatukan usaha-usaha R&D yang berlainan.

Saya pergi kepada soalan susulan saya, tadi disebut tentang Pusat Inovasi Kebangsaan yang sedang dalam perangkaan. Soalan saya apakah langkah-langkah yang akan diambil dan sedang diambil oleh kementerian dalam membantu usaha pengkomersialan industri-industri yang sedia ada kerana saya lihat banyak penekanan yang diberikan kepada industri-industri baru di peringkat universiti, di peringkat penyelidikan. Sementara kritikan utama yang diberikan oleh pihak-pihak industri adalah kurangnya penumpuan terhadap penyelidikan yang sudah sedia ada terutamanya di peringkat SME. Mereka masih memerlukan bantuan kementerian untuk pengkomersialan dan usaha ke arah menjadi syarikat taraf antarabangsa.

Jadi apakah penumpuan yang akan diberikan kepada industri yang sedia ada, bukannya yang baru. Terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Kita sedar bahawa setelah berapa lama antara *gap* ataupun kelompongan yang wujud antara kementerian dalam konteks R&D sehingga membawa perkara ini ke pasaran. Sebab itu salah satu tujuan kita ialah menubuhkan MyNIC. Di mana MyNIC adalah satu pusat yang untuk menghubungkan antara akademik di mana *research* dan *development* dilakukan dan juga untuk membawa *research and development* itu ke pasaran. Itulah MyNIC, Pusat Inovasi Negara nanti akan dihubungkan dengan *centre of excellent* di universiti-universiti mahupun di *research institute* sama ada kerajaan mahupun swasta.

Apa yang kita lakukan adalah secara berterusan mengadakan dialog dengan industri *players* dengan izin. Kita mengadakan program-program berbentuk *business matching*. Kita mengadakan dasar harta intelek untuk membantu dan mengiktiraf daripada pembangunan idea sehinggalah kepada pembangunan produk menjadi satu produk inovatif diberi dengan insentif-insentif

tertentu dan ini yang kita lakukan secara berterusan dan peranan kita di MOSTI ialah untuk membangunkan sehingga ke tahap *pre commercialization*. Akan tetapi selepas *commercialization* ianya akan diambil alih oleh agensi-agensi lain ataupun kementerian-kementerian lain.

Sebab itu kita mewujudkan jaringan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain. MITI misalnya, Kementerian Pertanian, dan pelbagai kementerian untuk kita menyelaraskan supaya kajian yang telah dibangunkan akan dapat dibawa ke pasaran ataupun diaplikasikan kepada penggunaan untuk masyarakat. Itu yang kita laksanakan secara berterusan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Alhamdulillah* lah, dapat bertemu semula dengan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya rasa Penubuhan Pusat Inovasi ini belum lagi terlambat kerana sebelum ini sudah ada Taman Teknologi, MARDI dan sebagainya.

Soalan tambahan saya ialah bagaimana kita boleh membentuk satu impak yang lebih tinggi supaya inovasi dalam negara kita ini dapat menjurus kepada pengkomersialan dan syarikat-syarikat boleh sama-sama bergabung di mana kalau boleh Taman Teknologi, MARDI termasuk pusat-pusat kajian yang lain bergabung dengan syarikat-syarikat awam supaya semua hasil inovasi dapat dikomersialkan dalam kadar yang segera dan menjurus kepada peningkatan pendapatan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya kalau boleh hendak merakamkan dalam Dewan ini kita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Prof. Dato Jimmy Choo yang telah menghasilkan karya walaupun kasut, tetapi nilainya beratus ribu dan telah pun selesai pameran. Ini adalah hasil inovasi yang saya fikir boleh menjadi rujukan kepada rakyat negara Malaysia dan bagaimana Kementerian MOSTI ini dapat mengambil itu sebagai satu pendekatan, sekian terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar bahawa sekarang ini pun terdapat salah faham di kalangan masyarakat kita bahawa apabila kita menyebutkan inovasi ianya berhubung kait rapat dengan hanya bidang-bidang berkaitan dengan sains dan teknologi. Akan tetapi apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana kita di peringkat kementerian pun memberi kesedaran sepenuhnya bahawa inovasi ini merangkumi semua bidang termasuklah bidang-bidang kreatif, Jimmy Choo misalnya dalam bidang kasut banyak lagi bidang-bidang yang boleh kita beri keutamaan.

Sebab itulah yang kita hasratkan bersama Yang Berhormat Ledang dengan penubuhan Pusat Inovasi Negara ini. Kita mengharapkan kita akan dapat menghimpunkan segala kelemahan yang ada melalui kita menghubungkan pusat-pusat *research*, penyelidikan sama ada di universiti, di pihak swasta, supaya kita menggabungkan untuk kita memberi fokus keutamaan apakah bidang-bidang yang boleh kita pasarkan, bagaimana kita boleh membantu dan sebagainya. Namun itu bukan sahaja kita memfokuskan kepada *commercialization*, kita harus ingat bahawa inovasi ini kita kena bawa di peringkat awal lagi, malah di peringkat sekolah rendah sekalipun untuk kita wujudkan kesedaran betapa pentingnya kreativiti dan inovasi dalam pendidikan anak-anak kita supaya mereka akan ada kesedaran tentang kreativiti dan inovasi di peringkat awal lagi.

Sebab itu kita berikan juga sumbangan-sumbangan ataupun bantuan dana daripada membentuk penyelidik-penyelidik. Itu juga merupakan asas yang harus kita lakukan. Sebab penyelidikan asas atau *basic* ini amat penting untuk kita menjanakan pendapatan lebih besar. Sebab itu *research, pattern* dan sebagainya menjadi fokus utama, bukan sahaja kepada *commercialization*, sebab *commercialization* ini akan hanya terbentuk dalam bentuk-bentuk sokongan yang saya nyatakan tadi, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau. Banyak kali Yang Berhormat Arau berdiri. Sila.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Selamat kembali bertugas, semoga Dewan kembali menyinar dengan kehadiran Tuan Yang di-Pertua. [*Tepuk*] Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Soalan tambahan saya, saya difahamkan MyNIC Berhad ini menduduki tempat keempat dalam perbelanjaan kerajaan untuk *research and development*.

■1030

Jadi saya ingin bertanya pihak kementerian pada Rancangan Malaysia Kesepuluh, kementerian difahamkan telah meminta RM10 bilion untuk menjayakan MyNIC Berhad dalam aktiviti yang telah Yang Berhormat maklumkan tadi. Berapa banyakkah projek yang telah dikomersialkan setakat ini dan bagaimanakah penglibatan pihak swasta selama ini dalam membantu usaha menjayakan MyNIC ini. Jadi pohon jawapan Menteri.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Seperti mana yang saya nyatakan tadi Yang Berhormat Arau, MyNIC atau Pusat Inovasi Negara ini dalam proses untuk penubuhan yang telah diumumkan dalam Bajet 2010. Sekarang ini ialah untuk kita membuat perincian. Apa yang telah diberikan peruntukan ialah RM10 juta untuk kita membuat persiapan awal dan diharapkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, ianya akan dapat dilaksanakan sepenuhnya dengan fokus yang saya nyatakan tadi iaitu untuk menghubungkan *excellent centre* di universiti-universiti, pusat-pusat penyelidikan kerajaan dan swasta supaya kita akan dapat memfokuskan bidang-bidang yang boleh kita bawakan untuk menambah penjanaan pendapatan negara kita, dan juga untuk kita kenal pasti apakah bidang-bidang yang dapat diberi keutamaan misalnya bidang keutamaan, bidang *food security*, bidang *energy security* dan sebagainya.

Jadi ini dapat diselaraskan dan memang sebenarnya kita pohon peruntukan yang besar sebab kita sedar bahawa untuk kita menjana pendapatan ataupun *new growth sector* dengan izin, kita kena memberi fokus kepada bidang sains teknologi, dan kreativiti dan inovasi ini merupakan asas kepada sains dan teknologi tersebut untuk kita mencipta kekayaan baru, ini yang kita harapkan. Setakat ini ingin saya maklumkan melalui dana-dana yang kita uruskan, kita telah berjaya – Bilangan pengkomersialan sebanyak 290 projek yang berjaya memperoleh pendapatan lebih kurang RM2.8 bilion setakat ini, terima kasih.

3. Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kerajaan bercadang untuk menetapkan harga syiling bagi rokok kerana harga yang tinggi serta gambar-gambar grafik penyakit di kotak rokok tidak dapat menghalang perokok dari terus merokok.

Menteri Kesihatan [Dato' Seri Liow Tiong Lai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, harga rokok merupakan antara faktor yang paling penting dalam mempengaruhi atau menentukan kadar atau *prevalent* rokok dalam sesuatu masyarakat. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang memetik sumber dari kajian Bank Dunia pada tahun 1969, kesan kenaikan harga rokok sebanyak 10% hampir serta-merta mampu mengurangkan permintaan terhadap rokok sebanyak 8% di kalangan negara-negara membangun dan 4% di kalangan negara maju. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kurangnya permintaan terhadap rokok daripada anggota masyarakat yang sangat sensitif terhadap peningkatan harga iaitu golongan kanak-kanak, remaja dan golongan miskin. Harga rokok yang tinggi mampu menghadkan kebolehcapaian *accessibility* golongan ini dan dengan demikian boleh membendung tabiat merokok di kalangan mereka.

Melalui peruntukan dalam peraturan-peraturan kawalan hasil tembakau, Kementerian Kesihatan sejak Januari 2010 telah menetapkan harga lantai atau harga minimum rokok bagi pasaran runcit di Malaysia agar tidak melebihi 32 sen sebatang atau RM6.40 sekotak bagi 20 batang. Kementerian tidak perlu menetapkan harga siling kerana harga rokok yang tinggi sememangnya bertepatan dengan objektif kesihatan untuk menghadkan kebolehcapaian awam terhadap rokok, terima kasih.

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, isu kenaikan harga rokok menyebabkan perokok beralih kepada rokok tiruan yang lebih murah dan juga rokok yang diseludup. Kenaikan harga rokok telah mengakibatkan rakyat mengambil rokok yang rendah kualitinya yang sekali gus akan lebih membahayakan kesihatan perokok tersebut. Semenjak harga rokok dinaikkan pada 1 Januari 2010, kegiatan penyeludupan dikatakan telah meningkat seperti mengambil contoh di Terengganu sehingga bulan Februari yang lalu, lima kali penangkapan dan rampasan rokok telah dilakukan yang bernilai RM271 ribu yang mengakibatkan cukai berjumlah RM943 ribu. Jenama rokok yang diseludup dan yang berjaya dirampas ialah keretek Suria, Nusantara, Texas, June, Saat dan modine semuanya berkualiti rendah.

Soalan saya, apakah langkah-langkah seterusnya yang akan diambil oleh kerajaan untuk menyedarkan orang ramai tentang bahaya merokok dan bagaimana kerjasama sewajarnya ditingkatkan antara agensi-agensi kerajaan dan orang awam untuk membanteras penyeludupan khususnya rokok ini, terima kasih.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sentiasa mengadakan kempen kesedaran kepada orang awam tentang bahayanya merokok. Kita jelas menerangkan bahaya merokok dan juga dapat mengaitkan bahawa peningkatan bilangan pesakit kronik termasuk pesakit barah yang meningkat dalam negara kita lebih kurang 132 *per 100,000 population* dan juga bagi pesakit jantung lebih kurang 141 orang *per 100,000 population*, menunjukkan peningkatan yang setiap tahun. Ia adalah juga bersangkutan paut dengan merokok.

Kementerian Kesihatan akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang lain termasuk kastam untuk menangani penyeludupan yang berlaku dalam negara ini. Kita dengan adanya sekarang gambar amaran merokok, *pictorial warning* dan juga harga minimum rokok, ini akan memudahkan pihak kastam untuk membanteras rokok-rokok yang di *smuggle*, dibawa masuk ke dalam negara kita. Berhubung dengan ada di antara perokok yang bertukar kepada rokok tiruan, ada yang sekarang bertukar kepada rokok elektronik *cigarette*, ada antaranya melalui internet membeli *electronic cigarette* yang mengandungi bahan nikotin. Itu adalah di bawah kawalan *drug* iaitu kawalan racun – Akta racun dan kita kena ambil tindakan sewajarnya, sekian.

■1040

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai yang telah meminta kerajaan untuk meningkatkan lagi harga minimum rokok ini. Memang buat masa ini kita baru memperkenalkan harga minimum rokok pada bulan Januari ini. Kita akan melihat kesannya dan sekarang seterusnya kita akan memastikan ketidakcapaian golongan remaja terhadap rokok.

Bungkusan rokok 14 batang iaitu bungkusan yang lebih kecil, kita akan haramkan dan hanya bungkusan 20 batang sahaja yang boleh dijual di pasaran iaitu kita harap remaja tidak akan dapat membeli rokok-rokok yang murah di pasaran.

Seterusnya, kita akan mengkaji langkah-langkah yang lebih termasuk mengadakan lebih banyak tempat-tempat tidak boleh merokok, kawasan *non smoking area* akan diperluaskan. Maaf ya Yang Berhormat Sri Gading. Ini kerana ini kerajaan prihatin. Kerajaan hendak jaga kesihatan rakyat. Kita hendak pastikan rakyat kita sihat.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Cafe Parlimen tempat merokok.

Dato' Seri Liow Tiong Lai: Kita akan pastikan kawasan larangan merokok diperluaskan untuk menjaga kesihatan rakyat. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, minta mohon satu lagi tentang unsur babi dan rokok Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah menjadi budaya kita dua sahaja soalan tambahan. Ahli-ahli Yang Berhormat, gemar sangat untuk *pushing you are luck*. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Kasim, Kuala Kedah.

4. Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah] minta Perdana Menteri menyatakan maklumat terkini mengenai jumlah kakitangan kerajaan daripada kaum India dinisbahkan dengan peratusan penduduknya khususnya dalam Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Perpaduan dan Jabatan Penerangan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Tuan Yang di-Pertua, saya turut gembira dapat melihat Tuan Yang di-Pertua kembali balik bertugas. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Disember 2009, pengisian kaum India dalam sektor awam adalah seramai 50,153 orang iaitu 4%. Nisbah berdasarkan peratusan penduduk kaum India berbanding peratusan dalam perkhidmatan awam ialah 1:1.8.

Nisbah peratusan kaum India yang sedang berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia berbanding peratusan penduduknya ialah 1:7.4. Selain itu, nisbah peratusan dalam pasukan polis ialah 1:2.1. Jabatan Perpaduan 1:1.8 dan Jabatan Penerangan ialah 1:2.4. Sekian, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Inilah dasar Pakatan Rakyat. Orang Melayu tanya soalan berkaitan orang India. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab begitu ringkas sekali. Apa yang ingin saya bangkitkan di sini ialah jabatan-jabatan yang saya minta ini, jabatan-jabatan yang sangat sensitif dari sudut perkaumannya.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah ini dijadikan satu polisi dasar di bawah 1Malaysia ini yang menjadikan perkhidmatan khususnya yang tidak bersifat perkauman ini merentasi kaum seperti mana dilaungkan dalam slogan 1MaLaysia ini supaya jabatan-jabatan ini tidak dimonopoli khususnya kepada kaum-kaum yang tertentu sahaja.

Saya juga bimbang soal generasi kedua, masyarakat India yang mungkin akan kehilangan jawatan. Kalau boleh, sedikit lagi penjelasan soal perjawatan yang tinggi itu bermakna bukan sekadar menjawat jawatan di peringkat rendah tetapi jawatan-jawatan yang tinggi di dalam angkatan tentera, di dalam polis, dalam jabatan-jabatan yang saya minta. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kedah. Untuk maklumat Yang Berhormat berdasarkan unjuran bilangan penduduk, ada di Malaysia ini pada tahun lalu. Bilangan penduduk daripada kaum India adalah seramai 1.9 juta. Jumlah tersebut mewakili 7.4% daripada jumlah penduduk Malaysia. Jadi, andaian Yang Berhormat bahawa jawatan yang tidak disandang ini adalah tidak benar.

Bagi perkhidmatan PDRM seumpamanya, dari jumlah keseluruhan 103,051 pegawai 3,591 iaitu 3.5% adalah terdiri daripada kaum India dengan pecahan 37 pegawai di peringkat pegawai kanan dan selebihnya 250 lagi di peringkat pegawai rendah atau lain-lain pangkat. Manakala bagi perkhidmatan di Jabatan Perpaduan, daripada sejumlah 868 pegawai, 35 adalah pegawai daripada kalangan kaum India dengan pecahan enam pegawai di peringkat pengurusan dan profesional serta 29 pegawai di peringkat kumpulan sokongan.

Di Jabatan Penerangan pula Yang Berhormat seramai 74 orang pegawai daripada kalangan kaum India berkhidmat di jabatan tersebut. Daripada keseluruhannya 2,422 orang. Pecahan mengikut kumpulan perkhidmatan adalah lima pegawai sedang berkhidmat di peringkat pengurusan dan juga profesional manakala 69 pegawai lagi berkhidmat di peringkat kumpulan sokongan. Sekian, itu sahaja.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak BNBBCC mengucapkan selamat kembali bertugas Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah untuk jangka panjang dan jangka pendek

untuk meningkatkan penyertaan kaum bukan Melayu dalam sektor pekerjaan supaya tercapai konsep 1Malaysia? Mohon menjawab.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Kerajaan sentiasa peka untuk menarik ramai pemohon daripada semua kaum untuk menjawat jawatan di jawatan kerajaan. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa semua jawatan ini terpulang lah kepada individu-individu berkenaan tidak kira daripada apa sahaja latar belakang untuk datang memohon.

Kalau ramai yang memohon Tuan Yang di-Pertua, jadi peluang memang besar untuk dilantik di sektor awam ini. Jadi, kerajaan sentiasa mengadakan program-program seperti hari terbuka, hari bersama dengan pelanggan untuk menarik pemohon dan juga parti-parti politik juga memainkan peranan yang amat penting untuk mengalu-alukan ahli-ahli mereka untuk memohon di jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan.

Selain daripada itu, pendaftaran secara *online* di *website* telah pun dianjurkan dan ini dijalankan tiap-tiap hari, 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu. Selain daripada itu, *Jobs Malaysia* yang telah pun dianjurkan oleh kerajaan juga memberi perkhidmatan kepada pihak pemohon dalam perkara ini. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

5. Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah masjid dan surau seluruh negara dan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menjaga kebajikan jemaah masjid dan surau ini termasuk meningkatkan silaturahmi dan perpaduan ummah.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau senyap selalu macam ini, memang sentiasa sihatlah. *[Ketawa]*

■1050

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan kehadiran Tuan Yang di-Pertua untuk bertugas semula pada hari ini.

Yang Berhormat Dungun, kerajaan melalui JAKIM telah mewujudkan sistem maklumat imam dan juga masjid-masjid di seluruh Malaysia yang ringkas nama sistem maklumat imam dan masjid itu ialah SISMIM. Maklumat daripada SISMIM di mana sistem kita mengumpulkan semua sekali masjid-masjid di seluruh Malaysia di dalam satu tabung ataupun bank masjid dan juga imam-imam, di mana bilangan imam masjid dan di surau di seluruh Malaysia berdasarkan daripada sistem SISMIM ini, iaitu di seluruh Malaysia pada tahun 2009 yang telah kita daftarkan daripada bank maklumat SISMIM tersebut, masjid ialah sebanyak 6,119 buah manakala surau ialah 18,227 buah.

Bagi menjaga kebajikan jemaah masjid, kerajaan telah memperuntukkan bagi bayaran imbuhan elaun imam-imam ialah sebanyak RM76 juta setahun, bayaran bagi pengimarah takmir ialah sebanyak RM9 juta dan bayaran Pegawai Penyelaras Pembangunan Masjid Daerah sebanyak RM1.7 juta setahun.

Di samping itu, JAIN ataupun Jabatan Agama Islam Negeri dari semasa ke semasa memberikan sumbangan dana selain daripada pihak Kerajaan Pusat, Jabatan Agama Islam Negeri juga memberikan sumbangan untuk pengimarah masjid dan juga surau. Bagi mengeratkan perpaduan dan silaturahmi di kalangan ahli kariah masjid sebagai mana soalan, beberapa langkah telah dilaksanakan.

- (i) program kemasyarakatan seperti mana gotong-royong, khairat kematian dan sambutan-sambutan hari kebesaran termasuk Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha dan sebagainya diadakan pada setiap masjid kebanyakan;
- (ii) mengadakan kelas-kelas fardu ain dan juga pengajian-pengajian lain kepada masyarakat;
- (iii) program ziarah dan memberikan sumbangan kepada golongan terpinggir seperti mana ibu tunggal, anak yatim, mangsa bencana alam, fakir miskin dan sebagainya;
- (iv) program sambutan hari kebesaran dan juga negara seperti mana Maal Hijrah, Maulidur Rasul, sambutan Hari Kemerdekaan, Hari Pahlawan, Nuzul Al-Quran, Ihya' Ramadhan dan juga sebagainya;
- (v) program korban dan aqiqah di masjid; dan
- (vi) program riadah, sukan, kem ibadah, kem motivasi untuk golongan remaja.

Kerajaan juga mengharapkan ahli-ahli kariah dan juga badan-badan NGO turut memainkan peranan yang aktif bagi sama-sama mengimarahkan masjid dan surau di seluruh negara dalam meningkatkan perpaduan di kalangan masyarakat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, salah satu sebab berlakunya masalah perpaduan di kalangan anak kariah masjid ini ialah pelantikan pegawai-pegawai masjid itu bukan dibuat berdasarkan kepada pilihan anak kariah sendiri, tetapi disebabkan pelantikan terus dan ada masjid-masjid yang tidak pernah mengadakan mesyuarat agung. Adakah pihak kerajaan bersedia untuk menyerahkan urusan pelantikan pegawai-pegawai masjid yang berkelayakan dan berwibawa ini diserahkan kepada anak kariah itu sendiri? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pelantikan jawatankuasa masjid yang dikatakan sebagai salah satu faktor berlakunya perpecahan ataupun dianggap sebagai faktor kepada berlakunya ketidaksepaduan masyarakat setempat dalam konteks kariah masjid, kebiasaannya Tuan Yang di-Pertua, mengambil kira sama ada diberikan pelantikan tersebut oleh pihak kerajaan ataupun pelantikan tersebut dibuat oleh pihak masjid sendiri, sentiasa berlaku perpecahan di kalangan kedua pihak sebab wujudnya pandangan yang berbeza dan mereka tidak boleh bersepadu di dalam perbezaan kesepaduan. Apa yang boleh saya sebutkan bahawa mereka tidak ada perasaan *respect* ataupun menghormati perbezaan pandangan. Siapa yang menang, akan dianggap sebagai musuh kepada yang kalah dan kalah dianggap musuh kepada yang menang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat, pelantikan jawatankuasa masjid ini adalah merupakan hak negeri masing-masing. Kalau Yang Berhormat Padang Terap daripada Kedah, ini pelantikan yang dibuat oleh jabatan ataupun Majlis Agama Islam Negeri masing-masing. Saya fikir mungkin barangkali untuk memulakan pelantikan ini, Yang Berhormat Padang Terap boleh bawa usul nanti

ke negeri Kedah supaya pelantikan dibuat oleh anak kariah masing-masing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dungun sudah mula risau. Dia ingat saya tidak panggil. Sila, Yang Berhormat Dungun.

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana ingat lagi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang menyediakan banyak masjid dan juga surau yang juga memberikan kualiti dan memberi daya tarikan rangsangan kepada umat Islam dalam dan luar negara.

Imam dan bilal ini Yang Berhormat Menteri, orang penting dalam mengurus, mengembang dan menyebarkan agama Islam di masjid. Gaji imam di peringkat Masjid Negara ialah S48. Kalau tidak betul, perbetulkan balik. Di peringkat negeri S44, di peringkat daerah S41. Bolehkah Yang Berhormat Menteri kita selaraskan di semua peringkat iaitu Masjid Negara, negeri, daerah dan mukim kerana mereka adalah penting dalam usaha menyebarkan agama Islam dan ada sesetengah masjid ini kurang imam dan juga bilal kerana elaun ataupun gaji mereka rendah. Padahal kita mempunyai ramai anak-anak muda yang belajar di luar negara dan belajar di pondok-pondok dan juga di kolej-kolej agama. Merekalah yang boleh ditempatkan kalau tidak di jabatan-jabatan kerajaan, juga ditempatkan di masjid-masjid ataupun surau.

Namun masalahnya, gaji mereka yang tidak sewajar atau tidak seimbang dengan tugas dan tanggungjawab mereka di masjid dan surau. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan cadangan daripada Yang Berhormat Dungun tadi supaya diselaraskan. Apa pun kita melihat kepada beberapa kekangan untuk dalam tempoh yang terdekat. Maksud saya ialah kita ada lebih kurang sekarang ini 14,254 orang imam di seluruh Malaysia pada masjid-masjid yang mendirikan Sembahyang Jumaat termasuk surau-sarau Jumaat. 14,254 orang ini adalah satu jumlah yang banyak. Walau bagaimanapun, pada peringkat kerajaan negeri, kita pun telah selesai di mana sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dungun. Imam masjid di Wilayah S52, masjid yang dianggap sebagaimana masjid di Wilayah ini yang kita ada dekat dengan Jalan Duta. Di Masjid Negara kita ada imam besar, S54 untuk imam Masjid Negara tetapi untuk sebahagian yang kita fikirkan wajar untuk dipertimbangkan kepada KUP, Khas Untuk Penyandang, kita berikan Khas Untuk Penyandang dalam erti kata melebihi daripada S54 kepada JUSA C.

Untuk tujuan di masjid daerah, S41 dan begitu juga dengan imam besar di masjid-masjid negeri di seluruh negeri ialah S48 kecuali ada sebuah negeri sahaja yang masih lagi memakai S27. Kita *clear* di peringkat daerah, di peringkat negeri dan juga di peringkat Masjid Negara. Namun, kita masih lagi melihat secara dalam untuk pelantikan pada 14,254 imam-imam yang ada di seluruh Malaysia. Bahkan semalam, saya turun ke Kedah berjumpa dengan imam-imam. Kita sedang memikirkan Tuan Yang di-Pertua untuk tujuan kita memberikan elaun ataupun gaji yang tetap. Buat masa sekarang, pelantikan adalah hanya sekadar sebagai kontrak dan mereka menikmati elaun secara bulanan tetapi tidak mempunyai skim khas untuk tujuan pelantikan dan juga begitulah perjawatan yang dikhususkan.

Bagaimanapun, dalam konteks yang seperti ini, kita sedang berusaha untuk melihat kesesuaian dan juga rasional untuk kita melantik di peringkat negeri, daerah dan juga peringkat kampung-kampung kerana kita faham ramai sudah

pelajar-pelajar kita yang keluar daripada luar negara berpendidikan agama untuk mengisi dan juga dilantik sebagai imam-imam di peringkat kampung-kampung ini. Terima kasih.

■1100

[Soalan No.6 – Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang (Marang) tidak hadir]

7. **Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah kerajaan akan mula melaksanakan kajian untuk menaikkan had beban dari 38 tan ke 44 tan untuk kenderaan lori bagi laluan-laluan Persekutuan di Sarawak.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, *welcome back*.

Tuan Yang di-Pertua: *Thank you.*

Dato' Yong Khoon Seng: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Limbang, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum atas keperluan untuk menaikkan had berat muatan kenderaan di jalan-jalan persekutuan di Sarawak, Sabah dan Labuan. Ingin dijelaskan bahawa had berat muatan kenderaan adalah dikawal melalui Perintah Sekatan Berat Jalan Persekutuan dengan izin *Weight Restriction Order Federal Road 1989*.

Berpandukan kepada Perintah Sekatan Berat Jalan Persekutuan (Pindaan) 2003, adalah benar bahawa had berat maksimum muatan kenderaan di Sarawak, Sabah dan Labuan adalah 38 tan sahaja seperti mana tersenarai di Jadual Kedua, perintah sekatan berat tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faktor utama yang menentukan had berat muatan kenderaan di sesuatu laluan adalah berdasarkan kepada keupayaan struktur jambatan sedia ada. Bagi menangani masalah ini, Kementerian Kerja Raya telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan kajian *Assessment of Bridge Capacity In Sabah, Sarawak dan Labuan*.

Setakat ini, kementerian telah mengemukakan permohonan bagi mendapatkan perkhidmatan perunding dan dijangkakan kajian terperinci di tapak boleh dimulakan pada bulan Mei 2010 dan siap pada Februari 2011. Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan Kumpulan IKRAM bagi melaksanakan kajian ini.

Tujuan kajian ini adalah bagi menilai keupayaan struktur jambatan-jambatan sedia ada di jalan-jalan persekutuan. Hasil daripada kajian ini, Kementerian Kerja Raya akan dapat mengenal pasti jambatan-jambatan yang akan dapat menampung had beban yang lebih dan seterusnya dapat mengenal pasti jalan-jalan persekutuan di Sabah, Sarawak dan Labuan yang boleh dinaikkan had berat muatan maksimum daripada 38 tan Jadual Kedua, senarai kedua kepada 44 tan jadual kedua, senarai satu. Sekiranya mana-mana jambatan tidak mampu menampung beban yang lebih, Kementerian Kerja Raya akan mencadangkan satu program menaik taraf jambatan-jambatan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah selepas mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kajian untuk beban jambatan akan dibuat pada bulan Mei, jadi saya ingin bertanya, apakah kerajaan juga akan

menaik taraf daya beban untuk jalan raya persekutuan itu sendiri kerana saya tahu Jalan Raya Persekutuan di Sarawak khasnya adalah dibina seawal tahun 80-an? Di sini saya mengambil kesempatan untuk bertanya bilakah kerajaan juga akan melaksanakan jambatan di Sungai Penduruan kerana ia juga adalah sebahagian daripada jalan persekutuan di Malaysia Timur? Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Limbang, kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya sentiasa berusaha mempertingkatkan jalan-jalan persekutuan di Pan-Borneo. Selalunya kita memperbaikinya dan sekarang kita membuat kajian untuk jambatan-jambatan dan pemetung. Kita sedar bagi Sarawak sahaja, kita ada jambatan dan pemetung sebanyak 1,733 yang perlu dibuat untuk dinaiktarafkan, manakala di Sarawak ada 238. Itu adalah untuk jambatan dan pemetung. Jalan-jalan ada berkaitan dengan pemetung juga. Jalan sebelah dan dua belah, semuanya akan *diupgrade*. Berkenaan Jambatan Penduruan itu, saya akan menelitinya oleh sebab ini adalah di luar skop yang saya jawab pada pagi ini. Saya akan bagi jawapan secara bertulis.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah mengapa taraf atau standard jambatan di Sarawak adalah begitu substandard berbanding dengan jambatan-jambatan di Semenanjung sini sehinggakan kebolehan had beban jambatan di Sarawak adalah 38 tan berbanding dengan had beban jambatan di Semenanjung sini adalah 44 tan? Memandangkan had beban yang kurang di Sarawak itu telah menaikkan kos pengangkutan barang-barang di Sarawak, bilakah kajian itu akan dilengkapkan dan bilakah had beban itu akan dinaikkan? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan satu jangka masa supaya *transport company* di Sarawak boleh membuat perancangan?

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar Kuching kerana prihatin kepada jalan raya di luar Kuching. Yang sebenarnya, jambatan-jambatan di *trunk road* yang kita ada di *Federal Road* adalah satu *first road trunk road* Sarawak di mana banyak di jalan tersebut telah pun dibuat hampir 20 tahun yang lalu. Jambatan-jambatan dan pemetung-pemetung tersebut juga ada yang telah pun tidak berupaya lagi untuk membawa kenderaan berat.

Sebenarnya kita tahu dan sedar bahawa kos pengangkutan akan naik kerana muatannya tidak boleh melebihi dari 38 tan. Sebenarnya di Semenanjung pun ada senarai dua, senarai tiga yang juga kurang daripada 38 tan selori. Ada juga, bukan tidak ada. Akan tetapi yang sebenarnya kita telah pun membuat satu pertemuan dengan pihak *haulage* iaitu pihak pengangkutan supaya bukan sahaja di Jalan-jalan Persekutuan kita perlu *upgrade*, supaya lori-lori yang berat boleh berjalan dan kita minta pihak *transport company* kalau ada masuk ke taman-taman *industrial park* atau ke mana-mana tempat dengan lorinya yang membawa barang dengan muatan berat yang tinggi, kita akan berjumpa dengan mereka supaya kita akan memohon peruntukan untuk menaikkan taraf jambatan di tempat-tempat yang perlu untuk lori-lori. Ini kita sedang membuat pertemuan dengan pihak *haulage*, pihak *company* yang ada *transport*, ada lori itu. Sekian.

■1110

8. **Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]** minta Perdana Menteri menyatakan tahap kemajuan kerja bagi pembekalan gas asli dari Kimanis, Sabah ke Bintulu, Sarawak dan jumlah nilai perbelanjaan keseluruhan pembekalan ini sehingga ke kilangnya di Bintulu. Berapa lama tempohnya serta isi padu bekalan gas untuk mendapatkan kembali pulangan (*break even cost*).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' S.K. Devamany]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sepanggar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembekalan gas asli dari Kimanis, Sabah ke Bintulu merupakan sebahagian daripada projek bersepadu yang melibatkan pembangunan sektor huluan, *that is*, dengan izin, *offshore* di luar pantai Sabah dan sektor hiliran di Sabah, Sarawak, dengan izin, loji pemprosesan. Projek ini dilaksanakan setelah pihak Petronas membuat pertimbangan teknikal serta komersial secara menyeluruh dan mendalam.

Projek pembekalan gas asli dari Kimanis, Sabah ke Bintulu melibatkan dua projek utama iaitu SOGT - Sabah Oil and Gas Terminal dan SSGP - Sabah Sarawak Gas Pipeline. Tahap kemajuan projek SOGT masih di peringkat awal iaitu 84% di mana kerja-kerja penyediaan tapak utama telah disiapkan pada Mac 2009. Manakala kerja reka bentuk, dengan izin, *front end engineering design* hampir selesai. Projek ini dijangka beroperasi pada suku ketiga tahun 2013.

Sementara itu tahap kemajuan SSGP adalah 62% di mana kerja-kerja pembersihan tapak dan pemasangan paip sedang dilaksanakan. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 2011. Nilai perbelanjaan keseluruhan untuk pembekalan gas dari Kimanis ke Bintulu sahaja dianggarkan sebanyak RM5.5 bilion. Projek ini akan membekalkan gas sebanyak 500 juta kaki padu sehari ke Bintulu mengikut tempoh kontrak jangka panjang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan saya berbentuk, bilakah *break even* ini akan dijangka dapat diperolehi? Itu satu soalan. Kedua ialah ini ada kaitan dengan tenaga elektrik di mana di Sabah ini kita begitu teruk sekali, kerap ada gangguan elektrik ini. Kita tahu bahawa gas asli ini adalah diperolehi daripada gas asli di negeri ataupun di persekitaran Sabah dan mudah untuk diguna sebagai tenaga elektrik oleh pengguna elektrik. Maka itu sebab soalan saya, apakah sebenarnya tujuan kerajaan? Adakah ini tujuan kerajaan untuk mengetepikan rakyat Sabah yang tidak mempunyai elektrik ini dan mendapatkan keuntungan semata-mata untuk Petronas? Terima kasih.

Dato' S.K. Devamany: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan soalan tambahan daripada Yang Berhormat dari Sepanggar. Sebenarnya bukan tujuan kerajaan untuk memberi keuntungan kepada Petronas. Pertama, konteks Petronas perlu diketahui. Petronas adalah syarikat kerajaan. Keuntungan yang diperolehi oleh Petronas akan disalurkan balik kepada pembangunan negara, satu.

Yang kedua ini, projek ini akan membawa hasil kepada banyak syarikat hiliran yang bakal muncul ataupun tumbuh di sekitar Kimanis dan juga Sabah kerana kalau kita lihat ekor dari projek ini, akan ada loji untuk menjana elektrik di Kimanis itu sendiri yang bakal memberi bekalan elektrik kepada Sabah.

Yang ketiga ini, banyak juga syarikat-syarikat di Sabah yang terlibat dalam pelbagai kerja kontrak bagi projek ini kerana projek ini besar dan luas.

Contohnya, projek ini akan melibatkan banyak komponen segmen yang akan melibatkan *engineering, procurement, construction* dan *commissioning*, dengan izin. Maka, dalam semua proses ini akan melibatkan syarikat-syarikat dari Sabah. Akhir sekali, untuk makluman Yang Berhormat, salah satu syarikat yang akan membina loji sebegini telah dibina di Qatar dan ini merupakan loji yang terbesar di dunia. Mujurlah kita ada kepimpinan yang jauh ke depan, bervisi, maka loji di Sarawak iaitu di Bintulu telah diilhamkan pada 1984 di mana Sabah akan membekalkan gas untuk menjadikannya satu loji yang begitu besar, yang boleh bersaing di peringkat antarabangsa.

Kalau kita tidak dapat, pasaran kita, kita tidak dapat bersaing. Pasaran kita adalah negeri China, Jepun, Taiwan dan Korea. Maka, ada pihak-pihak lain yang akan mengambil peluang untuk menembusi pasaran-pasaran itu. Maka, terpaksa kita mengupayakan Bintulu dengan satu keupayaan yang besar melalui bantuan dari Sabah. Maka, itulah royalti juga akan tetap dibayar kepada Sabah untuk membantu balik khazanah sumber alam yang diberikan untuk projek ini. Terima kasih.

Datuk Haji Yusof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Apa yang kita lihat nilai projek ini cukup besar yang mana memakan belanja sebanyak RM5.5 bilion. Saya ingin bertanya kepada Menteri, berapakah kontraktor yang mendapat projek ini dan berapa *percent*kah kontraktor dari Sabah dan juga berapa *percent*kah kontraktor dari Sarawak. Juga berapakah nilai kontrak yang diperolehi oleh kaum bumiputera? Terima kasih.

Dato' S.K. Devamany: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baik, untuk makluman Yang Berhormat, butiran-butiran yang diminta adalah butiran yang terperinci dan memerlukan jawapan yang khusus, maka saya akan dapatkan untuk Yang Berhormat secara bertulis. Saya akan majukan. Terima kasih.

9. Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Program Susu akan disambung semula. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah keracunan susu di sekolah supaya tidak berulang lagi.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Program Susu Sekolah (PSS) merupakan sebahagian daripada Program Rancangan Makanan Tambahan bertujuan menggalakkan amalan meminum susu di kalangan murid-murid sekolah rendah di seluruh negara. Program ini telah ditangguhkan pelaksanaannya mulai bulan Ogos 2007 berikutan beberapa siri kejadian keracunan susu.

Bagi mengelakkan kejadian keracunan ini berulang, maka satu jawatankuasa bersama antara Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Kesihatan (KKM) telah bersetuju untuk menetapkan supaya pembekal atau pengilang susu mestilah mempunyai sijil Hazard Analysis Critical Control Point ataupun HACCP. Ini merupakan satu sijil yang perlu dipatuhi sebelum kita membekalkan susu kepada sekolah-sekolah di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dua tahun yang lalu, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengadakan beberapa kali mesyuarat dan selepas itu telah dilakukan pengauditan ke atas premis-premis

pengilang susu yang telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran Malaysia bersama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia tetapi sehingga hari ini pengilang tersebut masih lagi belum membuat penambahbaikan ataupun pengubahsuaian seperti yang disyaratkan oleh pensijilan HACCP. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran berpendirian adalah wajar program ini ditangguhkan sementara waktu. Terima kasih.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi. Soalan tambahan saya ialah apakah sebab kilang susu tidak dapat mematuhi prosedur HACCP dan bagaimana Kementerian Pelajaran memastikan susu yang segar yang akan dibekalkan tidak akan mengulangi kejadian yang berlaku kerana kalau kita lihat dari segi pasaran, terdapat banyak syarikat yang boleh mengedarkan kotak susu yang tidak perlu diletakkan di kawasan dingin seperti Dutch Lady, F&N dan Susu Lembu Asli Marketing Sdn. Bhd.

■1120

Maka adakah kerajaan juga bertujuan kalau kilang-kilang tersebut tidak ingin mematuhi HACCP mungkin kontraktor lain perlu dilihat. Ini kerana ia memberi manfaat kepada 550,000 murid-murid di sekitar Malaysia. Sekian terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya sumber susu daripada pengilang cuma satu di Semenanjung Malaysia iaitu Dutch Lady. Sebab itulah pengauditan telah dibuat ke atas kilang ini yang mana untuk tempoh dua tahun yang lalu Kementerian Kesihatan Malaysia telah mensyaratkan beberapa perkara yang perlu dilakukan supaya syarat HACCP dapat dipenuhi. Akan tetapi setelah tidak silap saya tiga kali pengauditan dibuat Kementerian Pelajaran Malaysia menerima surat daripada KKM. Bahawa sehingga hari ini pun belum lagi mematuhi seperti mana yang dijanjikan. Maka disebabkan itu kita tidak dapat meneruskan.

Berbalik pada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kita bukan sahaja melihat pada aspek pengilang. Kita juga melihat rangkaian pengagihan susu iaitu bagaimana kita mengangkut susu itu kepada sekolah. Itu juga satu rangkaian yang perlu dilihat dan perlu dipantau oleh Kementerian Kesihatan juga. Apabila kita sebut sampailah susu itu ke sekolah itu maka kita kena memastikan bahawa cara penyimpanan susu itu perlu juga diberi perhatian dan dipantau dengan rapi. Maka tiga aspek ini perlu dilihat dan kita memastikan kalau untuk sekolah yang besar *chiller* perlu dibekalkan untuk memastikan susu yang segar dan bukanlah susu yang basi dibekalkan kepada pelajar miskin. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga merakamkan ucapan selamat kembali dan doa kami agar Tuan Yang di-Pertua terus diberikan kesabaran, kecekalan untuk mengemudi Dewan Rakyat ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Timbalan Menteri saya mendengar jawabannya tadi. Bersabit dengan *supply chain* seluruh dunia bukan hanya pengilang sepatutnya diberikan tumpuan oleh pensijilan apa yang dikatakan sebagai *the hazard critical control pointing* tetapi pengilang, pembekal dan juga akhirnya pengedaran. Saya difahamkan sedikit waktu dahulu SIRIM telah

memberikan tumpuan persoalan pengedaran itu pada *point* pengedaran supaya penyimpanan dan juga pengedaran itu diperhatikan pada *point* itu. Ini kerana mungkin yang boleh berlaku kepada kerosakan ataupun apa jua bersabit dengan *microorganism* dan suhunya itu boleh berlaku di situ.

Tidak juga dinafikan kemungkinan boleh juga berlaku kepada – kerana *student* mungkin tidak membina satu apa yang dikatakan satu....

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sabarlah. Apa yang dikatakan enzim maltase itu. Ada kemungkinan pelajar juga tidak membina dan apabila pengenalan PSS itu mereka menjadi mangsa kepada *sindrom 'maltose intolerance'*. Jadi soalnya tadi pertama tentang *point* pengedaran dan kedua tentang *'maltose intolerance'* dengan izin. Terima kasih.

Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor kerana setuju dengan apa yang dilakukan oleh Kementerian Pelajaran selama ini. Disebabkan keprihatinan kita untuk menjaga keselamatan dan kesihatan pelajar maka kita terpaksa melakukan penyemakan secara *stringent* dengan izin. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat memang tepat. Bukan sahaja pengilang sahaja dari segi *distribution chain* kita perlu memastikan bahawa susu yang akan dibekalkan kepada sekolah tidak terdedah kepada bahaya matahari dengan lama. Juga kita memastikan bahawa pengangkutan, cara kita mengangkut susu tersebut juga perlu kita lihat dan termasuklah kemudahan untuk memunggah ataupun memindahkan susu tersebut ke sekolah. Itu semua dalam satu prosedur yang telah diperhalusi oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan.

Berbalik kepada kesegaran susu yang dibekalkan kepada sekolah saya rasa kita hendak memastikan bahawa dari pengilang mematuhi HACCP dan rangkaian pengagihan itu juga menepati apa yang telah dibuat garis panduannya oleh kementerian kita bersama dengan Kementerian Kesihatan. Apabila sampai di sekolah, cara menyimpan juga satu cara yang sangat-sangat diberi perhatian kerana ada sebelum ini berlakunya susu mereka letak di dalam kantin. Selepas beberapa tempoh ianya telah dikeluarkan dan diberi kepada pelajar dan itulah yang menyebabkan keracunan susu. Maka kita telah mengambil iktibar ini dan kesemua ini telah diambil kira demi kepentingan pelajar. Terima kasih.

10. Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) berapakah peruntukan bagi projek penanaman semula bagi kawasan FELDA, KESEDAR, FELCRA dan RISDA di Kelantan; dan
- (b) berapakah keluasan yang perlu ditanam semula dan berapakah purata pendapatan peserta sekarang ini dalam rancangan tersebut.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Haji Hasan bin Malek]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama-sama

dengan rakan lain mengalu-alukan dan mengucapkan selamat kembali bertugas kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Haji Hasan bin Malek: Kepada sahabat saya daripada Yang Berhormat Pengkalan Chepa, sukacita saya maklumkan bahawa peruntukan bagi Rancangan Malaysia Kesembilan bagi projek penanaman semula bagi kawasan FELDA, KESEDAR, FELCRA dan RISDA di negeri Kelantan adalah seperti berikut:

Kawasan	Jumlah peruntukan (RM) Juta
RISDA	84.1
KESEDAR	12.0
FELDA	10.05
FELCRA	0.36
Jumlah	106.51

Bermakna Kelantan kita tahu pembangkang kita tidak mengetepikan. Kita masih lagi memberikan bantuan yang cukup untuk rakyat Kelantan. Jadi rakyat kita dahulukan Yang Berhormat.

Jumlah keluasan yang perlu ditanam semula sekarang iaitu dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan purata pendapatan peserta dalam rancangan agensi masing-masing adalah seperti berikut:

Saya ambil dari segi keluasannya.

Agensi	Keluasan (Hektar)	Tanaman Sawit	Tanaman Getah
RISDA	19,000	3,500	15,500
KESEDAR	10,680	4,771	5,909
FELDA	5,748	5,748	
FELCRA	1,924	206	1,718
Jumlah keluasan hektar di negeri Kelantan	37,352		

Purata pendapatan sebab dia tanya, purata pendapatan semasa peserta:

Agensi	Purata Pendapatan Semasa (RM/ Sebulan)
FELDA	1,837.73
RISDA	867.5
KESEDAR	865.77
FELCRA	583.36

Angka ini saya akan berikan kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Begitulah secara umumnya yang dapat saya berikan keadaan penglibatan Kerajaan Persekutuan dalam hendak memberikan pembangunan kepada masyarakat pekebun kecil di Kelantan ini. Walau bagaimanapun saya hendak tegaskan FELDA tadi bukannya di bawah kementerian kita. FELDA adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi saya minta kalau boleh soalan FELDA ini dikecualikan kerana ada orang lain yang bertanggungjawab. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Soalan tambahan. KESEDAR, FELCRA dan juga FELDA sebahagian dalam KESEDAR mempunyai dua rancangan. RKT (Rancangan Kemajuan Tanah) dan juga RPT (Rancangan Pemulihan Tanah).

■1130

Semasa tempoh penanaman semula ini iaitu mulai tebangkan sehingga lima tahun mendapat hasil atau tujuh tahun. Saya hendak tahu kalau boleh berapakah pendapatan peneroka-peneroka atau peserta ini dalam tempoh tersebut? Adakah mereka ini telah masuk ke dalam kategori kemiskinan yang telah pun dijawab oleh Jabatan Perdana Menteri di Kelantan sebanyak 3,509 orang? Terima kasih.

Dato' Haji Hasan bin Malek: Yang Berhormat Pengkalan Chepa terima kasih kepada soalan tambahan. Saya sudah sebut tadi soal purata pendapatan setiap peserta dalam agensi-agensi yang disebutkan tadi kalau RISDA RM867 sebulan, KESEDAR dan sebagainya. Jadi umumnya mereka ini telah melepasi garis kemiskinan. Maknanya tumpuan dan matlamat kita yang asal tadi untuk menghapuskan soal golongan miskin tegar telah dapat kita capai melalui program-program penanaman semula yang telah saya sebutkan secara panjang lebar tadi Yang Berhormat. *Insyah-Allah* dan langkah ini akan kita teruskan dari semasa ke semasa dan bantuan daripada pimpinan dan juga agensi ini adalah sangat kita perlukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.32 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mencadangkan saya hendak mengucapkan selamat datang kepada Tuan Yang di-Pertua dan selamat kembali bertugas.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai kawalan ke atas eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik termasuk senjata dan bahan berkaitan dan aktiviti lain yang akan atau boleh memudahkan reka bentuk untuk kemajuan dan penghasilan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantarannya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya selaras dengan keselamatan negara dan obligasi antarabangsa Malaysia dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, masyarakat antarabangsa telah lama menyedari risiko yang berbangkit sekiranya percambahan senjata pemusnah besar-besaran dengan izin, *weapon of mass destruction* ataupun selepas ini saya akan rujuk sebagai WMD, dibenarkan tanpa kawalan. Selepas serangan 11 September, 2001 di Amerika Syarikat timbul pula kebimbangan bahawa pihak penganas kini giat berusaha untuk mendapatkan senjata sedemikian bagi tujuan keganasan di merata dunia.

Hakikat tersebut telah mendorong masyarakat antarabangsa memberikan tumpuan dan penekanan baru kepada pemantapan rangka kawal selia di peringkat domestik, serantau dan antarabangsa ke atas barang dan teknologi yang boleh digunakan untuk menghasilkan WMD serta senjata lain dengan izin, *arms and related materials*. Barang dan teknologi sedemikian adalah dirujuk keseluruhannya sebagai barang strategik.

Namun demikian masyarakat antarabangsa menyedari bahawa sebarang rangka kawal selia yang diwujudkan ke atas barang strategik seharusnya tidak menjejaskan perdagangan sah dengan izin, *legitimate trade* mahupun hak negara berdaulat untuk memperoleh senjata bagi maksud pertahanan negara sebagaimana yang termaktub dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) serta untuk menggunakan tenaga nuklear bagi tujuan aman. Sebaliknya rangka kawal selia itu perlu mengimbangi keperluan untuk memudahkan

perdagangan sah dalam barang strategik sementara menyasarkan penyekatan perdagangan haram dalam barang tersebut.

Rejim kawalan barangan strategik seperti *Wassenaar Arrangement*, *Missile Technology Control Regime* (MTCR), *Zangger Committee*, *Nuclear Suppliers Group* (NSG) dan *Australia Group* telah diwujudkan hasil sikap berjaga-jaga dengan izin, *vigilance* yang dipertingkatkan antara negara-negara pengeluar tertentu. Rejim-rejim tersebut juga bertujuan menyokong pelaksanaan rejim kawal selia antarabangsa di bawah triti antarabangsa seperti *Non-Proliferation Treaty* (NPT), Konvensyen Senjata Biologi, Konvensyen Senjata Kimia dan *Comprehensive Test-Ban Treaty* serta Resolusi Majlis Keselamatan PBB khususnya *Security Council Resolution* ataupun SCR 1540 terhadap percambahan senjata dengan menjalin hubungan kerjasama antarabangsa yang berkesan antara negara anggotanya.

Selanjutnya hasil harmonisasi tindakan domestik masing-masing, rejim-rejim tersebut juga telah mewujudkan suatu piawaian antarabangsa bagi mengawal pekeksportan barang strategik iaitu melalui penetapan barang dan teknologi yang perlu dikawal dan tahap pengawasan yang diperlukan. Akibatnya mana-mana kargo eksport yang tidak mematuhi piawaian tersebut berkemungkinan akan ditahan untuk pemeriksaan dan selanjutnya disita di negara import mahupun negara transit atau pemindahan.

Dalam hal ini didapati bahawa kerangka kawal selia barang strategik Malaysia yang sedia ada adalah tidak menyeluruh dalam kawalannya ke atas barang yang boleh menyumbang kepada percambahan senjata sama ada dari segi barang dan teknologi yang dikawal atau dari segi mekanisme penguatkuasaan yang ada. Pada masa ini tidak ada satu undang-undang yang khusus tertumpu pada kawalan barang strategik yang mengambil kira ciri-ciri khusus barang strategik serta potensi salah guna dan penyelewengannya oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan pihak-pihak yang cuba mengelakkan rejim kawal selia ketat di negara lain.

Sebaliknya kawalan sedia ada dilaksanakan dengan menggunakan undang-undang sedia ada yang termasuk Akta Kastam 1967, Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984, Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005, Akta Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Binatang 1953, Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004, Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Walau bagaimanapun undang-undang tersebut di atas tidak mencukupi bagi mengawal kesemua barang strategik khususnya barang dwiguna yang dikehendaki dikawal menurut piawaian antarabangsa dan kehendak SCR 1540 serta rejim-rejim kawalan antarabangsa tersebut di atas. Ini kerana undang-undang tersebut berbentuk sektoral dan pada hakikatnya tidak direka bagi tujuan mengawal barang-barang strategik yang bertujuan atau yang boleh digunakan bagi maksud WMD dan sistem penghantarannya.

Maka dengan itu adalah dicadangkan supaya diadakan suatu Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 khusus yang komprehensif. Rang undang-undang ini akan membolehkan Malaysia melaksanakan obligasinya sebagai negara anggota PBB khususnya untuk melaksanakan resolusi-resolusi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan PBB mengenai pematuhan dan pelaksanaan kawalan senjata dan barang strategik. Di antara resolusi semasa yang berkenaan termasuklah SCR 1540, resolusi-resolusi terhadap Republik Demokratik Rakyat Korea iaitu SCR 1718 dan 1784 dan Iran SCR 1737, 1747 dan 1803.

Pemantapan kerangka undang-undang Malaysia juga akan membolehkan Malaysia melaksanakan obligasinya di bawah triti antarabangsa mengenai perlucutan dan ke tidak percambahan senjata seperti Konvensyen Senjata Biologi, Konvensyen Senjata Kimia dan *Non-Proliferation Treaty* yang Malaysia merupakan negara pihaknya.

■1140

Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 yang dicadangkan akan mewujudkan suatu sistem kawal selia pusat yang berfokus yang merangkumi sistem berstruktur untuk mengeluarkan permit bagi tujuan eksport, pemindahan dan transit barang strategik yang ditetapkan serta sistem pendaftaran pusat bagi broker yang menguruskan barang strategik yang ditetapkan.

Sebagai tambahan kuasa penguatkuasaan yang spesifik kepada keperluan kawal selia, barang strategik dapat diwujudkan dan diberikan kepada pihak berkuasa. Penguatkuasaan untuk memastikan penguatkuasaan akta yang berkesan. Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 kelak dapat mencegah Malaysia daripada dijadikan sarang percambahan WMD sekali gus melindungi pengeksport Malaysia daripada dijadikan saluran pembekalan barang strategik secara haram.

Bagi maksud itu juga Malaysia mengambil maklum tentang senarai-senarai senjata serta barang dan teknologi dwiguna yang cenderung digunakan bagi tujuan percambahan senjata yang disenaraikan oleh rejim-rejim kawalan antarabangsa yang dilaksanakan oleh setiap negara melalui senarai nasional sendiri. Contohnya, Senarai Kawalan Kesatuan Eropah dengan izin *EU Control List* yang diselenggarakan oleh EU, diiktiraf sebagai senarai yang paling yang komprehensif pada masa ini yang melaksanakan rejim-rejim kawalan Wassenaar Arrangement, MTSR, NSG dan *Australia Group*. Senarai tersebut merangkumi pelbagai barang termasuk senjata dan bahan yang berkaitan dengannya, bahan peralatan dan kelengkapan nuklear, kimia dan biologi, barang elektronik dan avionik, teknologi dan perisian dan lain-lain lagi.

Senarai barang strategik Malaysia kelak akan digubal dengan merujuk kepada senarai komprehensif tersebut dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan negara yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dicadangkan sebagai kementerian peneraju bagi Rang undang-undang Perdagangan Strategik 2010 ini kerana MITI merupakan pihak yang paling sesuai untuk menyelaraskan rejim kawal selia yang mantap dan berkesan yang akan mencapai tujuan untuk membanteras percambahan WMD yang tidak menjejaskan perdagangan sah.

Penetapan MITI sebagai kementerian peneraju juga adalah berdasarkan hakikat bahawa isu kawalan ini adalah berdasarkan hakikat bahawa isu kawalan ini adalah lebih bersifat kawalan perdagangan walaupun implikasinya atas keselamatan negara perlu diambil kira. Ia akan melibatkan pelbagai aspek perdagangan antarabangsa daripada mengenal pasti pasaran eksport, penghasilan barangan eksport berkenaan urusan perdagangan termasuk transaksi kewangan dan perbankan bagi barang tersebut. Proses penghantaran sehingga pemastian tentang pengguna dan penggunaan akhirnya tersebut.

Dalam semua hal ini, MITI merupakan pihak yang lebih arif dan berpengalaman serta mempunyai kepakaran bidang khusus yang diperlukan. MITI

juga adalah kementerian yang bertanggungjawab untuk berurusan secara langsung dengan semua pengeksport dan berada dalam kedudukan terbaik untuk melaksanakan proses pendidikan mengenai Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 serta menasihatkan pengeksport tentang langkah-langkah pematuhan yang perlu diambil dan tentang pelbagai isu operasi lain. Kementerian itu juga merupakan pihak yang paling tepat dan berkesan untuk meyakinkan pengeksport bahawa rejim kawal selia baru ini tidak diniatkan untuk menjejaskan perdagangan sah dalam barang strategik yang dikawal. Sebagaimana yang disebut terlebih dahulu, rejim kawalan tersebut adalah disasarkan kepada perdagangan haram dalam barang strategik.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 mengadakan peruntukan mengenai kawalan ke atas eksport, pemindahan transit, dan pembrokeran barang strategik termasuk senjata dan bahan yang berkaitan dan aktiviti lain yang akan atau boleh memudahkan reka bentuk kemajuan dan penghasilan WMD dan sistem penghantarannya dan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya selaras dengan keselamatan negara dan obligasi antarabangsa Malaysia. Rang undang-undang ini mempunyai 57 fasal yang dibahagikan kepada 6 bahagian seperti berikut:

Bahagian I – Permulaan.

Fasal 1 rang undang-undang mengandungi tajuk ringkas kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi tarif bagi ungkapan tertentu yang digunakan dalam rang undang-undang, ungkapan barang strategik dan teknologi strategik ditakrifkan dengan merujuk kepada senarai barang strategik yang akan ditetapkan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam warta. Senjata pemusnah besar-besaran serta ungkapan-ungkapan yang berkaitan seperti senjata biologi, agen biologi, senjata kimia, toksin dan senjata nuklear ditakrifkan dengan merujuk kepada konvensyen-konvensyen antarabangsa yang berkaitan.

Fasal 3 mengandungi peruntukan mengenai undang-undang untuk mengatasi dan bermaksud untuk memudahkan perhubungan dan menangani konflik yang mungkin wujud antara akta yang dicadangkan dengan undang-undang bertulis sedia ada yang berkaitan.

Fasal 4 memperuntukkan dengan pemakaian luar wilayah akta yang dicadangkan.

Bahagian II – Pelantikan dan Kuasa Pengawal Perdagangan Strategik.

Fasal 5 dan 6 memperuntukkan bagi pelantikan dan kuasa mengawal perdagangan strategik.

Bahagian III – Kawalan Barangan Strategik, Barang Tidak Senarai dan Aktiviti Terhad.

Fasal 7 memberi Menteri kuasa untuk menetapkan apa-apa barang sebagai barang strategik bagi maksud akta yang dicadangkan.

Fasal 8 memberi Menteri kuasa untuk menetapkan pengguna akhir terhad yang memerlukan permit khas dan pengguna akhir terlarang yang eksport, pemindahan atau transit barang strategik atau barang tidak tersenarai kepadanya adalah dilarang. Dalam hal ini Menteri akan menetapkan barang strategik tersebut melalui perintah yang disiarkan dalam warta. Senarai barang strategik ini ialah tertakluk kepada perubahan untuk menambah atau mengeluarkan barang dan penggunaan yang perlu dikawal. Sebagai langkah permulaan Malaysia akan

menetapkan satu senarai menyeluruh yang berdasarkan Senarai Kawalan EU kerana ia dianggap sebagai senarai yang paling komprehensif pada masa ini.

Fasal 9 bertujuan melarang eksport pemindahan atau pembawaan dalam transit barang-barang strategi dan barang tidak tersenarai melainkan dengan permit yang diperuntukkan di bawah akta yang berdasarkan keseriusan akibat penyalahgunaan barang strategik dan barang tidak senarai. Bagi maksud percambahan WMD, hukuman setimpal dicadangkan bagi setiap kesalahan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 10 bertujuan melarang mana-mana orang daripada memberikan bantuan teknikal di dalam atau di luar Malaysia jika bantuan teknikal sedemikian diniatkan untuk digunakan bagi maksud aktiviti terhad.

Fasal 11 bertujuan melarang mana-mana orang daripada menjalankan kegiatan pembrokeran, apa-apa barang strategik melainkan jika orang itu didaftarkan di bawah akta yang dicadangkan dan memegang permit sah bagi pembrokeran barang strategik demikian daripada pihak berkuasa yang berkenaan di bawah undang-undang yang berkaitan.

Fasal 12 menghendaki orang yang berurusan dengan barang tidak tersenarai untuk memberitahu pihak berkuasa yang berkenaan mengenai niatnya untuk mengeksport barang tersebut sekurang-kurangnya 30 hari sebelum eksport itu hendak dijalankan. Pengeksportan barang yang tidak tersenarai yang diketahui bertujuan untuk digunakan bagi maksud aktiviti terhad adalah tertakluk kepada kebenaran pihak berkuasa yang berkenaan.

Bahagian IV – Permit dan Pendaftaran

Fasal 13 menjelaskan hubungan operasi akta yang dicadangkan dengan rejim kawal selia sedia ada barang strategik dan memperuntukkan bahawa bagi maksud barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad yang dikawal selia di bawah akta dicadangkan. Pihak berkuasa yang berkenaan hendaklah menguruskan permit dan pendaftaran yang dihendaki bagi barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad sedemikian mengikut peruntukan akta yang dicadangkan.

■1150

Fasal 14 memperuntukkan bagi permohonan bagi permit ataupun permit khas kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Permohonan hendaklah disertakan dengan antara lain suatu pernyataan kegunaan akhir untuk mengesahkan destinasi dan kegunaan yang dicadangkan bagi barang strategik tersebut.

Fasal 16 memperkatakan tentang pemberian atau penolakan permit.

Fasal 17 memperkatakan tentang penggantungan dan pembatalan permit.

Fasal 18 melarang penggunaan permit tanpa kebenaran.

Fasal 19 memperkatakan tentang pendaftaran broker, barang strategik dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

Fasal 20 hingga fasal 23 memperkatakan tentang kehilangan kelayakan untuk memegang atau mendapat permit di bawah akta yang dicadangkan atau untuk didaftarkan sebagai broker berdaftar di bawah akta yang dicadangkan serta penggantungan permit atau pendaftaran atas sabitan bagi kesalahan di bawah akta tersebut. Sepanjang tempoh hilang kelayakan atau penggantungan tersebut, permit atau pendaftaran hendaklah tidak mempunyai kuat kuasa.

Fasal 24 menghendaki pemegang permit dan broker berdaftar untuk menyelenggarakan daftar dalam bentuk yang ditetapkan dan menyimpan segala dokumen bagi tempoh yang ditetapkan.

Fasal 25 menghendaki pengawal menyimpan dan menyelenggarakan daftar pemegang permit dan broker berdaftar yang hendaklah tersedia bagi pemeriksaan oleh orang awam. Daftar-daftar tersebut hendaklah menjadi keterangan muktamad sekiranya apa-apa persoalan berbangkit tentang sama ada mana-mana orang memegang permit sah atau didaftarkan sebagai broker di bawah akta yang dicadangkan.

Bahagian V rang undang-undang mengandungi peruntukan berhubung penguatkuasaan akta yang dicadangkan.

Fasal 26 menjelaskan hubungan operasi penguatkuasaan. Pegawai diberi kuasa di bawah akta yang dicadangkan dan kuasa sedia ada mereka di bawah undang-undang bertulis lain. Bagi maksud barang strategik, barang tidak tersenarai dan aktiviti terhad yang di kawal selia di bawah akta yang dicadangkan, kuasa penguatkuasaan yang diperuntukkan di Bahagian V hendaklah tersedia bagi pegawai diberi kuasa.

Fasal 27 menghendaki setiap pegawai diberi kuasa untuk mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kad kuasanya apabila diminta.

Fasal 28 menyenaraikan secara am kuasa yang diberikan kepada pegawai. Diberi kuasa bagi maksud menguatkuasakan akta yang dicadangkan.

Fasal 29 bertujuan memberikan kuasa penyiasatan kepada pegawai diberi kuasa. Pegawai diberi kuasa juga diberi kuasa untuk menjalankan penggeledahan dan penyitaan tanpa waran di bawah fasal 30.

Fasal 31 bertujuan untuk memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk memasuki mana-mana tempat atau premis bagi maksud menjalankan penyiasatan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 32 bertujuan membolehkan pegawai diberi kuasa diberi capaian kepada data berkomputer.

Fasal 33 bertujuan memberi kuasa mengenai kuasa pegawai diberi kuasa untuk menggeledah pengangkutan.

Fasal 34 memperuntukkan bagi penggunaan kekerasan yang munasabah oleh pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan kuasanya di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 35 bertujuan mengenakan kewajipan kepada pegawai diberi kuasa untuk menyediakan senarai barang yang disita.

Fasal 36 memberi kuasa kepada pegawai diberi kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang dipercayainya dengan munasabah telah melakukan atau sedang mencuba untuk melakukan suatu kesalahan di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 37 memperuntukkan bagi kuasa pemintasan komunikasi oleh pegawai diberi kuasa atas pemberian kuasa pendakwa raya.

Fasal 38 bertujuan memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk menghendaki kehadiran seseorang yang mengetahui mengenai kes sementara.

Fasal 39 memperuntukkan bagi pemeriksaan orang tersebut.

Fasal 40 bertujuan menjadikan pengemukaan maklumat palsu atau mengelirukan dalam apa-apa permohonan laporan atau dokumen lain bagi apa-apa maksud di bawah akta yang dicadangkan atau undang-undang yang berkaitan suatu kesalahan.

Fasal 41 bertujuan memberi pengawal kuasa setelah berunding dengan pendakwa raya pada bila-bila masa yang didapatinya patuh untuk memerintahkan pelupusan barang strategik atau barang tidak tersenarai berserta apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau benda lain yang di dalamnya barang strategik atau barang tidak tersenarai itu di stor kan, disimpan atau dijumpai, rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer setelah langkah-langkah sewajarnya diambil tentang inventori, gambar dan perakuan keterangan.

Fasal 42 memperuntukkan bahawa pelupusan barang di bawah fasal 41 tidak menjejaskan perbicaraan mana-mana orang di bawah akta yang dicadangkan dan mahkamah hendaklah menerima inventori, gambar dan keterangan lain itu sebagai mewakili barang yang disita.

Fasal 43 bertujuan memberi kuasa untuk melucut hak dan melupuskan barang yang disita jika tidak ada pendakwaan atau sabitan.

Fasal 44 bertujuan memperuntukkan bahawa kos memegang apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai dan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau benda lain rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang berkaitan yang disita di bawah akta yang dicadangkan boleh didapatkan sebagai hutang yang perlu dibayar kepada kerajaan oleh orang yang daripadanya ia disita.

Fasal 45 bertujuan memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai atau apa-apa bekas, bungkusan, pengangkutan atau benda lain rekod, buku, akaun, dokumen atau data berkomputer yang berkaitan pada menyalakan mana-mana kuasa di bawah akta yang dicadangkan boleh didapatkan melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

Fasal 46 bertujuan menjadikan halangan pegawai diberi kuasa dalam melaksanakan fungsinya di bawah akta yang dicadangkan suatu kesalahan.

Bahagian VI rang undang-undang mengandungi peruntukan am.

Fasal 47 memberi Menteri kuasa untuk memberikan pengecualian.

Fasal 48 memperuntukkan bahawa tiada pendakwaan bagi atau berhubungan dengan mana-mana kesalahan di bawah akta yang dicadangkan berhubung dengan barang strategik, barang tidak tersenarai atau aktiviti terhad boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis pendakwa raya.

Fasal 49 dan fasal 50 memperkatakan tentang kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan dan liabiliti bagi perbuatan pekerja atau agen masing-masing.

Fasal 51 bertujuan memberi pengawal atau pihak berkuasa relevan kuasa untuk meminta apa-apa maklumat atau dokumen diberikan kepada pengawal atau pihak berkuasa relevan jika terdapat sebab untuk mempercayai bahawa maklumat atau dokumen itu relevan kepada penguatkuasaan akta yang dicadangkan.

Fasal 52 bertujuan mengenakan kewajipan atas seseorang untuk melindungi kerahsiaan maklumat dan dokumen yang diperoleh menurut akta yang dicadangkan.

Fasal 53 bertujuan memperuntukkan bagi perlindungan pengawal pihak berkuasa relevan dan pegawai diberi kuasa dalam menjalankan kewajipan mereka di bawah akta yang dicadangkan daripada permulaan prosiding undang-undang.

Fasal 54 bertujuan memperuntukkan bagi perlindungan kerajaan, pengawal, pihak berkuasa relevan dan pegawai diberi kuasa daripada liabiliti berhubung dengan apa-apa kerugian yang ditanggung berkenaan dengan apa-apa barang strategik atau barang-barang tidak tersenarai semasa barang tersebut berada di bawah jagaan atau kawalan sah mereka di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 55 bertujuan memberikan Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

Fasal 56 bertujuan memberikan Menteri kuasa melalui perintah yang disiarkan dalam warta untuk meminda Jadual.

Fasal 57 bertujuan memperuntukkan perkiraan kecualian dan peralihan bagi aktiviti sedia ada berhubung dengan barang strategik dan aktiviti terhad.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara anggota PBB, Malaysia bertanggungjawab untuk mematuhi resolusi-resolusi mengenai kawalan eksport barang strategik dan aktiviti terhad yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan PBB. Di samping melaksanakan obligasi antarabangnya yang lain demi memelihara kepentingan dan keselamatan negara. Malaysia juga perlu mencegah dirinya daripada dijadikan sarang percambahan senjata pemusnah besar-besaran sekali gus melindungi pengeksport Malaysia daripada diperalatkan dan dijadikan saluran haram bagi perbekalan barang strategik bagi percambahan senjata pemusnah besar-besaran.

Bagi mencapai tujuan ini, Malaysia memerlukan suatu undang-undang spesifik lagi komprehensif mengenai kawalan barang strategik dan aktiviti terhad. Selanjutnya, rang undang-undang yang dicadangkan ini akan melengkapkan kerangka undang-undang sedia ada dan menutup ruang bagi Malaysia diperalatkan oleh mana-mana pihak bagi tujuan percambahan senjata pemusnah besar-besaran dan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan.

■1200

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Terima kasih Yang Berhormat, ada yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai kawalan ke atas eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik, termasuk senjata dan bahan yang berkaitan, dan aktiviti lain yang akan atau boleh memudahkan reka bentuk, pemajuan dan penghasilan senjata pemusnah besar-besaran dan sistem penghantarannya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya, selaras dengan keselamatan negara dan obligasi antarabangsa Malaysia, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat Ledang.

12.12 tgh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah pun membentangkan rang undang-undang ini, ia sangat bertepatan dengan keperluan keselamatan negara dan tadi disebut obligasi antarabangsa, dan saya yakin ia akan meletakkan negara kita setaraf dan setanding dengan negara-negara lain mengikut piawaian PBB ataupun kehendak PBB dalam usaha untuk mencegah, disebut tadi “mencegah keganasan” di seluruh dunia.

Saya lihat di sini, bila sebut keselamatan negara Tuan Yang di-Pertua, sudah pasti akan menjurus kepada membina sebuah negara yang aman, mudah-mudahan negara kita akan subur ekonominya dan rakyat akan hidup dalam keadaan yang penuh sejahtera, kerana undang-undang ini dibentangkan dan *insya-Allah* diluluskan dan dapat mengawal aktiviti-aktiviti yang tidak sihat itu. Dari segi obligasi antarabangsa, sekurang-kurangnya selain daripada yang saya sebut tadi, ia akan dapat menyangkal segala persepsi ataupun sangkaan jahat tentang beberapa media elektronik yang di antaranya menyebut, bahawa negara kita juga terlibat ataupun menjadi pusat keganasan ataupun pembikinan senjata yang boleh dikaitkan dengan keganasan. Sekadarkan Tuan Yang di-Pertua, saya melihat daripada satu sudut pula, rang undang-undang ini seolah-olah menyekat ataupun mengikat tangan kita...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sila.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Ledang. Yang Berhormat Ledang tadi menyebutkan tentang obligasi antarabangsa dan juga tentang persepsi daripada masyarakat-masyarakat luar tentang Malaysia.

Pertama tentang obligasi, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat, adakah pembentangan rang undang-undang ini adalah satu kesedaran kerajaan bagi memastikan supaya negara kita aman, makmur dan dalam usaha kita untuk membanteras keganasan dan bukan negara kita kerana obligasi, kerana kita terpaksa mengikut kehendak daripada negara lain.

Yang keduanya, kita kata tentang persepsi masyarakat tadi, persepsi orang luar. Malaysia dilihat sebagai *entry point* dan juga *exit point*, kita memang mempromosikan pelancongan, dalam masa yang sama mereka yang datang ke Malaysia ini banyak membuat perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang, apatah lagi tentang perdagangan manusia.

Yang ketiganya, penyalahgunaan dadah dan kita takuti, adakah di antara perspektif-perspektif tersebut melibatkan negara kita tentang rang undang-undang yang kita bentangkan ini, iaitu perdagangan strategik. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat persoalan yang dikemukakan oleh sahabat kita Yang Berhormat Jasin lebih kepada soal kebimbangan Tuan Yang di-Pertua, kebimbangan bahawa negara kita ini secara langsung ataupun tidak langsung terlibat dengan aktiviti-aktiviti tidak sihat seperti yang disebutkan tadi, maknanya salah satunya perdagangan manusia dan juga disebut tentang kemungkinan daripada persepsi-persepsi yang tertentu yang kita baca dalam laporan-laporan ataupun dalam beberapa artikel kemungkinan negara, kita juga terlibat dengan aktiviti yang boleh dikaitkan dengan kegiatan pengganas. Misalnya peristiwa yang berlaku di Jakarta tempoh hari,

orang yang terlibat itu datang daripada Malaysia dan ada laporan yang mengatakan bahawa mereka juga mendapat bekalan senjata seperti bom itu daripada sumber Malaysia, sama ada secara fizikal ataupun secara *online* menggunakan komputer misalnya formula dan sebagainya, ini kebimbangan-kebimbangan yang saya fikir yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Jasin. Jadi persepsi ini...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit sulung]: [*Bangun*]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Perlu dihapuskan, justeru undang-undang ini lebih ke arah itu...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Ledang minta..

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dan mungkin selama ini...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Ledang, hendak minta laluan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tidak cukup, sekejap ya. Tidak cukup undang-undang, yang disebutkan tadi ada lapan undang-undang, akta yang disebutkan tadi, ada lapan akta mungkin tidak cukup dan dengan sebab itulah akta ini perlu disediakan dan diluluskan untuk kita dapat mengubah persepsi tersebut. Silakan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ledang. Tadi dalam ucapan Yang Berhormat ada mengatakan mengenai kemungkinan ada juga jual beli formula melalui internet, jadinya apa pandangan Yang Berhormat mengenai elektronik ataupun *electronic transaction*, dengan izin, yang tidak dapat dikawal, sebab sekarang ini kalau kita tengok apa juga *transaction* yang melalui internet, apa juga barang tidak ada kekangan dan halangan, jadi kemungkinan ada juga penjualan *software* yang berkaitan pengurusan bom ini yang boleh dibuat melalui *internet*. Jadi apa pandangan Yang Berhormat mengenai keberkesanan rang undang-undang ini bagi menangani *transaction* penjualan teknologi strategik ini secara *online* dan kemungkinan juga bagaimana Kementerian ataupun, adakah Kementerian telah berfikir mengenai mekanisme yang perlu ada dalam pemantauan *transaction* seperti ini. Terima kasih.

Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan itu cantik Yang Berhormat tetapi tujulah kepada Menteri, nanti pembahas ini mungkin tidak mempunyai data maklumat dan *take note*, saya ingat Yang Berhormat bersamalah dengan soalan itu.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan ini betul, sepatutnya ditujukan kepada Menteri dan saya menyokong soalan ini perlu dijawab oleh pihak Menteri, kerana saya melihat kepada kebimbangan penguatkuasaan ke atas akta ini tanpa mempertimbangkan tentang kemungkinan-kemungkinan yang boleh berlaku, di mana transaksi dibuat menggunakan saluran *internet* bukan dalam bentuk barang, misalnya *of course*, sudah tentu dengan izin, *bomb* ataupun senjata pemusnah tidak boleh disalurkan ataupun dipindahkan menggunakan *internet*, tetapi ada beberapa formula pembikinan senjata ini, bom dan sebagainya yang kita tidak faham, formula kimia dan lain-lain yang boleh dipindahkan menggunakan IT, boleh dipindahkan

daripada Malaysia ke luar dan sebagainya. Ini juga salah satu *area* yang saya yakin perlu dilihat oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi menyebut seolah-olah apabila rang undang-undang ini diluluskan nanti, ia seakan mengikat tangan kita, sebab pertamanya Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pun menuju kepada penggunaan tenaga nuklear untuk penjanaan elektrik, kita juga ke arah menyuburkan industri *biotech* dan lain-lain.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, pada saya mungkin rang undang-undang ini akan menyukarkan pengamal-pengamal industri tenaga nuklear kepada tenaga elektrik dan juga *biotech* serta lain-lain tidak bebas atau pun ragu-ragu di mana mungkin kegiatan mereka ini boleh juga dikaitkan sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dengan rang undang-undang ini. Mungkin niat mereka baik dan mungkin sesuatu formula yang berkaitan dengan *biotech* dan sebagainya semata-mata adalah untuk menyuburkan bumi yang mungkin untuk memelihara alam sekitar tetapi formula itu lebih kurang sama. Mungkin formula kimia ini juga lebih kurang sama dengan formula senjata. Jadi, pengamal ini atau pun pengkaji ini terasa mereka bimbang dikaitkan dengan senjata pemusnah dan sebagainya. Maka mereka mungkin akan lari atau pun cuba keluar daripada minat mereka atau pun kajian mereka. Ini sudah pasti akan membantutkan industri berkenaan seperti *biotech* dan sebagainya...

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Begitu juga tenaga nuklear. Jadi...

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat boleh...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan bagaimana mereka ini, maknanya pengamal industri *biotech* dan sebagainya, tenaga nuklear yang baik boleh dilindungi dan diberi jaminan tidak dikaitkan dengan rang undang-undang ini. Silakan, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah sahabat saya Yang Berhormat Ledang soal senarai-senarai barangan yang mungkin dibenarkan atau mungkin diharamkan dalam cadangan rang undang-undang ini sebab barang-barang yang digunakan bagi negara kita untuk berinovasi dan berkreativiti. Maka, kita memerlukan barang-barang yang mungkin tersenarai dalam rang undang-undang ini. Jadi hasrat dalam NEM untuk memperhebatkan lagi usaha kita untuk menjemput atau menarik pelabur-pelabur dari luar. Mungkin di antaranya pelabur dalam segi teknologi, jana kuasa, IT yang dalam senarai sains dan teknologi dan sebagainya. Ini yang kita perlukan kemahiran atau pun pelabur-pelabur dari luar negeri. Jadi, Yang Berhormat, tentu mungkin ada ketakutan untuk melabur. Takut-takut kalau rang undang-undang ini boleh dipergunakan. Jadi, apakah cadangan Yang Berhormat supaya kita juga dalam perbincangan ini mengetahui apakah jenis barangan yang mungkin tersenarai dalam barang-barang strategik dalam perlindungan rang undang-undang ini? Minta penjelasan kalau sekiranya bersependapat dengan saya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sudah pastilah saya sependapat dengan Yang Berhormat Putatan sebab tadi saya menyebut tentang beberapa pertimbangan. Dalam salah satu perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah tentang senarai barang yang jelas. Jadi

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta supaya di Dewan yang mulia ini nanti sekurang-kurangnya pada peringkat awal ini dapat disenaraikan apakah jenis barang-barang sama ada dalam bentuk fizikal atau pun tidak fizikal dan yang berkaitan dengannya yang masuk atau pun yang tersenarai dalam kategori yang ada kaitan dengan rang undang-undang ini. Sekurang-kurangnya ada panduan yang jelas barulah saya yakin ia tidak menjejaskan iklim pelaburan dalam negara kita.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Penjelasan...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bolehlah. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah?

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang dan Tuan Yang di-Pertua. Okey, walau pun kita hendak menyekat kemungkinan bahan-bahan ini dipakai sebagai *weapons of mass destruction*, adakah Yang Berhormat Ledang rasa ada risiko kita menjadikan Malaysia satu *police state*? Ini kerana jika kita lihat dalam seksyen 31, kuasa yang diberi kepada pegawai untuk menyiasat adalah begitu kuat. Dia mempunyai akses kepada mana-mana tempat tanpa waran. Dia boleh periksa benda-benda itu. Dia boleh minta apa-apa buku atau pun bahan komputer. *So, it is quite strong* tanpa apa-apa alasan. *That is section 31.*

Kita lihat sebelah seksyen 39, bahagian subseksyen 2, dia dikatakan boleh buat soal jawab - *interrogation* dan suspek itu tidak boleh enggan menjawab apa-apa soalan atas alasan bahawa dia berkecenderungan membabitkannya. Apabila polis buat soal jawab, *interrogation*, dia ada seksyen 112, di mana seorang boleh dikatakan - saya tidak mahu jawab kerana ini boleh *implicate* saya. Akan tetapi dalam akta ini, perlindungan untuk orang suspek itu tidak ada. Jadi, pegawai dalam akta ini, ada lebih kuasa lebih daripada pegawai polis apabila menjalankan *interrogation*.

Satu lagi ialah seksyen 53, Perlindungan Pegawai. Dikatakan tidak boleh disoal di mana-mana mahkamah. Katakan dia buat salah juga, dia tidak boleh disoal. Jadi, sekarang kita wujudkan satu pegawai di sini yang begitu kuat kuasa dia untuk masuk mana-mana, rampas apa-apa pun fail, atau apa-apa benda atau komputer, buat soal jawab dan akhirnya katakanlah di Malaysia kita ada satu eksekutif yang hendak guna pakai pegawai seperti ini untuk serang *opponent politic*. Kita tidak boleh jawab dan soal. Kenapa dia masuk? Apakah kaitan saya dengan *mass weapon* dengan *destruction*? Jadi, walaupun saya rasa okey, kita perlu satu perundangan seperti ini kita mesti ada *check and balance*. Yang Berhormat Ledang, adakah rasa kita perlu ada *check and balance* supaya kuasa ini tidak disalahgunakan. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Ledang boleh beri Balik Pulau sedikit? Yang Berhormat Ledang ada jawapan bagus saya lihat. Bolehkah sedikit? Yang Berhormat, tadi saya dalam menekuni penjelasan daripada Menteri menjelaskan apa rasional akta sebegini atau pun rang undang-undang sebegini perlu dibahaskan dan dibentangkan di Dewan ini. Yang Berhormat Ledang, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Ledang. Pilihan kita sebagai rakyat di Malaysia ini, negara maju mengarah ke arah rejim yang dipanggil transparensi - rejim telus, akses maklumat kepada masyarakat lebih luas. Akan tetapi rang undang-undang ini kalau kerisauan dia mengenai *weapons of mass destruction*, untuk pengetahuan Yang Berhormat Ledang, antara pengajaran yang terdekat ialah *weapons of mass destruction* (WMD) di Iraq, bukan? Itu pada peringkat awal bukan satu perkara yang boleh dibahas mahupun diadili oleh masyarakat. Ia hanya betul-betul berpegang kepada pandangan

eksekutif ketika itu di bawah *Bush Doctrine* yang mengamalkan unilateral, pendekatan keputusan yang amat satu pihak tanpa ada ruang untuk itu.

Ini Yang Berhormat Ledang saya mohon penjelasan, kalau Yang Berhormat Ledang pun setuju ke atas Malaysia pada tahap ini. Sudahlah kita ada Akta Rahsia Rasmi dan macam-macam lagi yang bersifat rasmi tiba-tiba di dalam ini di bawah seksyen 52, maklumat dilindungi dan sulit. Bayangkan kalau kita ada tokoh-tokoh pemimpin yang tidak bertanggungjawab seperti *Bush* sehingga mengisytiharkan saya buat begini atas sebab ada satu perkara, *weapons of mass destruction*. Tiba-tiba selepas itu sudah habis duit rakyat semua pergi perang, di dapati tidak ada. Saya yakin akta sebegini perlukan satu *check and balance*, *accountability mechanism*. Kalau sebegini sifatnya saya takut apa yang kita cuba ada dalam negara ini di dalam menentukan keselamatan negara - *national security* tetapi pada masa yang sama *fundamental liberties* itu, hak-hak asasi masyarakat itu juga perlu diimbangkan. Jikalau tidak keseimbangannya amat berat sebelah, dacingnya senget. Itu yang saya katakan. Itu mohon penjelasan.

■1220

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput dan Yang Berhormat Balik Pulau. Saya rasa sudah jauh sangat itu... *[Ketawa]* Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, risiko ada di mana-mana. Tadi ada disebut ini adalah salah satunya bertujuan untuk obligasi antarabangsa. Saya yakin pihak kementerian telah pun merujuk kepada undang-undang yang lebih kurang sama atau yang sama dengan negara-negara lain. Kita juga ada pengalaman dari segi undang-undang yang bertujuan untuk mencegah barang merbahaya seperti dadah. Malahan pihak berkuat kuasa juga bebas untuk membongkar ataupun menyita mana-mana barang yang ada kaitan dengan dadah.

Ini pengalaman-pengalaman yang boleh digunakan. Cuma tadi disebut tentang kalau ada pemimpin daripada mana-mana yang serupa dengan tadi disebut serupa dengan George Bush. Saya yakin apabila obligasi antarabangsa ini dapat diguna satu dunia di mana kita juga menyokong, kita berdoa sahajalah mudah-mudahan tidak berlaku. Kita juga tahu dalam dunia ini ada *super power* dan sebagainya. Ini kita faham. Cuma tadi Yang Berhormat Menteri lebih menyebut tentang obligasi antarabangsa.

Di mana kita juga harus – kita tinggal dalam dunia, kita juga harus sama-sama komitmen dengan keselamatan, komitmen dengan kehendak antarabangsa yang menjurus kepada keamanan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk perkara yang saya sebut tadi tentang kemungkinan tangan kita diikat. Saya bimbang tentang iklim pelaburan. Kalau mereka-mereka ini yang terlibat dengan industri *biotech*, industri - akan datang kita hendak bangunkan tenaga nuklear bagi tujuan penjaan tenaga elektrik.

Sekiranya tidak dilindungi ataupun mereka tidak yakin dengan perlindungan akhirnya mereka akan keluar ataupun mereka akan lari daripada industri tersebut ataupun sesuatu kajian tersebut kerana mereka bimbang mereka juga dikaitkan. Jadi persoalan saya sejauh manakah kerajaan dapat meyakinkan kepada mereka bahawa mereka pertamanya, tidak ada kaitan ataupun keduanya, dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan fasal 5, tentang pelantikan pegawai tentang-tentang Pengawal Perdagangan Strategik dan sebagainya. Saya pasti ada organisasi yang lengkap. Cuma Tuan

Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sejauh mana kita boleh menyediakan pegawai-pegawai pakar yang berkaitan dengan perdagangan strategik ini. Sejauh mana? Sejauh mana kita boleh sediakan misalnya pegawai pakar yang boleh mengesan transaksi dalam komputer? Yang ada kaitan dengan - yang boleh menyelip, yang boleh memeriksa formula-formula tertentu, yang ada kaitan dengan senjata pemusnah dan sebagainya.

Adakah kita ada pakarnya ataupun adakah kita akan terpaksa import tenaga-tenaga pakar. Ini berkaitan dengan barangan strategik, berkaitan dengan senjata pemusnah besar-besaran yang sama ada senjata kimia ataupun senjata-senjata lain. Mesti ada tenaga pakar. Adakah kita sudah ada tenaga pakarnya? Kalau belum ada, bagaimana kita boleh menyediakan tenaga pakar tersebut. Kerana akhirnya kita terpaksa menguatkuasakan rang undang-undang ini supaya kita bukan sahaja sedia ada rang undang-undang ini akan tetapi juga pihak negara luar, pihak PBB yakin bahawa rang undang-undang ini akhirnya dikuatkuasakan dengan sokongan daripada pegawai-pegawai pakar yang sudah sedia ada ataupun yang disediakan oleh kita.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga fasal 7. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut dan mencadangkan bahawa Menteri MITI, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang akan diberi kuasa untuk mengemudi rang undang-undang ini ataupun untuk memantau rang undang-undang ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soal keselamatan. Ini adalah soal keselamatan Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berfikir, mungkin pemikiran saya tidak sama. Saya berfikir mungkin Menteri Dalam Negeri, kerana ini soal berkaitan dengan keselamatan.

Mengapa urusan perdagangan ini tidak diletakkan di bawah Menteri Dalam Negeri? Kenapa diletakkan di bawah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)? Walaupun berkaitan dengan perdagangan antarabangsa akan tetapi ini soal keselamatan. Adakah MITI ada kepakaran dari segi keselamatan dan sebagainya. Lebih-lebih lagi soal tenaga pakar dan sebagainya. Jadi ini mungkin jadi satu persoalan kepada semua pihak mengapa MITI dan tidak...

Prof. Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: *[Bangun]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Menteri Dalam Negeri? Saya percaya, saya yakin kerajaan boleh menjawab persoalan ini.

Prof. Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Boleh, boleh beri laluan sedikit? Okey, terima kasih. Rang Undang-undang Perdagangan Strategik ini tanpa berbaur pengaruh Amerika Syarikat. Sebab kita dalam pasca perang *terror* dan konsep WMD yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya rasa tidak boleh digunakan secara tutup mata. Apa yang berlaku di Iraq, pemusnahan Iraq ini atas bahawa Iraq ini mempunyai WMD. Dan kita pun tahu apa yang berlaku. Iraq sebenarnya tidak ada WMD. Jadi saya pun kuarir kenapa kita ini memperkenalkan Undang-undang Perdagangan Strategik, dalam rang undang-undang ini kita beri keutamaan untuk mengawal WMD ini, walhal siapa yang mempunyai WMD ini? Cuma negara-negara tertentu sahaja. Jadi saya kuarirlah apabila negara seperti Malaysia ini tidak sensitif terhadap apa yang berlaku di Timur Tengah. Kita sebenarnya secara tidak langsung meng *endorse* dasar Amerika Syarikat. Saya rasa saya ingat rang undang-undang ini mesti ditarik balik. Konsep-konsep ini tidak boleh dipakai! Jadi saya rasa tidak ada pengaruh APCO dalam ini!...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bacalah dahulu!

Prof. Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta bahawa Yang Berhormat Menteri tarik balik rang undang-undang ini. Ini berbau Amerika Syarikat ataupun Israel...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ledang inilah saya sebutkan – duduk dahulu Yang Berhormat. Inilah saya sebutkan yang tadi. Saya dengar soalan-soalan yang ditanya tadi banyak yang baik, banyak bagus, banyak relevan termasuk Yang Berhormat Ledang sendiri yang bawa. Akan tetapi malangnya Yang Berhormat hanya pembahas, Ahli Parlimen biasa. Soalan-soalan sedemikian patut diajukan kepada Yang Berhormat Menteri. Dia tidak boleh jalan kaki tiga. Satu ke sana satu balik sini. Jadi mintalah – kita memahami sedikit mekanisme peraturan. Sila Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Satu perkara sahaja Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak kaitkan Amerika Syarikat, ingat baju kita pakai pun ada kaitan dengan Amerika Syarikat... [Ketawa]

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Semua hendak dikaitkan dengan Amerika Syarikat. Kita pandang positif. Okey, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, tadi persoalan saya kenapa MITI, tidak Menteri Dalam Negeri? Saya harap pihak kerajaan dapat menjawab. Dan satu perkara Tuan Yang di-Pertua, yang saya lihat fasal 9, disebut di sini 'bertujuan untuk melarang eksport pemindahan ataupun pembawaan'. Kenapa disebut eksport sahaja? Kenapa tidak sebut import? Mungkin juga ada barangan tertentu sama ada dalam bentuk fizikal ataupun sebaliknya yang dibuat dalam negara Malaysia. Yang diimport dalam negara Malaysia. Kenapa eksport sahaja, tidak import?

Sehinggakan, Tuan Yang di-Pertua minta maaf, bukti yang paling nyata sekali mercun. Saya mohon maaf, mercun. Bila tiba sahaja musim perayaan, tidak kira perayaan apa sekalipun, sudah jadi macam budaya. Di luar kawalan, sedangkan mercun adalah barang larangan, barang larangan. Ianya tidak boleh dibawa masuk sewenang-wenangnya di dalam negara kita. Malahan dilarang sama sekali di dalam akta-akta berkaitan. Akan tetapi apabila tiba musim perayaan ianya seolah-olah di luar kawalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah bangkitkan dalam Dewan ini, kalaulah barang yang terkawal ini seperti mercun yang diimport dalam negara kita boleh bebas begitu rupa, buktinya semasa perayaan, bagaimana dengan barang-barang import lain? Yang kita mungkin terlepas pandang.

■1230

Barang-barang yang diimport secara haram. Barang-barang lain, mungkin senjata api. Apatah lagi dadah dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, ia ada kaitan juga dengan import, bukannya eksport semata-mata kerana transaksi ini juga melibatkan eksport dan import. Jadi seolah-olah tidak ada keseimbangan sekiranya eksport semata-mata. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada pihak kerajaan supaya dapat memberikan jawapan kenapa transaksi yang berkaitan dengan import yang sama juga tidak dimasukkan dalam rang undang-undang ini? Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Jasin ada menyebut tentang senarai barang-barang.

Apabila senarai barang-barang tidak disebut dalam Dewan ini, kita dalam keadaan yang mungkin tidak jelas. Sebenarnya apakah barang-barang yang benar-benar berkaitan dengan senjata pemusnah ini? Yang kita tahu bom, yang kita tahu senjata kimia. Adakah kita terlibat? Kalau begitu, apakah senarai yang jelas yang boleh kita jadikan panduan di dalam meluluskan rang undang-undang ini supaya kita tidaklah tertanya-tanya seperti saya sebutkan tadi? Ini adalah fasal 10, ada kaitan dengan mereka-mereka yang sedia ada sekarang terlibat dengan industri yang lebih kurang sama tetapi bukan tujuan untuk senjata dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 12 disebut di sini, bertujuan untuk menghendaki seorang yang berurusan dengan barang tidak tersenarai untuk maklumkan pihak berkuasa yang berkenaan tentang niatnya atau tujuannya untuk mengeksport barang tersebut sekurang-kurangnya 30 hari. Mengapa 30 hari? Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin penjelasan dari pihak kementerian atau pihak kerajaan, apakah justifikasi 30 hari ini? Mengapa tidak 60 hari? Saya berfikir 30 hari ini terlalu singkat untuk kita, bukan sahaja memeriksa dengan berhati-hati, kerana ini soal keselamatan dan yang paling penting kita masih dilihat dan diyakini oleh pihak luar dan pihak antarabangsa bahawa kita benar-benar komited dengan rang undang-undang ini.

Bukan setakat kita bentang, kita lulus, kita ada tetapi kita juga kuatkuasakan. Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, yang penting di sini ialah soal penguatkuasaan. Jadi penguatkuasaan penting sekiranya kita benar-benar mahukan rang undang-undang ini dapat membantu negara Malaysia benar-benar menerima obligasi antarabangsa. Ataupun benar-benar kita ingin melihat negara kita benar-benar selamat daripada segala ancaman dan negara kita benar-benar terletak setaraf dan tersenarai di kalangan negara-negara yang sentiasa menyokong soal keselamatan dan keamanan di peringkat antarabangsa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong. Sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Ya, Yang Berhormat Klang.

12.33 tgh.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Matlamat utama kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 ialah untuk menjaga keselamatan negara dan memenuhi obligasi antarabangsa Kerajaan Malaysia. Barangan yang disenaraikan sebagai strategik melibatkan bahan-bahan biologi, kimia dan nuklear yang boleh menyebabkan penyakit, kecederaan dan kematian. Tujuan rang undang-undang ini ialah untuk mengawal eksport, pemindahan, transit dan pembrokeran barang strategik termasuk senjata dan bahan yang boleh digunakan untuk menghasilkan senjata pemusnah besar-besaran atau *weapons of mass destruction*.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya saya menyokong perlunya rang undang-undang seperti ini untuk membanteras dan mengawal perdagangan strategik tetapi *on deeper reflection*, saya dapati bahawa pendekatan kerajaan harus menyeluruh untuk memastikan keselamatan negara dan obligasi antarabangsa. Ini adalah kerana cabaran untuk keselamatan negara datang daripada pelbagai pihak, kuasa dan kepentingan dan ada kalanya *there are overlapping of interest*. Pembanterasan penyeludupan manusia, atau perdagangan manusia *or trading people* dan kawalan ke atas barangan strategik tidak dapat dipisahkan. Ini adalah kerana saluran yang digunakan oleh

penyeludup-penyeludup ataupun *smugglers* ataupun sindiket penyeludup boleh digunakan untuk membawa barang-barang strategik seperti bahan-bahan biologi kimia dan nuklear.

Tambahan pula, Malaysia boleh digunakan sebagai transit untuk memindahkan barang-barang ini. Kecurian dua jet enjin ataupun *engine jet* yang digunakan pakai oleh tentera udara di Butterworth, yang berkos RM50 juta berkait rapat dengan keselamatan negara. Rakyat negara ini serta pemerhati luar negara hairan bagaimana enjin yang panjang lapan kaki dan berat satu tan boleh hilang daripada kem tentera. Menurut strategik *paper* iaitu *Defense News Bulletin* mengatakan bahawa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *“But on further investigation, it was found that the engine probably never left the country, but was instead taken apart, and the components sold to a South American broker, or back to the Malaysian Air Force. Corruption is the common problem in the region, and stealing spare parts or money allocated for equipment maintenance, is common.”*

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya gejala rasuah bermaharajalela dan menjadi cabaran serta masalah kepada keselamatan negara. Oleh sebab itu apa yang kita perlu dalam negara ini ialah rancangan komprehensif untuk menangani cabaran-cabaran untuk menjamin dan memastikan keselamatan negara. Contoh-contoh...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Klang, sedikit boleh?

Tuan Charles Santiago [Klang]: Saya belum habis.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Okey.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Contoh-contoh ini jelas menunjukkan bahawa Rang Undang-undang Perdagangan Strategik walaupun penting dan perlu tetapi tidak dapat memastikan keselamatan negara secara menyeluruh. Negara kita memerlukan pendekatan keselamatan negara secara mampan iaitu *sustainable* dan komprehensif.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya tadi memandang Yang Berhormat Klang menyentuh fasal isu kecurian enjin. Kalau Yang Berhormat Klang menelusuri peruntukan fasal 54(1), iaitu Perlindungan Kerajaan dan sebagainya. daripada liabiliti. Ini trend. Trend penggal kali ini, rang undang-undang yang dibentangkan mesti ada perlindungan kerajaan walaupun kita ada PAPA, macam-macam akta lain. Akan tetapi di sini ada khusus kalau Yang Berhormat Klang baca apa yang dimaksudkan fasal 54(1).

Saya mahu pandangan ya. *“Kerajaan, Pengawal atau Pihak Berkuasa yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak dikehendaki menanggung apa-apa kerugian yang ditanggung berkenaan dengan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai disebabkan kebakaran, kecurian, kerosakan atau apa-apa...”* sampai habis. Maksudnya kalau rang undang-undang ini lulus, hari ini bolehlah kita dakwa sarjan, orang-orang kerajaan. Kalau diandaikan barang Yang Berhormat Klang kata itu barang strategik enjin itu, maka tidak boleh. Takkan akta seperti ini kita hendak di Dewan yang mulia ini. Saya mohon penjelasan.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Yang Berhormat Balik Pulau, sebenarnya saya sependapat dengan Yang Berhormat bahawa isu ini harus... Selepas ini menjadi undang-undang, mungkin kerajaan mesti siasat hal curi dua enjin yang telah saya bincangkan tadi. Akan tetapi saya bukan Menteri dan bila

Menteri menggulung mungkin dia boleh menjawab soalan ini. Terima kasih. Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Betul Yang Berhormat. Soalan-soalan yang relevan yang bagus itu jangan tanya dengan pembahas, tanya dengan Menteri. Sebab kalau Yang Berhormat mengulang soalan yang sama, nanti saya boleh berhentikan Yang Berhormat di bawah Peraturan Mesyuarat 44, mengulang-ulang soalan.

Tuan Charles Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu perkara yang agak merisaukan saya ialah aktiviti penyeludupan yang aktif di jeti-jeti swasta di sekitar Pelabuhan Klang iaitu kawasan Parlimen saya dan juga sempadan Malaysia dengan negara Thailand. Bukan sahaja barangan-barangan diseludupkan tetapi pendatang-pendatang asing juga memasuki Malaysia secara haram melalui saluran ini. Soalnya, kenapakah ada berpuluh-puluh orang keluar masuk Malaysia tanpa dokumen sah?

Bagaimanakah agensi keselamatan kita seperti Jabatan Kastam dan Imigresen, Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia dan sebagainya boleh terlepas pandang sehingga orang asing boleh keluar masuk sewenang-wenangnya? Isu yang saya hendak bangkit ialah, kalau berpuluh-puluh penduduk asing boleh dicuri masuk atau diseludup, atau *dismuggle* ke Malaysia, maka barang-barang yang disenaraikan sebagai strategik iaitu barang biologi, kimia, dan nuklear boleh diseludup masuk ke dalam negara.

■1240

Maka, strategi yang harus diguna pakai haruslah menyeluruh. Khususnya strategi untuk membanteras penyeludupan atau bilangan manusia dan kawalan ke atas barangan strategik, saya ulangi sekali lagi tidak dapat dipisahkan. Oleh sebab salurannya penting dan jaringan yang digunakan oleh penyeludup atau sindiket penyeludup boleh digunakan untuk membawa barang-barang strategik seperti biologi kimia, nuklear dan sebagainya. Malaysia juga boleh digunakan sebagai negara transit.

Di Pulau Indah dalam kawasan Parlimen Klang, dikatakan transit *area* untuk warganegara Indonesia, Thailand dan Afghanistan yang hendak berhijrah ke Australia atau balik rumah di Indonesia. Lebih 20 jeti persendirian di perairan dan di muara sungai di kawasan Klang dan Kuala Langat yang menjalankan pungkah memunggah kargo secara haram. Mereka sabotaj pelabuhan utama kita dan mencuri kargo mereka. Di jeti ini mereka dilaporkan menjalankan kegiatan haram dan melanggar undang-undang negara. Jelas, kerajaan perlu mengetatkan kawalan di sempadan Malaysia dan mengetatkan kawalan di perairan di kawasan kastam, pelabuhan dan jeti-jeti swasta. Lebih penting lagi Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga perlu menyelesaikan masalah rasuah yang terlibat dengan agensi penguat kawalan persendirian dan penguat kuasa iaitu Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia. Semua agensi-agensi ini berkait secara langsung ataupun tidak dengan keluar masuk pendatang asing ke Malaysia.

Baru-baru ini semasa melancarkan MyPROCUREMENT portal, Perdana Menteri Malaysia mengatakan bahawa ketiga-tiga agensi kerajaan ini mempunyai jumlah kes pertuduhan terbanyak oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada tahun 2005 – 2009 dan mendapati skor terendah dalam persepsi integriti di kalangan komuniti perniagaan dan awam. Saya cadangkan supaya SPRM dijadikan sebuah agensi yang bebas dan *independent and made accountable to Parliament* supaya gejala rasuah dapat diatasi secara serius dan efektif.

Pada 2 Julai 2000 kumpulan al-Ma'unah memasuki Kem Rejimen Askar Wataniah di Grik Perak dan mengambil lebih daripada 100 senjata tanpa halangan daripada askar yang menjaga halangan kem askar tersebut. Pada 4 Februari 2001, empat orang menyerbu balai polis Gua Cempedak di Kedah, dua anggota polis tercedera dan dua senapang M-16 dicuri. Pada 5 Disember 2005, 21 senapang dan 500 peluru dicuri daripada kem Kubang Badak Terengganu, yang terlibat adalah dua orang anggota polis dan pelajar sekolah teknik. Selepas itu didapati dua buah jet enjin yang dimiliki oleh Skuadron 12 Butterworth telah dicuri dari Kem RAMF Kuala Lumpur pada 2007 tetapi pencerobohan itu hanya diketahui pada 22 Mac 2008 dan satu laporan polis dibuat pada 4 Ogos tahun yang sama.

Kes-kes kehilangan senjata sebegitu kerap dan menjadikan Malaysia sebagai *laughing stock* di seluruh dunia kerana tahap keselamatan di kem-kem askar adalah begitu longgar dan lemah mengakibatkan senjata-senjata boleh dikeluarkan dengan senang. Paling menakutkan, *shocking* ialah semua kes ini hanya melibatkan anggota berpangkat rendah yang dikenakan tindakan disiplin. Dalam pencurian jet enjin, seorang sarjan Tentera Udara Diraja Malaysia namanya N. Tharmendran telah dicaj di mahkamah berhubung dengan pencurian jet enjin tersebut. Sebaliknya di negara lain, Menteri atau jeneral akan letak jawatan dan mengambil tanggungjawab penuh ke atas kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, semua kes kehilangan senjata ini akan menghasilkan akibat serius. Senjata-senjata ini yang hilang boleh dijual di pasar hitam dan memberi impak negatif pada keselamatan negara dan rantau ASEAN. Saya bercadang di bawah seksyen transit senjata mengenakan hukuman berat kepada pegawai-pegawai atasan, anggota tentera dan polis jika sebarang kehilangan berlaku sama ada transit di dalam negara atau ke luar negara. Pegawai atasan bermakna peringkat-peringkat jeneral tentera atau ketua polis negeri atau Pengarah Jabatan Logistik Polis Diraja Malaysia perlu dikenakan tindakan disiplin. Cadangan ini adalah sangat penting untuk meningkatkan kawalan untuk memastikan pegawai-pegawai atasan mengambil berat terhadap tahap keselamatan di kem-kem tentera dan stor senjata di balai polis. Budaya mencari kambing hitam harus diberhentikan dan pegawai kanan harus dipertanggungjawabkan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sekarang merupakan tempat perdagangan senjata haram antarabangsa. Malaysia dianggap sebagai *transit area* dalam jaringan eksport dan import senjata haram atau destinasi pertengahan senjata-senjata haram ke Iran, Libya dan negara-negara lain. Sindiket penyeludupan nuklear didedahkan pada Oktober 2003 apabila pegawai perisikan Eropah memintas penghantaran *Libya bound components centrifuge* yang dibuat di Malaysia. *Centrifuge* boleh digunakan untuk uranium ataupun *uranium enrichment*.

Bahan ini dibuat di Shah Alam, Malaysia oleh sebuah firma yang bernama *Scomi Precision Engineering* (SCOPE), satu syarikat yang berkait dengan anak bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi. Pembuatan komponen nuklear tersebut dipercayai dirancang oleh Bukhari Syed Tahir seorang peniaga Sri Lanka dan seorang orang kanan utama Dr. Abdul Kadir Khan bapa nuklear Pakistan. Isteri Tahir adalah seorang pemegang saham Scomi pada ketika itu. Tahir ditahan di bawah ISA pada tahun 2008 selepas Polis Diraja Malaysia mendapati dia membawa masuk tujuh orang juruteknik Libya untuk dilatih mengoperasikan mesin teknologi tinggi di kilang Scomi untuk menghasilkan *centrifuge*.

Pada 2008 Ketua Polis Negara Datuk Seri Mohd. Bakri Omar mengatakan siasatan polis telah mengesahkan bahawa SCOPE tidak bersalah dalam kes ini dan tidak menggunakan bahan-bahan yang dibekalkan untuk membina komponen-komponen sistem *centrifuge nuclear*. Akan tetapi, pada Januari 2009, Kerajaan Amerika Syarikat mengenakan *sanction* terhadap 13 orang termasuk Shah Akim Shan Zain iaitu CEO kumpulan Scomi kerana terlibat di dalam pengeluaran senjata nuklear. *Sanction* tersebut menyekat 13 individu daripada menjalankan perniagaan dan mendapatkan bantuan kewangan di Amerika Syarikat. Aset dan semua tabung individu-individu di Amerika Syarikat juga akan dibekukan.

Tindakan ini telah mencemarkan imej syarikat Malaysia di Amerika Syarikat. *Sanction* ini juga menunjukkan bahawa siasatan polis terhadap Scomi adalah tidak sempurna dan merupakan satu *cover up*. Saya mencadangkan supaya pihak polis membuka semula fail ini dan menjalankan siasatan baru terhadap Scomi.

Sementara itu pada 19 Julai 2007 *Associated Press* melaporkan dari New York bahawa seorang warganegara Pakistan - banyak orang Pakistan di Malaysia, Jilani Humayun telah ditangkap di New York dan dituduh ingin menghantar komponen jet pejuang ke Malaysia. Dipercayai bahawa komponen jet pejuang ini akan dihantar ke Iran kemudian di bawah Akta Senjata Eksport dan Kawalan Amerika Syarikat, Jilani Humayun boleh dipenjarakan sehingga atau selama 150 tahun jika didapati bersalah. Menurut dokumen-dokumen mahkamah di Amerika Syarikat, di New York khususnya pihak berkuasa persekutuan Amerika Syarikat berkata bahawa Humayun melalui sebuah syarikat antarabangsa bernama VASH pada Januari 2004 mengeksport *defence equipment* termasuk tangki-tangki peluru berpandu dan pelancar-pelancar roket. Jilani Humayun telah menggunakan syarikat antarabangsa VASH 11 kali antara Januari 2004 dan Mei 2006 untuk mengeksport ke sebuah syarikat yang tidak dikenal pasti di Malaysia dan eksport ialah MF-5 dan daripada bahagian jet pejuang F14 dan bahagian-bahagian helikopter Chinook.

Kesimpulannya ialah skandal Scomi dan pengangkutan komponen jet pejuang oleh Jilani Humayun menunjukkan bahawa Malaysia telah menjadi satu negara penghasil komponen nuklear dan destinasi pertengahan senjata-senjata ke negara-negara lain, *A transit centre for distribution to the other country*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu Malaysia juga merupakan pusat penyeludupan hidupan liar khususnya penyeludup hidupan liar menggunakan Malaysia khususnya sebagai satu pusat transit untuk mengangkut *pangolin*, penyu air tawar, *monitor lizard*, cicak yang bernilai jutaan ringgit, ular-ular melalui darat ke China, di mana binatang-binatang ini dijual oleh sebab permintaan tinggi sebagai makanan eksotik di negara itu. Penyeludup menggunakan jeti-jeti haram dan bot-bot kayu kecil seperti di Port Klang bagi mengangkut binatang-binatang ini. Pada masa kini, Malaysia merupakan *transit centre* ataupun pusat transit untuk penyeludupan hidupan liar, perdagangan manusia dan pusat transit bahan nuklear dan senjata haram antarabangsa.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon tanya kementerian, adakah Skandal Scomi menunjukkan Malaysia melanggar Deklarasi Zon Bebas Senjata Nuklear ASEAN yang dilaksanakan pada tahun 1995? Apa yang jelas ialah Kerajaan Malaysia perlu mengetatkan prosedur Kastam supaya menyekat komponen atau mesin yang mungkin digunakan dalam pembuatan senjata.

Dalam konteks ini, saya cadang supaya Kerajaan Malaysia menghantar lebih ramai Pegawai Kastam dan *defense* (pertahanan) ke Amerika Syarikat untuk mendapat latihan-latihan berkaitan dalam konteks *Program Export Control and Related Border Security Assistance*. Di bawah *Program Export Control and Related Border Security Assistance*, Kerajaan Amerika Syarikat akan memberi bantuan misalnya membekalkan *Software Tracker Automated Export Control Licensing System, Commodity Identification Workshop, International Air Cargo Interdiction Techniques, X-ray screening, system-system* dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun yang lepas, kerajaan dan TNB berkata, Malaysia akan bersedia untuk membina *reactor nuclear* bagi menjamin bekalan elektrik yang cukup pada masa hadapan. Rancangan ini menimbulkan pelbagai isu yang terlibat dengan keselamatan negara.

Pertama, ini akan memberi impak kepada komitmen Malaysia dalam Deklarasi Zon Bebas Senjata Nuklear ASEAN. Secara tidak langsung akan mendorong semua ahli ASEAN membangunkan teknologi dan reaktor nuklear.

Kedua, bahan-bahan yang digunakan dalam reaktor nuklear terutamanya unsur uranium boleh digunakan untuk menghasilkan senjata nuklear yang mungkin akan disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu. Memandangkan kehilangan senjata begitu berleluasa di kem-kem tentera dan balai polis, penggunaan teknologi nuklear akan menjadi satu ancaman besar kepada semua rakyat Malaysia dan keselamatan Kerajaan Malaysia. Kerajaan Malaysia harus menangguhkan pembangunan reaktor nuklear sehingga semua isu urus tadbir baik umpamanya rasuah, disiplin angkatan tentera dan polis mengetatkan prosedur import dan eksport diselesaikan.

Kesimpulan Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perdagangan Strategik adalah penting dan perlu untuk menjaga keselamatan negara dan rantau ini. Akan tetapi pada pandangan saya, satu rancangan menyeluruh dan komprehensif mesti disegerakan. Rancangan menyeluruh ini boleh dimulakan dengan SPRM dijadikan badan bebas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Kota Belud.

12.53 tgh.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil peranan dalam perbahasan ini. Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010, telah banyak yang telah diperkatakan oleh rakan-rakan sebelum saya ini tentang beberapa kekhawatiran mereka tentang peruntukan-peruntukan yang ada di dalam rang undang-undang ini terutamanya tentang apa yang dikatakan *export control* ataupun kawalan eksport ini Tuan Yang di-Pertua. Ada juga yang mengatakan *export control* ini adalah salah satu cara untuk negara-negara maju melalui peruntukan-peruntukan seperti yang ada di dalam rang undang-undang ini untuk menidakkan teknologi-teknologi yang tertentu kepada negara-negara yang sedang membangun. Resolusi 1540 Majlis Keselamatan *United Nations* ataupun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga mempunyai mekanisme seperti yang terkandung di dalam rang undang-undang ini.

Jadi kawalan eksport ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak berhati-hati, kita akan terjerat apabila teknologi-teknologi yang kita perlukan untuk membangunkan negara kita ini seperti mana yang dikatakan oleh rakan-rakan tadi, negara kita ini sedang menuju ke era inovasi, berteknologi tinggi, berpendapatan

tinggi. Apakah kekhawatiran kita tentang *export control* ini dapat diberi penjelasan yang secukupnya oleh pihak kerajaan? Contohnya, teknologi-teknologi yang mempunyai klasifikasi *dual usage* ataupun *dual use*. Maknanya teknologi yang boleh digunakan untuk membina WMD iaitu *weapon of mass destruction* ini dan juga pada masa yang sama teknologi yang boleh digunakan untuk kegunaan-kegunaan awam.

Inilah yang harus kita perhatikan. Kalau kita lihat tadi penjelasan Yang Berhormat Menteri, beliau ada menyebut tentang beberapa *control list* yang ada sekarang ini seperti *Control List Australia Group*, *The Nuclear Suppliers Group*, *The Missile Technology Control Regime* dan beberapa *list* lagi. Saya tidak tahu sama ada *list* ini, kita mempunyai – Malaysia lah, negara kita mempunyai hak untuk mengubah *list* tersebut. Kalau itulah *list* yang akan digunakan oleh pihak kerajaan bagi menentukan barang-barang yang tidak boleh diekspor ataupun barang-barang yang boleh disita dan sebagainya dalam peruntukan ini. Apakah *list* di dalam barangan yang disebut tadi itu, *the European Union list*, *Australian list* ini, apakah kerajaan mempunyai ruang dan peluang untuk membincangkan *list* tersebut?

Kalau ia hanya berdasarkan *list* ataupun senarai yang dibuat oleh negara-negara barat ini, saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, kita akan terjerat. Ini kerana *list* ini akan mungkin merangkumi teknologi-teknologi yang boleh membantu kita untuk membangunkan negara kita dan ini apa yang dikatakan seperti *suppliers cartel*, negara-negara Barat ini tidak mahu – Contohnya, kalaulah ada teknologi yang mungkin boleh membuat ubat-ubatan yang lebih murah yang perlu untuk negara-negara ketiga yang membangun kerana kita tahu ubat-ubatan yang dari barat ini begitu mahal. Katalah teknologi itu juga mempunyai *dual usage*, mungkin juga boleh digunakan untuk senjata kimia. Jadi, inilah kekhawatiran kita Tuan Yang di-Pertua dan harus kerajaan memberi penerangan sejelas-jelasnya tentang *export control* ini sama ada ia merupakan *suppliers cartel* ataupun tidak, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri juga menjelaskan tentang peruntukan yang berada di dalam rang undang-undang ini merangkumi teknologi ataupun barangan. Saya ingin minta penjelasan tentang manusia. Manusia juga Tuan Yang di-Pertua, mungkin perlu diberi penekanan sedikit. Kadang-kadang doktor-doktor, profesor-profesor yang datang ke negara kita ini juga mungkin memiliki pengetahuan tentang bom nuklear. Akan tetapi, kita gunakan mereka ini untuk kajian-kajian di universiti kita. Jadi, inilah yang menjadi permasalahannya dan ini bukan sahaja terhad kepada Malaysia. Di negara-negara lain juga yang telah menyokong Resolusi 1540 Majlis Keselamatan PBB juga mempunyai kekhawatiran seperti ini. Teknologi-teknologi ataupun profesor-profesor, tenaga kerja yang mahir ini yang kepakaran mereka diperlukan untuk negara-negara maju ini tidak dapat dibawa ke negara tersebut kerana ada sekatan-sekatan di bawah Resolusi 1540 yang semangatnya juga terdapat dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanyakan tentang *border control* ini. Walaupun barangan yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri mengikut *list* tadi, kita mungkin terfikir tentang kemasukan melalui pelabuhan ataupun lapangan terbang, ini mungkin tidak begitu tepat sebab kita mempunyai pantai yang panjang, yang luas dengan sempadan yang begitu luas. Saya masih lagi tidak berapa jelas bagaimana kerajaan mahu memperuntukkan dana kah atau manusia kah atau pegawai kah untuk memperkukuhkan lagi sempadan dan juga pantai yang begitu luas ini. Ini kerana kita mungkin tidak mempunyai prestasi yang agak baik dari segi ini Tuan Yang di-Pertua.

Sempadan kita masih bolos lagi, kita masih lagi mempunyai sempadan pantai dan sebagainya yang sedang dicerobohi oleh pendatang asing tanpa izin dan sebagainya. Jadi, kalaulah ini akan digunakan untuk kemasukan barang ke dalam ke negara kita ini, saya masih mahu tahu daripada kerajaan, apakah kerajaan bersedia untuk berbelanja yang agak lebih untuk memastikan sempadan pantai dan sebagainya ini dapat diperkukuhkan?

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Habis masa Yang Berhormat. Boleh soal, nanti tengah hari boleh jawab Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Pukul 1 petang boleh lagi Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia mahu kasi habis Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak mengapa Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua sudah beri jalan lah itu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]* Ya, terima kasih. Yang Berhormat Kota Belud, saya sehaluan dengan Yang Berhormat sebab akta ini saya baca tidak begitu memberi jaminan siapa *enforcement* yang hendak diguna pakai. Ini kerana dengan keluasan yang begitu luas, kita bersempadan dengan negara-negara Thailand, *Philippine*, Indonesia dan sebagainya maka akan memudahkan lagi unjuran transaksi ataupun penyeludupan bahan-bahan kimia dan sebagainya. Jadi, apakah Yang Berhormat mempunyai satu mekanisme pendekatan yang dicadangkan mungkin boleh ditambah dalam akta ini untuk memastikan bahawa bukan hanya memenuhi kehendak *United Nations* tetapi kita juga melengkapkan akta ini untuk mempersiapkan negara kita dalam apa bentuk sekalipun transaksi bahan-bahan kimia, toksik dan sebagainya yang mengancam akan keselamatan negara kita? Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat. Soalan itu – baik Yang Berhormat. Akan tetapi, jam kita itu sudah pukul 1.01 petang. Jadi, Yang Berhormat boleh jawablah apabila bermula sesi pada tengah hari nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat pada sesi pagi ditangguhkan dahulu dan Dewan akan bersidang semula pukul 2.30 petang ini nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 6 April 2010".

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Walaupun dia masalah kita setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin tahu berapa ramai lagi yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perdagangan Strategik ini?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: *[Bangun]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya tahu. Yang lain? *One, two.* Baiklah Yang Berhormat. Saya akan bagi dua Ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dan dua Ahli Yang Berhormat daripada pembangkang untuk turut serta dalam perbahasan dan jika ada Ahli BEBAS, seorang Ahli BEBAS dan saya juga ingin maklumkan bahawa kalau boleh saya tidak benarkan pencelahan kerana seperti yang berlaku pagi tadi pencelahan itu sebenarnya adalah bagi Menteri untuk menjawab dan yang berucap itu tidak ada kapasiti untuk menjawab penjelasan-penjelasan yang dikemukakan. Kalau berbuat demikian kita akan menjimatkan masa dan lebih tertumpu kepada perbahasan rang undang-undang ini. Saya jemput Yang Berhormat Kota Belud untuk meneruskan kupasan.

2.34 ptg.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab pencelahan terakhir yang dibuat oleh Yang Berhormat Kinabatangan sebelum kita berehat pada tengah hari tadi, Yang Berhormat Kinabatangan meminta penjelasan daripada saya berkenaan sama ada kita mewujudkan rang undang-undang ini kerana mungkin ada sedikit tekanan daripada kuasa-kuasa luar.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua berpandangan bahawa kerajaan menggubal rang undang-undang ini bukan kerana tekanan daripada kuasa-kuasa

luar yang tertentu. Ianya adalah untuk memastikan bahawa pendirian dan tindakan kerajaan kita ini bersesuaian dengan resolusi-resolusi yang telah pun diputuskan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu terutamanya Resolusi 1540 yang telah dibuat oleh Majlis Keselamatan dan saya rasa inilah semangat dan juga pengisian rang undang-undang ini diasaskan.

Akan tetapi pada saya persoalan yang lebih tepat lagi mungkin ialah apakah Malaysia terikat dengan Resolusi 1540 ini? Kalau ianya terikat perlu kah lagi kita membuat penggubalan undang-undang yang nyata lebih kurang serupa dengan semangat dan pengisian Resolusi 1540 ini? Kalaulah kita terikat kepada Resolusi 1540 mungkin rang undang-undang ini walaupun mungkin tidak ada kita masih terikat kerana kebanyakan daripada perkara-perkara yang disebut di dalam peruntukan rang undang-undang ini adalah berkaitan dengan barangan-barangan yang membolosi sempadan.

Kita begitu prihatin dan saya rasa pihak-pihak kuasa luar tidak menekan kita apatah lagi kuasa-kuasa luar seperti USA, Amerika Syarikat satu negara yang sebenarnya tidak memerlukan peruntukan ini kalau mereka bersedia untuk mengurangkan jumlah senjata berbahaya mereka, senjata nuklear mereka, *weapon of mass destruction* ini kerana merekalah yang mempunyai jumlah senjata yang begitu banyak.

Kalaulah mereka sanggup untuk mengurangkan jumlah senjata ini saya rasa rang undang-undang ini tidak diperlukan tetapi seperti mana yang kita tahu kuasa-kuasa luar ini mereka ini mempunyai imuniti yang begitu kuat dan kadang-kadang walaupun ada contohnya Resolusi 1540 itu kadang-kadang kuasa besar ini mempunyai *selective prosecution*. Negara-negara yang mereka rasakan tidak begitu perlu dihapuskan mereka akan menyerang dan inilah yang terjadi kepada beberapa negara di Timur Barat contohnya di Iraq. Sebenarnya di Iraq seperti mana kata rakan-rakan yang lain mereka tidak mempunyai senjata pemusnah seperti WMD ini. Yang dimahukan oleh kuasa-kuasa besar ini ialah untuk menghapuskan bukannya senjata yang jahat tetapi pelakon-pelakon di dalam negara tersebut yang dianggap jahat. Maka sebab itulah rejim baru dinaikkan, pemimpin-pemimpin yang dirasakan tidak sehaluan dengan mereka dihapuskan dan inilah yang menjadi kebimbangan kita apabila kita bercakap tentang Amerika Syarikat ini.

Satu lagi persoalan yang saya ingin minta penjelasan daripada kerajaan ialah kalaulah kita membuat keputusan berdasarkan undang-undang ini kita dapati ada satu, dua perkara yang perlu dibawa ke muka pengadilan, kita buat keputusan, kita jatuhkan hukuman ataupun kalau ada yang dibawa ke muka pengadilan didapati tidak bersalah apakah kuasa-kuasa besar ataupun Resolusi 1540 ataupun agensi-agensi antarabangsa ini boleh mengambil tindakan kepada kita? Sudah terbukti contohnya dalam kes *Scomi Position Engineering* ini apabila kerajaan kita membuat penyihasan tidak didapati bersalah tetapi seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Klang tadi pihak sebelah sana pihak Amerika dengan kuasa mereka juga mengambil tindakan terhadap syarikat ini. Akhirnya apa yang kita putuskan di sini seolah-olah tidak mendapat pengiktirafan daripada mereka. Jadi apakah nanti rang undang-undang ini apabila dikuatkuasakan nanti akhirnya kita hanya membuat keputusan tetapi akhirnya negara luar yang mempunyai kuasa yang lebih kuat daripada kita akan tidak menghormati keputusan yang kita buat.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut tentang mekanisme. Mekanisme untuk menggeledah barangan. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai banyak masalah. Dengan masalah penyeludupan, dadah, *contraband cigarette* dan sebagainya. Jadi bagaimana caranya untuk kita, ini minta penjelasan sedikit daripada kerajaan nanti. Apa sebenarnya yang perlu dibuat ini. Apakah kita akan memeriksa setiap kontena yang masuk ke dalam negara kita ataupun kita bertindak berdasarkan *tips* daripada pihak awam atau pihak lain? Jadi oleh kerana ini bukannya dadah, bukannya rokok dan sebagainya, ini adalah satu komponen senjata yang berbahaya. Saya merasakan kerajaan memerlukan kakitangan yang cukup canggih dan ramai untuk memastikan penguatkuasaan rang undang-undang ini. Kalau ianya hanya berdasarkan rambang, kita menggeledah barangan, *check* barangan yang datang masuk ke negara kita dan sebagainya secara rambang, saya rasa rang undang-undang ini mungkin tidak akan dapat menepati inti pati yang diperlukan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang saya ingin sebut lagi ialah tentang jumlah. Jumlah yang didenda apabila seseorang itu atau syarikat didapati bersalah di dalam rang undang-undang ini, jumlah yang terbanyak yang saya terbaca ialah hanya RM30 juta. RM30 juta ini Tuan Yang di-Pertua kalau di *convert* kan, dengan izin, ke dalam US Dollar, hanyalah lebih kurang USD8.5 juta. Jadi jumlah ini terlalu kecil kerana seperti mana yang kita tahu, perdagangan haram senjata di seluruh dunia ini menjangkau jumlah berbilion-bilion ringgit. Jadi RM30 juta ini saya rasa mungkin tidak dapat memberi insentif ataupun menegah mereka yang mahu membawa barangan tersebut ke Malaysia. Jadi saya mintalah kalau boleh pihak kerajaan cuba kalau boleh tambah lagi denda ini. Kalau mungkin USD30 juta, ha ini mungkin lebih berpatutan memandangkan jumlah nilai perdagangan senjata haram di dunia ini. Tuan Yang di-Pertua, hanya dua tiga perkara lagi Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin membawa perhatian kerajaan kepada seksyen 4, Pemakaian Luar Wilayah. Saya minta penjelasan lebih teratur dan lebih jelas daripada pihak kerajaan kerana pemakaian luar wilayah ini kalau saya baca di sini, kononnya walaupun jenayah itu dibuat di luar kawasan Malaysia di negara kita ini, akta ini masih berkuat kuasa. Saya tidak tahu bagaimana cara kerajaan untuk menguatkuasakan akta ini di luar lingkungan *sovereignty* Malaysia ini. Apakah kita terpaksa meminta agensi lain untuk menguatkuasakan di bawah undang-undang yang lain atau bagaimana. Jadi mungkin pihak kerajaan perlu memperjelaskan dengan lebih jelas lagi.

Seterusnya ialah tentang negara. Kalaulah yang membuat kesalahan ini bukannya individu, bukannya syarikat tetapi sebuah negara, bagaimana tindakan kerajaan kita? Ini tidak dijelaskan dengan baik, dengan terang di dalam seksyen-seksyen yang telah disebut di dalam rang undang-undang ini. Hanya yang disebut ialah jika seseorang atau sebuah syarikat, itu tidak menyentuh tentang kalau ianya sebuah negara. Bagaimana kerajaan mahu menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kalau boleh minta pihak kerajaan menerangkan sedikit dengan lebih jelas lagi peruntukan seksyen 9(7)(c) iaitu: "Penyelidikan dalam teknologi strategik sedemikian, yang hasilnya tidak mempunyai penggunaan yang praktik." Saya rasa banyak yang terkandung dalam subseksyen ini dan kita hanya mempunyai sepotong ayat untuk menerangkan subseksyen 7 ini. Mungkin kalau boleh pihak kerajaan dapat memberi penjelasan yang lebih jelas lagi. Seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang *funding*. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, Resolusi 1540, ada negara-negara yang telah meminta pertolongan daripada Amerika, daripada negara Eropah untuk diberi pertolongan menguatkuasakan resolusi ini kerana ianya memerlukan

perbelanjaan yang banyak. Iran contohnya *surprisingly* meminta kalau boleh diberi bantuan kewangan. Bukan sahaja daripada segi kewangan, tetapi mungkin daripada segi kepakaran untuk memantau sempadannya. China begitu juga.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah kerajaan juga memandangkan ini isu yang besar dan memerlukan penguatkuasaan yang teliti dan memerlukan wang yang banyak? Apakah kerajaan bercadang untuk meminta bantuan kewangan ataupun kepakaran mahupun mekanisme-mekanisme daripada agensi-agensi antarabangsa bagi menguatkuasakan, membantu kerajaan dalam menguatkuasakan rang undang-undang ini? Jadi saya rasa itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau.

2.46 ptg.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam membahaskan Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010 di kala negara membayangkan Model Ekonomi Baru. Saya pada permulaannya dikelirukan. Saya memikirkan Akta Perdagangan Strategik ini, kalau di peringkat antarabangsanya itu, andaiannya ialah untuk menjaga industri-industri ataupun sektor-sektor perdagangan yang strategik yang akan merugikan negara sekiranya satu liberalisasi yang berlebihan berlaku, tetapi sebaliknya ia berkisar mengenai aspek keselamatan yang mana sekali lagi saya rasa perlu diberi perhatian oleh kerajaan pada hari ini apabila membuat keputusan untuk membentangkan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bukan mengenai rakyat. *It's not about empowering the people*, dengan izin, kerana kerajaan pada hari ini setiap kali undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini lebih ke arah memperkasakan kerajaan. Ia tidak salah kalau kerajaan hari ini efektif sifatnya. Kebocorannya, salah guna kuasanya itu tidak menjadi isu pokok, tetapi isu hari ini ialah isu krisis kepimpinan kerajaan dengan laporan *Auditor General* dan sebagainya. Kenapa ini saya bahaskan mengenai isu yang penting kepada Menteri untuk menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, kerana apabila membincangkan isu keselamatan, kita sering kali memfokuskan kepada keselamatan negara ataupun dengan izin, *national security* tetapi kita jarang-jarang sekali membahaskan mengenai keselamatan rakyat ataupun *human security*.

Ini dapat kita lihat di pelbagai fasal-fasal rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya tidak mahu pergi secara *detail* di peringkat ini, dasar ini, tetapi cukup untuk saya katakan bahawa daripada segi aspek keputusannya, *decision makingnya* amat tidak telus sifatnya. Menteri akan buat keputusan, kerajaan akan buat keputusan. Kedua, daripada segi aspek akauntabilitinya tidak ada mekanisme akauntabilitinya. Contoh, semuanya bersifat sulit. Ketiga, daripada segi aspek liabilitinya, tidak ada aspek itu kerana kerajaan tidak dipertanggungjawabkan ke atas kesalahan-kesalahan sehingga apa yang diminta di Dewan yang mulia ini satu perkara yang bagi saya melampau. Contohnya seksyen 54 yang saya katakan tadi.

Di dalam kes-kes melibatkan kecurian pun mahu diberi imuniti kepada kerajaan dan pegawai-pegawai yang terlibat. Bayangkan di sini yang dimaksudkan kerajaan pengawal atau pihak berkuasa apatah lagi di kala kita berdepan dengan

situasi kehilangan enjin, isu-isu strategik yang lain. Lepas ini kita akan depani isu-isu tenaga nuklear yang diperbahaskan. Jadi, bagi saya pada peringkat ini kalau perkara-perkara berkaitan dengan *decision making process*, keputusan yang tidak telus, akauntabilitinya tidak ada, liabilitinya juga tidak menunjukkan sikap kebertanggungjawaban kerajaan pada hari ini, saya rasa ini merupakan satu naskhah rang undang-undang yang amat buruk. Satu.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyatakan kerisauan saya dan perlu penjelasan Menteri, iaitu daripada segi aspek apa dasar luar yang cuba nak kita tonjolkan kepada negara luar, kerana tadi ketika mana Menteri membahaskan rasional, kenapa kita perlukan rang undang-undang ini, ialah untuk kita menyantuni peruntukan Bangsa-Bangsa Bersatu.

■1450

Ingin saya perjelaskan di sini untuk manfaat kita bersama, di dalam rakyat didahulukan, tetapi banyak lagi akta yang penting yang mana dituntut oleh pihak Bangsa-Bangsa Bersatu untuk kita meratifikasikan dia tidak dibuat. Saya beri contoh, di *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* pun tidak dibuat walaupun ada keluh kesah mengatakan ada diskriminasi. Dengan izin, *The International Covenant on Civil and Political Rights* kerana hak asasi itu merujuk kepada dua perkara yang besar, *civil political rights, economic social and cultural rights* kerana, perkara itu belum selesai. Akan tetapi yang diangkat ini ialah isu yang bersifat strategik kononnya, tetapi yang diperkasakan ialah kerajaan tetapi bukan rakyat. *The International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights*, hak-hak kelompok minoriti belum lagi selesai. Sebab itu kita lihat bagaimana kelompok-kelompok minoriti pada hari ini bangun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu andaian dan perlu untuk Yang Berhormat Menteri menjelaskan. Di Dewan yang mulia ini juga kita dikatakan ada satu perunding yang kononnya bertanggungjawab mengangkat maruah negara di peringkat antarabangsa dari segi ekonomi, komunikasi dan sebagainya. Akan tetapi saya lihat perunding yang dilantik itu ternyata tidak mempunyai kepakaran mengenai aspek sekuriti ataupun keselamatan melainkan dengan izin, *sister company*nya ataupun syarikat gabungannya ataupun afiliasinya...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Strategic Partners...*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *Strategic Partner* nya. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya membayangkan kalau inilah nasihat yang terdekat ke arah mewujudkan negara ini seperti yang dibahaskan tadi oleh teman bijaksana saya Yang Berhormat Sungai Siput seolah-olah macam menjadi negara polis. Saya rasa kita akan wujud satu situasi seperti yang berlaku, yang saya katakan tadi ialah di dalam *Bush Doctrine* itu kononnya ada *weapon mass destruction*. Kita kata tidak ada, dia kata ada. Di bomnya, diserangnya Iraq, tanpa keputusan yang telus. Akan tetapi akhirnya semua sepakat tidak adapun *weapon mass destruction*. Kenapa begitu? Ini kerana tidak ada satu mekanisme untuk dinilai dengan objektif oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin mengatakan di Dewan yang mulia ini satu naskhah undang-undang yang terakhir di kala kita membincangkan *New Economic Model*. Kalau itu benar komitmen kerajaan pada hari ini membincangkan model ekonomi kreatif, model ekonomi inovasi. Semalam Yang Berhormat Bera, saya ucapkan tahniah kerana ada inisiatif mahu membentangkan *Competition Act*, betul? Akta Persaingan. Itu satu ke arah menunjukkan komitmen kerajaan yang pada pandangan menjurus kepada

kerangka ekonomi baru. Masalah inovasinya. Akan tetapi di sini mana mungkin kreativiti, inovasi dapat wujud dalam kerangka sekuriti, kerangka tidak bebas, tidak ada nilai kebebasan ataupun *freedom*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tanpa pergi menghalusi fasal-fasal rang undang-undang ini saya sekali lagi mengatakan alasan kerajaan di tahap ini untuk membentangkan kepada Dewan yang mulia ini dengan tergopoh-gapah, tergesa-gesa meluluskan pada hari ini juga hanyalah satu sikap dasar luar yang membabi buta. Kita hendak berurusan, ya betul, dengan Amerika, ya, mungkin Amerika di pasca September 11 ini, pasca, *anti-terrorism* nya yang gagal. Gagal bukan kerana apa, kerana sikap egonya, kerana sikap tidak telusnya. Akan tetapi kita pada hari ini kalau hanya untuk menunjukkan kita mempunyai dasar luar yang juga seiringan dengan *anti-terrorism* itu bukan begini sifatnya. Pada pandangan saya, yang perlu kita tekankan ialah aspek *rule of law*nya, aspek negara hukumnya yang lebih ketat. Maksud saya itu mana mungkin...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Balik Pulau minta laluan?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih. Saya ingin tanya Yang Berhormat Balik Pulau adakah Yang Berhormat Balik Pulau bersetuju bahawa akta ini atau rang undang-undang ini dibawa ke Parlimen tergesa-gesa kerana Perdana Menteri hendak melawat *White House* atau Rumah Putih dalam beberapa hari dan ini merupakan *entry pass*.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya tidak terkejut kalau itu andaian yang terdekat. Saya kata andaian, sebab kita tidak ada maklumat. Andaian terdekat yang boleh kita katakan kerana kita tahu apa gesaan-gesaan Rumah Putih di kala selepas berlakunya peristiwa September 11 itu. Yang Berhormat Bukit Bendera, saya risau di kala akhir-akhir ini dasar luar negara telah kita panggil *shift* dengan izin, tetapi bukan ke arah membawa satu dasar luar yang lebih manusiawi sifatnya yang mengangkat agenda rakyat, mempertahankan hak asai rakyat tetapi hari ini kita melihat satu dasar luar yang bukan mengangkat dengan izin, *comparative advantage* rakyat Malaysia itu. Ini kerana mana mungkin rakyat yang mahu terlibat dalam ekonomi yang bersifat rahsia ini mampu bersaing sikapnya? Maka sekali lagi akan wujud, Yang Berhormat Bukit Bendera ialah satu suasana yang mana sekali lagi macam saya hujahkan menteri dalam itu "*A big brother government*." Saya rasa bukan itu model ekonomi baru yang kita mahukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengatakan di Dewan yang mulia ini, kita mempunyai banyak perundangan yang saya rasa mampu mengurus andaian-andaian peristiwa-peristiwa yang kita andaikan mungkin akan berlaku di bawah Rang Undang-Undang Perdagangan Strategik 2010. Kalau isunya *Money Laundering*, kita ada AMLA, isunya ialah pelaksanaan. Kalau isunya terrorisme - Akta Kanun Keseksaan Jenayah, juga telah dipinda untuk menguatkan.

Jadi saya melihat di sini satu lagi usaha kerajaan mewujudkan sistem keselamatan di bawah satu sistem sokongan yang salah. Di sini diandaikan MITI, Tuan Yang di-Pertua, untuk bertanggungjawab. MITI tidak mempunyai kemampuan, MITI patut kerjanya ialah kerja promosi perdagangan. Mana mungkin pejabat MITI, MIDA ataupun sebagainya di Boston, di Washington dan sebagainya akan membicarakan isu-isu keselamatan? Kalau tidak mampu nanti panggil mungkinlah saya kata *ASERO Worldwide*, siapa ASERO? Masalah lain pula

datang. Dasar, dasar apa? Dasar kontradiksi dengan dasar luar negara yang selama ini tidak bersekolongkol dengan *regim Zionist* yang zalim.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menekuni perbahasan yang cukup...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat, saya ada buat keputusan tadi pencilahan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang baik oleh Yang Berhormat Balik Pulau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pencilahan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cuma saya hendak bertanya sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap Yang Berhormat. Saya ada buat makluman tadi, pencilahan yang tidak boleh dijawab itu tidak perlu dibuat Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bersabitan dengan kenapa MITI. Saya sendiri tertanya-tanya dan ingin Yang Berhormat Balik Pulau memberikan jawapan kalau boleh, apakah wajar MITI atau Kementerian Dalam Negeri. Jadi ternyata *this piece of legislation*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua semacam memanglah *is a rush in this* Dewan yang mulia ini. Jadi perkara itu ramai yang berasa tertekan kerana himpitan waktu dan ruang untuk kita berbahas. Minta Yang Berhormat Balik Pulau. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya secara konsisten mengatakan hari itu kita berhujah di kala pasca - kalau saya boleh katakan di sini untuk tujuan rekod, pasca Obama ini dasar dalam negeri dan dasar luar negeri sama penting. Akan tetapi bukan bermaksud aspek dasar dalam negeri, keselamatan dalam negeri dipertanggungjawabkan kepada MITI. Tidak pernah orang buat perkara macam itu. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Kuala Selangor, apa kemampuan MITI. Kita tahu MITI mungkin ada penguat kuasa untuk isu-isu yang tertentu. tetapi ini isu merujuk kepada strategik. Saya mungkin boleh faham apabila dasar nuklear hendak diperkenalkan, *subject matter* nya, materialnya itu perkara-perkara yang strategik. Akan tetapi mampukan MITI mengendalikan perkara sebegitu? Yang saya tengok yang mempunyai pengalaman BSA Tahir hari itu mengenai kaitan dengan import eksport ke negara yang tidak sepatutnya itu ditangani oleh Kementerian Dalam Negeri. Tidak pernah MITI mempunyai pengalaman sebegini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita di kala mewujudkan liberisasi ekonomi, tetapi kita masih lagi mewujudkan satu suasana yang mana dengan izin, *protectionism* itu amat kuat bukan sahaja melalui keputusan-keputusan dasar perdagangan, malah dari segi keputusan-keputusan kerajaan, mana mungkin perkara ini dapat menarik minat pelabur-pelabur asing ke negara kita. Yang dimahukan ialah satu suasana, contohnya, kalau lihat di sini, mungkin satu ketika kita, dasar nuklearnya berurusan dengan negara yang mempunyai satu *raw*

materialnya yang perlu kita guna, tetapi berlaku satu pertikaian - *dispute* kerana urusan-urusan strategik ini mesti di antara dengan Kerajaan Malaysia.

■1500

Mana mungkin pelabur asing yakin untuk ke meja pengadilan, untuk ruang pengadilan di Malaysia kalau begini sikap rejim perundangannya. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya secara kesimpulan mohon penjelasan kepada Menteri sekali lagi bahawa rejim yang sebenarnya bukan rejim perdagangan strategik yang diperlukan. Apa yang diperlukan sebenarnya rejim perundangan strategik untuk pertahankan kelompok-kelompok marhaen, kelompok-kelompok yang tidak mampu bersaing yang perlu dibantu agar apabila satu liberalisasi ekonomi yang dicadangkan itu tidak merugikan. Terutama kelompok-kelompok yang kita panggil *muta'afin* itu yang perlu dibantu. Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau, saya cuma untuk mendapatkan pandangan secara ringkas sahaja sebab di antara perkara yang disebut tadi juga antara kerisauan kepada semua kalangan orang yang memerhatikan tentang langkah kerajaan yang memperkenalkan Rang Undang-undang Perancangan Strategik ini. Saya lihat ada satu aspek yang ditekankan di sini iaitu pembrokeran barang strategik. Kita tahu yang pembrokeran ini memang menjadi aspek yang ditekankan dalam Belanjawan 2010 yang dibentangkan pada tahun yang lalu. Kita tahu kebimbangan ini juga kerana kita ada satu peristiwa yang menjadi perhatian umum apabila syarikat broker yang dilantik iaitu Perimekar Sdn. Bhd. pada masa itu, sampai sekarang belum ada penjelasan. Kita tidak mendapat satu penjelasan atau penerangan yang baik untuk mengatakan bahawa syarikat-syarikat seperti contoh Perimekar tadi akan juga terlindung dalam aspek pembrokeran barang strategik yang diletakkan secara khusus dalam undang-undang yang hendak diluluskan ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat Balik Pulau. Terima kasih.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Kalau Yang Berhormat Indera Mahkota jadi Menteri MITI saya ingat berbeza, dia tidak akan buat begitu. Minda dia digital, keputusan dia pun digital tetapi kalau minda digital, ekonomi inovasi keputusan analog macam inilah, maksudnya apa? Maksudnya ialah kita berkata ekonomi baru, bebas, terbuka tetapi yang ditakuti, dirisaukan oleh orang kita panggil *brokerage business* ini yang amat tertutup sifatnya, bukan sahaja dilonggarkan, dibuka malah dipertahankan, mahu diberi satu perlindungan perundangan. Jadi saya mohon penjelasan Menteri, apa rasional di sebaliknya, kalau tidak saya kesian kepada Yang Berhormat Pekan iaitu Perdana Menteri mahu membawa tarikan, semalam saya tengok dia pun bergelut di dalam Al-Jazeera menjawab apa perbezaan *New Economic Model* dengan ekonomi sekarang, di kala 1Malaysia, di kala itu ada Perkasa. Jadi perkara-perkara ini saya khuatir cita-cita dia yang saya mungkin boleh bersetuju secara kerangka besar mahu menjadikan masyarakat ini mempunyai pendapatan yang tinggi, nilai tambah, *competitive advantagenya* ada tetapi saya khuatir gagal.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon pencilahan Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Bercakap tentang perundangan tadi saya tertarik dengan komentar daripada banyak majalah termasuklah *The Edge* yang menyatakan dalam Model Ekonomi Baru perlu ada

dengan izin, *certainty of judicial review*. Saya mahu menanyakan Yang Berhormat, kalau kita lihat undang-undang yang sedia ada termasuklah di Australia, ia ada sebuah akta yang dinamakan *Weapons of Mass Destruction (Prevention of Proliferation) Act 1995*. Akta ini bukan memberi kuasa kepada Menteri untuk berkuasa mutlak berkenaan barang rampasan dan sebagainya, sebaliknya memberi kuasa kepada mahkamah untuk membuat sesuatu keputusan. Bukan kah baik pada pendapat Yang Berhormat, kalau kerajaan dapat memastikan kuasa tidak dipusatkan lagi sehaluan dengan semangat Model Ekonomi Baru.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Saya setuju Yang Berhormat Lembah Pantai tetapi saya khuatir kerana ini beban yang amat berat kepada kerajaan, Perlembagaan telah dipinda. Kuasa semakan, *executive judicial review* telah diambil sudah lama daripada mahkamah. Ini kita hendak buat akta mesti harmoni sifatnya dengan peruntukan perlembagaan tetapi yang telah meminda perlembagaan hilang semangat yang dikatakan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai itu, oleh teman-teman. Saya baru dapat peluang duduk tidak sampai dua tahun. Yang Berhormat Lembah Pantai, apa Yang Berhormat Lembah Pantai katakan itulah sebenarnya trend masyarakat antarabangsa kalau kita mahu memanggil mereka datang sini. Trend di Amerika Syarikat, kes Hamdan vs. Rumsfeld, kes Guantanamo Bay yang pasca selepas itu ke arah memberi ruang kepada mahkamah membuat keputusan. Satu badan yang bukan ke arah kita panggil mengetatkan, apa yang kita panggil *national security regime*.

Ini kalau yang dicadangkan oleh Kerajaan Australia, saya rasa satu perkara yang perlu ditekuni oleh pegawai-pegawai di belakang untuk menasihati Yang Amat Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir cita-cita kerajaan dalam tahun 2010 ini untuk memantapkan ekonomi, menggunakan pendekatan perundangan sebegini akan menjadi dengan izin, *counter thesis*, *counter productive* kepada cita-citanya. Maksud saya, yang mahu ditarik perhatian akan lebih menakutkan orang lagi kerana rejim-rejim perundangan yang ada di sini ialah bukan ke arah mewujudkan satu rejim perdagangan yang telus, yang terbuka seperti dijanjikan di dalam retorik-retorik Yang Berhormat Pekan ketika mana membayangkan apa yang sebenarnya dimaksudkan sebagai New Economic Model untuk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin sebenarnya merayu kepada kerajaan. Semalam saya katakan, Yang Berhormat Bera, sekali lagi saya suka sebut di sini sebab dia saya tengok ada komitmen lain. *Fair trade practices act*, itu yang kita perlukan, kita tidak ada *anti trust law*, itu tinggi sangat hendak buat. Nanti Telekom marah, syarikat *telco*. Ini *fair trade practices*. Yang Berhormat Johor Bahru dah katakan semasa menjadi Menteri, buat pelancaran, pun tidak dibuat. Itu bagi saya rejim-rejim perundangan yang akan menarik perhatian mana-mana pedagang luar negeri dan juga dalam negeri. Jangan hanya mahu menarik perhatian orang luar, orang dalam tidak jaga. Nanti orang kata, "*Kera di hutan disusukan, anak di rumah mati makan habuk jalan*", betul kah?... [Ketawa] Boleh kah?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sekali-kali membantah tanpa rasional tapi dengan niat agar cita-cita kerajaan yang mahu mengangkat daya saing masyarakat, daya saing orang luar untuk ke sini dapat dicapai, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat.

3.07 ptg.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut terlibat dalam perbincangan Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010. Saya berkesempatan mendengar beberapa pembentangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Barisan Nasional dan juga daripada pihak Pakatan Rakyat dan saya mendapati bahawa apa yang dapat kita dengar setakat ini adalah merupakan persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan suatu rang undang-undang yang saya fikir susah untuk kita fahami dengan baik dan mudah dan suatu rang undang-undang yang hampir banyak menimbulkan persoalan daripada cuba menjawab dan menjelaskan dasar kerajaan Barisan Nasional yang sebenarnya.

Di satu pihak, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau tadi, Menteri yang bertanggungjawab disebut di sini sebagai Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, yang membentangkannya Menteri di Jabatan Perdana Menteri pagi ini, yang menjadi pegawai yang diberi kuasa mengikut rang undang-undang ini termasuklah pegawai kastam, pegawai polis, pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, pegawai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, mana-mana pegawai lain yang dinyatakan.

Jadi ini menandakan bahawa rang undang-undang ini, saya percaya ada benarnya dilakukan dalam keadaan yang tergesa-gesa, dalam keadaan tertekan dan dalam keadaan percubaan negara kita. Sudah tentunya dipengaruhi oleh penasihat-penasihat perhubungan awam yang mahal harganya kita bayar untuk membuat sesuatu, untuk mengambil hati pimpinan dunia khususnya Amerika Syarikat, Tuan Yang di-Pertua.

■1510

Bayangkanlah Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu perasan kita secara umumnya amat bersetuju jika perdagangan strategik yang haram pula ini dikawal dan orang-orang yang terlibat dihukum walau mereka itu menantu Perdana Menteri atau sesiapa sekali pun. Sudah tentu itu harapan kita tetapi kalau kita kaji dan kita rasakan bahawa rang undang-undang ini hasil daripada tekanan kuasa dunia yang mempunyai kepentingan tersendiri yang tertentu, kalau kita lihat pula misalnya dalam catatan yang saya ada, jumlah perdagangan senjata dunia, *world arms trade* dalam tahun 2008 sahaja jumlah *world arms trade*, dengan izin, dinilai sekitar USD1,000 trilion, iaitu RM3,500 trilion kalau tepat terjemahan saya itu.

Yang mana yang terlibat dalam *arms trade* ini Tuan Yang di-Pertua, yang banyak sekali menjual senjata, mengeksport senjata yang kononnya dalam istilah mereka ini senjata halal tetapi sama-sama kalau digunakan akan membunuh manusia walaupun ianya digunakan di Iraq, digunakan di Iran atau digunakan di Malaysia dan di mana-mana negara-negara aman yang tidak berdosa. Amerika Syarikat mengetuai pengeksport senjata di dunia ini dengan menjual senjata bernilai USD154.882 bilion iaitu 41% daripada jumlah perdagangan senjata dunia dimonopoli oleh Amerika Syarikat dan daripada USD154.882, lebih daripada 50% dijual ke negara-negara membangun.

Maknanya, ini negara yang mendesak kita untuk meluluskan rang undang-undang dan menjadikan suatu undang-undang untuk mengharamkan dunia-dunia lain, pihak-pihak lain daripada menjual, mengalihkan, memindah, membroker. Yang itu pun saya setuju tetapi di pihak yang sama, yang menekankan kepada kita inilah juara penjual, pengedar, juara yang memperoleh keuntungan yang besar dalam benda yang sama iaitu senjata. Amerika Syarikat 41%. Rusia di tempat yang kedua, menjual senjata ke seluruh dunia bernilai USD63.823 bilion iaitu 17%. Seterusnya Perancis, seterusnya United Kingdom, seterusnya negara China,

seterusnya negara Itali, dan seterusnya negara Jerman. Ini semuanya adalah negara-negara maju, negara-negara besar yang terlibat dalam perniagaan yang kononnya dalam istilah mungkin undang-undang antarabangsa, perniagaan halal senjata.

Yang kita ditekankan ialah supaya kita ini mengharamkan, tidak terlibat dan menghukum orang-orang yang terlibat dalam penjualan senjata-senjata ataupun peralatan-peralatan ataupun bahan-bahan seperti senjata biologi, senjata kimia, senjata nuklear, senjata pemusnah besar-besaran, teknologi-teknologi strategik, toksin dan sebagainya yang dianggap juga adalah bersifat berbentuk senjata. Jadi ini saya fikir kekeliruan yang berlaku yang mana kita jelas sekali telah ditekankan untuk meluluskan rang undang-undang ini.

Saya dan kita semua tahu bagaimana dalam beberapa tahun yang lalu pada tahun 2008, terdapat dan telah disebut dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat Klang tentang bagaimana Malaysia terlibat dalam pembuatan, pengedaran, *centrifuge*, dengan izin, nuklear, yang mana yang terlibatnya adalah syarikat dalam negara kita ini, yang mana pemegang saham terbesarnya pada ketika itu ialah menantu yang pada ketika itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, yang juga terlibat ialah seorang broker antarabangsa senjata nuklear, BSA Tahir yang mana juga BSA Tahir ini dituduh oleh kumpulan *intelligent* Amerika Syarikat sebagai berada bersama-sama dengan kumpulan dari Pakistan yang terlibat dalam penjualan senjata ini iaitu seorang yang bernama Khan dari Pakistan.

Jadi ini adalah maklumat yang berlaku dan kejadian yang berlaku dalam tahun 2008 yang mana saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apabila menggulung nanti, andainya undang-undang ini telah berada pada ketika itu, dengan izin, *in place at that particular time*, adakah Scomi akan didenda sebagaimana mengikut peraturan dan peruntukan di sini berbilion-bilion, berjuta-juta ringgit akan dihukum?

Adakah BSA Tahir dan Pengarah Urusan Scomi akan dihukum sebagaimana yang ada dalam undang-undang yang akan diluluskan ini? Soalan seterusnya, adakah rang undang-undang ini akan dapat diguna pakai dalam kes-kes yang telah berlaku itu ataupun mereka ini telah terlepas daripada hukuman tersebut? Jadi ini saya rasa perlu penjelasan kerana dalam kes negara kita, kecualilah kes dalam tahun 2008 itu walaupun besar, walaupun penting, walaupun meletakkan kita dalam rangkaian negara-negara dan orang-orang yang terlibat dalam penghasilan, pembrokeran, pengedaran, pengeksportan, pengangkutan senjata-senjata yang dianggap haram itu, kecualilah Yang Berhormat Menteri akan sebutkan berbeza nanti, itu agaknya dalam pengetahuan kita kes yang pernah berlaku dalam negara ini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Tumpat, boleh mencelah? Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya ingin mengambil perhatian sama ada kita tergesa-gesa untuk meluluskan undang-undang ini. Dengan kelulusan ini, adakah kita *reinforced* satu persepsi bahawa negara kita adalah negara yang menjadi hab pengedaran *weapon of mass destruction* ini, dengan izin? Ramai kawan-kawan tadi telah menyebut tentang peranan, penasihat kepada Perdana Menteri kita. Saya ingin membawa perhatian kepada Yang Berhormat Tumpat. Penasihat APCO, ASERO kepada Perdana Menteri, seorang yang bernama John Winer pernah menganggap bahawa Malaysia ini adalah pusat kegiatan JI yang telah memainkan peranan yang besar dalam pengeksportan *terrorism* yang menggunakan Malaysia sebagai pusat.

Saya agak kerajaan harus jelaskan sama ada kita juga setuju dengan pandangan beliau. Saya ingin memetik sedikit dalam *Congressional Senate Committee*, Jonathan Winer pada tahun 2003 yang merupakan salah seorang *director* kepada APCO menyatakan dalam bahasa Inggeris, "*The Brotherhood's of Islam...*" iaitu Ikhwan, "...*Central financial mechanism, Al Taqwa established operations in Malaysia that link to Ji. According to the US Treasury, the Al Taqwa Group which is designated as terrorist financial by the treasury on November 7, 2001 as long acted as financial advisers to Al-Qaeda and providing direct assistance to Osama Bin Laden as well as investment advice and cash transfer mechanisms for Al Qaeda and other radical Islamic groups.*" Saya agak inilah kekhawatiran kita. Kita sekarang ini hanya jarinya ditunjuk kepada negara-negara Islam dan dunia ketiga sebagai pengeksporth *weapon of mass destruction* tetapi negara kuasa-kuasa besar ini seolah-olah tidak mengambil tanggungjawab merekalah pengeksporth yang terbesar.

■1520

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak sangat mengetahui tentang tuduhan-tuduhan itu secara khususnya tetapi sudah tentulah ini adalah pertuduhan-pertuduhan yang sering kita dengar daripada sama ada secara terbuka melalui media Barat ataupun kadangkala sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi, dalam sesi-sesi Parlimen atau dewan Kongres, kalau Amerika yang mengaitkan dan menghimpunkan tuduhan-tuduhan yang negatif hanya terhad kepada puak-puak tertentu yang pada ketika itu dan pada ketika tertentu dianggap sebagai musuh utama Amerika ataupun dunia Barat.

Walhal sebagaimana saya mulakan awal-awal tadi, penjenayah terbesar dunia, penjual terbesar dunia dengan izin, *profiteer* yang terbesar dunia yang mengaut keuntungan yang terbesar dalam dunia berkaitan dengan senjata nuklear ini tidak lain tidak bukan daripada negara-negara barat yang dipimpin oleh Amerika Syarikat sendiri. Merekalah yang menjadi penjual, merekalah yang menjadi pengeksporth, merekalah yang mengaut keuntungan, merekalah yang memilih-milih negara mana yang layak mengguna dan menerima senjata-senjata dan negara mana yang tidak boleh sedikit pun berada dekat dengan senjata-senjata ini.

Dunia semuanya tahu rahsia yang paling terbuka dalam dunia berkaitan dengan senjata, Tuan Yang di-Pertua. Rahsia yang paling terbuka, *the most open secret*, dengan izin, berkaitan dengan senjata dalam dunia ini ialah bahawa Israel mempunyai senjata nuklear. Malah kalau kita baca dalam media Barat sekalipun, mereka dapat menyebutkan berapa *nuclear warheads* yang ada di Israel tetapi Israel tidak disentuh oleh mana-mana negara, mana-mana negara Barat, mana-mana Resolusi Kongres Amerika Syarikat atau Parlimen Britain atau *National Assembly* Perancis, tidak menyentuh langsung tentang bagaimana ada negara yang mempunyai senjata nuklear enggan menandatangani perjanjian-perjanjian nuklear dunia antarabangsa tetapi bebas dengan cara mereka begitu.

Namun, negara yang lain sama ada Iran ataupun Korea Utara yang kita mesti jelas bahawa kita dari segi penggunaan senjata untuk peperangan dan pembunuhan, kita menentanginya. Namun kalaulah Amerika Syarikat mempunyai prinsip dan pendirian dan dasar yang jelas dan tegas, maka kalau Iraq tidak boleh dibenarkan mempunyai senjata nuklear, kalau Iran tidak boleh dibenarkan untuk memperoleh senjata ataupun mencuba untuk membuat senjata nuklear, maka dasar yang sama seharusnya dikenakan kepada Israel.

Ini yang merupakan kebimbangan yang berterusan berkaitan dengan sama ada Amerika Syarikat ataupun badan-badan dan perjanjian-perjanjian dan konvensyen-konvensyen antarabangsa yang kuat pengaruhnya dikuasai oleh Amerika Syarikat dan sekutu-sekutu mereka. Kalau dalam kes Iran, dalam kes Iraq, dalam kes Libya, dalam kes Venezuela, dalam kes Korea Utara, mereka ditekankan sedemikian rupa sehinggakan kejujuran seorang pegawai tinggi kita di Viena mengundi untuk sebenarnya tidak membenarkan medan antarabangsa IAEA itu dipergunakan dengan sepenuhnya untuk menyekat hanya satu dua negara tertentu sahaja yang tidak disukai oleh Barat dan beliau sebagai seorang pegawai dan wakil negara kita yang bertanggungjawab memutuskan dengan beraninya untuk mengundi bersama-sama dengan dua tiga rakan negara lain dan beberapa negara lain hanya berani untuk berkecuali menentang Barat, beliau telah dipanggil pulang dan telah tidak disambung kontraknya sebagai duta kita di IAEA itu.

Ini menandakan bahawa dilema ini bukan di bahagian dalam Dewan kita sahaja tetapi pegawai-pegawai kerajaan pun, Tuan Yang di-Pertua tidak faham dasar Kerajaan UMNO, Barisan Nasional kita ini berkaitan dengan keberanian, berterus terang, menentang dalam segala bentuk. Tidak kira Amerika Syarikat, tidak kira minggu depan kita di depan Obama, berani untuk menyatakan bahawa kita tidak suka dengan kepura-puraan yang dilakonan oleh Amerika Syarikat. Kita tidak setuju dengan sikap... [*Tepuk*] Amerika Syarikat yang mempunyai pendirian yang memilih hanya rakan-rakan tertentu untuk disokong dan untuk mendiskriminasi rakan-rakan tertentu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Sepertilah dalam dasar-dasar negara kita, kita tidak mahu diskriminasi terhadap mana-mana kaum. Dalam dasar dunia juga kita mengharapkan bahawa tidak ada diskriminasi terhadap mana-mana negara tertentu. Ini Tuan Yang di-Pertua, sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Tumpat, saya hanya ingin tahu apa yang terjadi dengan dasar diplomat kita. Sebelum ini saya anggap Perdana Menteri yang dulu, Tun Dr. Mahathir pernah membanggakan dunia sebagai seorang tokoh dunia ketiga yang berani lawan dan berani mengambil satu sikap yang merdeka di pentas antarabangsa. Kita juga mempunyai rekod bangga sebagai seorang ahli yang aktif di negara NAM. Malaysia juga pernah mencadangkan satu *East Asia Economic Zone* yang ingin membebaskan dominasi ekonomi rantau ini daripada kuasa-kuasa besar. Ini semua dasar-dasar yang kita di sebelah sini, di dalam Dewan ini tidak kira apa parti pun, kita rasa bangga sebagai rakyat Malaysia yang mengambil satu pendirian yang berani dan tegas...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [*Bangun*]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Minggu lalu kita dengar dari Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Juga menyatakan beliau berani lawan dengan Israel. Namun hari ini kita nampak kita tergesa-gesa hendak meluluskan undang-undang di atas tekanan kuasa besar dan juga sebagai satu hadiah untuk bila kita bertemu dengan Presiden Amerika Syarikat.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Tumpat, boleh minta? Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Bolehkah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat tidak mahu berucap selepas ini, Yang Berhormat?

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Ya, okey... [Ketawa]

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih. Yang Berhormat Bukit Bendera telah menerima umpan daripada Tuan Yang di-Pertua yang amat baik dan positif sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Pasal dia tidak perasan yang saya akan panggil dia nanti.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Okey. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Batu tadi. Dahulu kita ada dasar luar yang jelas bahawa kita mengutamakan negara-negara jiran Asian, selepas itu kita mengutamakan negara-negara Komanwel, selepas itu kita mengutamakan negara-negara OIC, selepas itu kita mengutamakan Negara-negara Berkecuali. Kita ada pusingan putaran-putaran dasar kita itu. Namun saya bersetuju dengan Yang Berhormat Batu bahawa nampaknya di dalam keadaan sekarang, kita tidak begitu jelas dalam dasar kita ini.

Saya melihat misalnya dalam satu daripada tafsiran ini, data teknikal Tuan Yang di-Pertua, mengingati apa yang saya dengar sebentar tadi, Yang Berhormat Menteri Pertahanan kita telah mengumumkan bahawa ada seorang pegawai Kementerian Pertahanan yang telah menjual ataupun melepaskan ataupun mengedar ataupun memberikan kepada diplomat asing data teknikal ini. Maklumat berkaitan dengan teknikal senjata Kementerian Pertahanan kita. Sekali lagi saya ingin bertanya. Kalau rang undang-undang ini sudah menjadi undang-undang, adakah orang ini akan diletakkan di bawah jenayah mengedar ataupun mendedahkan data teknikal sebagaimana yang ada dalam rang undang-undang ini.

Dari sudut itu juga, untuk respons kepada Yang Berhormat Batu, kecelaruan dasar kita ini dan pelaksanaan dasar ini jelas dalam kes hubungan kita dengan negara-negara lain. Saya diingatkan bahawa dalam beberapa minggu yang lalu ini, apabila Israel dengan pasukan perisiknya, Mossad, puluhan, lebih daripada 20 orang petugas mereka telah masuk secara haram menggunakan pasport tiruan ke Dubai hanya untuk membunuh seorang pemimpin Hamas, Mahmoud. Mahmoud begitu nama beliau.

■1530

Britain Tuan Yang di-Pertua, mengambil keputusan berani menghalau keluar dengan izin, *persona non grata* Diplomat Kanan Israel di London. Walaupun tidak diumumkan diplomat kanan itu ialah Ketua Mossad, stesen - kalau istilah *intelligence* nya, Stesen London. Ini walaupun saya bayangkan tadi Amerika, Britain adalah di antara penyokong-penyokong kuat Israel yang tidak mendedahkan dan menyokong adanya senjata nuklear oleh Israel, tetapi apabila hubungan itu disalahgunakan. Kalau pasport warga Britain ditiru dan digunakan oleh penjenayah-penjenayah Mossad di negara ketiga ini, Britain sanggup mengambil tindakan seperti itu menghalau diplomat yang tertinggi dalam bidang *intelligence* iaitu Mossad di London.

Kenapa tidak negara kita mengambil tindakan yang sama dalam kes yang berkaitan dengan pegawai MINDEF ini yang didapati telah menjual kalau tidak

silap saya, data teknikal dalam istilah rang undang-undang baru ini kepada negara yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan, negara jiran, negara sahabat kita? Jadi ini saya rasa dasar luar yang mana tidak selaras. Bagaimana kita di satu pihak ingin mengeluarkan dan mewujudkan undang-undang yang bertujuan untuk menyelamatkan dasar teknikal dan menghalang warga kita daripada terlibat dalam pemindahan senjata-senjata, di pihak yang lain, kita dengan terbuka dan jelas tidak mempunyai keupayaan untuk melaksanakan secara jelas dasar-dasar yang ada dalam rang undang-undang seperti ini.

Secara khusus pula Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada fasal 3(2) rang undang-undang ini yang menyentuh tentang bagaimana undang-undang ini terpakai dan bagaimana undang-undang lain yang bercanggah dengan rang undang-undang ini tidak terpakai. Ini adalah boleh dianggap sebagai suatu prinsip undang-undang yang biasa kita lihat dalam rang undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini, yang mana 3(2) berbunyi "*Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan antara peruntukan akta ini dengan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain termasuk undang-undang berkaitan peruntukan akta ini hendaklah terpakai dan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah setakat percanggahan atau ketidakselarasan itu disifatkan, digantikan*". Bermakna kalau ada rang undang-undang sebelum ini dan mungkin selepas ini yang berbeza, bercanggah, maka yang akan dipanggil Akta Perdagangan Strategik 2010 inilah yang terpakai.

Prinsip ini Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu kita lihat bukan sahaja terkena kepada rang undang-undang seperti ini sahaja. Saya rasa tidak dapat kita elak daripada mengingatkan diri kita bahawa misalnya jika ada Rang Undang-Undang Pembangunan Minyak (PDA) – *Petroleum Development Act* dengan izin dan jika dalam PDA itu jelas tentang bagaimana hasil minyak dan gas boleh ataupun perlu diberikan bayaran tunai 5% kepada negeri-negeri *on-shore* ataupun *off-shore*, dengan izin, dan Yang Berhormat Mulia Gua Musang ada sebagai saksi kita di Dewan yang mulia pada ketika ini, maka jelaslah Yang Berhormat Mulia Gua Musang tepat dan betul dalam pendirian beliau bahawa negeri yang terkena itu berhak untuk memperoleh 5% royalti, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah sebab dalam PDA jelas menyatakan bahawa *either* dengan izin *on-shore or off-shore*, maka negeri itu perlu dan berhak diberikan 5% hasil daripada gas dan minyak tersebut.

Jadi prinsip itulah, maka janganlah kita bangkitkan ada peraturan lain, ada *essential ordinance*, *securities ordinance* dan sebagainya, untuk kita seolah-olah membatalkan PDA yang jelas memberikan hak kepada negeri-negeri yang ada minyak dan gas. *On-shore* dengan izin sekali lagi ataupun *off-shore*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa prinsip ini bukan sahaja kita patuhi untuk rang undang-undang ini tetapi untuk rang undang-undang yang melibatkan kepentingan rakyat melalui negeri-negeri yang dalam bentuk negara Persekutuan ini dan sebagaimana Yang Berhormat juga maklum, di Sabah baru-baru ini, Yang Berhormat Mulia Gua Musang pun telah menjelaskan kepada pimpinan Sabah dan rakyat Sabah tentang hak sama yang perlu dipatuhi oleh Petronas untuk kita semua.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua yang khusus dalam peruntukan ini ialah dalam fasal 37 iaitu berkaitan dengan tajuk "Pemintasan Komunikasi" yang mana misalnya bermula daripada 37(1) "*Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, pendakwa raya boleh jika dia berpendapat bahawa apa-apa maklumat yang berkaitan dengan maksud penyiasatan, seterusnya barang-barang atau pun permohonan secara pegawai memberi kuasa*

mana-mana pegawai diberi kuasa untuk memindah, menahan, membuka barang-barang pos, penghantaran melalui pos, atau memindah, mendengar, merekodkan apa-apa komunikasi. ”

Saya senantiasa bimbang tentang kuasa mutlak yang ada kepada pendakwa raya tanpa kita mengaitkannya dengan pendakwa raya sekarang ataupun pendakwa raya sebelum ini ataupun pendakwa raya yang akan datang yang sudah tentunya merujuk kepada Peguam Negara kita ini. Akan tetapi saya merasakan bahawa kuasa seperti ini dan dalam fasal ini akan dicatatkan bahawa kuasa beliau ini seolah-olah tidak boleh dicabar.

Saya senantiasa beranggapan bahawa apabila kita hendak memberi kuasa kepada pegawai ataupun penguasa kita dalam melakukan tindakan yang pada asasnya bercanggah dengan hak asasi manusia dan warganegara...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Maka ia lebih baik diserahkan kepada... Ya.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Minta penjelasan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat. Memang saya bersetuju seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kita nampak kuasa-kuasa yang cukup teruk dan cukup besar diberi sekarang kepada satu agensi baru yang ditubuhkan mengikut undang-undang ini. Ini membangkitkan persoalan sekarang, perlukah ada satu... Ini adalah seolah-olah ia satu agensi keselamatan dengan kuasa-kuasa yang biasanya apabila kita melihat bahagian lima, *enforcement* dengan izin. Inilah kuasa yang diberi kepada kuasa agensi keselamatan, macam polis, macam MACC, dan sekarang kita menubuhkan satu agensi lagi.

Kalau kita lihat contoh apa yang berlaku pada tahun 2004 di mana ada satu syarikat di negara ini disiasat supaya terlibat dalam pembinaan komponen atau peralatan *centrifuge* yang dikaitkan dengan senjata nuklear yang disalurkan kepada Libya. Syarikat ini mengikut kenyataan daripada Ketua Polis Negara pada masa itu, Bakri Omar, "*Diumumkan Syarikat Scomi Precision Engineering disiasat sekarang berdasarkan maklumat yang diterima daripada CIA dan MI5.*" Agensi siasatan pada masa itu adalah Cawangan Khas PDRM di bawah Kementerian Dalam Negeri. Akhirnya, berikutan siasatan itu, BSA terakhir ditangkap di bawah ISA disimpan dua tahun baru dibebaskan pada tahun lepas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, isu ini telah dibawa oleh Yang Berhormat Balik Pulau..

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Baik, tetapi *point* saya, *point* saya adalah ini, apakah sekarang kita menubuhkan agensi baru dan dengan kuasa, perbelanjaan yang besar, kuasa yang cukup teruk, melanggar hak asasi dan sebagainya.

Soalan kepada Yang Berhormat Tumpat ialah patutkah ini dibuat? Adakah kita secara ini menyatakan kita tidak yakin lagi dengan kapasiti atau keupayaan Cawangan Khas di bawah PDRM untuk menjaga keselamatan dalam negeri? Di Amerika Syarikat, tugas ini dibuat oleh FBI. Di United Kingdom oleh MI5. Biasanya di negara ini di bawah polis. Akan tetapi sekarang kita melihat, kita menubuhkan satu agensi baru dan memang mengikut kuasa yang diberikan, ini adalah satu agensi keselamatan. Adakah ini membangkitkan satu isu pokok, *an issue of principle* dengan izin. Perlukah kita, satu agensi semacam ini? *You know, in principle*, patutkah kita buat penubuhan satu agensi baru dan letakkan ia di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa? Itu minta penjelasan sedikit.

■1540

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Subang. Sebagaimana yang kita sebutkan awal-awal tadi dan sebagaimana yang saya dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum ini memang saya menganggap bahawa rang undang-undang ini telah dibentangkan secara yang amat-amat mengelirukan tanpa suatu tugas menteri yang jelas, tanpa satu kementerian...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sedikit-sedikit.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Yang jelas, malah tanpa mempunyai satu agensi yang jelas pun sebab sebagaimana saya rujuk kepada rang undang-undang ini, pegawai-pegawai yang diberi kuasa mengikut istilah rang undang-undang ini datang daripada pelbagai atau beberapa agensi daripada kastam, polis, agensi maritim, Suruhanjaya Komunikasi dan pegawai-pegawai lain.

Jadi sekadar, saya fikir untuk memenuhi tuntutan, desakan, arahan, kuasa-kuasa luar yang tertentu dan sekadar untuk menunjukkan bahawa kita ada rang undang-undang atau undang-undang akhirnya yang khusus, berkaitan dengan isu ini tanpa sebenarnya membawa apa-apa perubahan yang jelas. Sebabnya sebagaimana terbukti apabila jenayah berlaku dalam kes Yang Berhormat sebutkan tadi berkaitan dengan *nuclear centrifuge* itu, dengan izin, walaupun orang-orang itu ditahan tetapi...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Mencilah sedikit.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Oleh kerana hubungan kuat dengan pimpinan politik ketika itu, maka orang-orang tersebut walaupun ada undang-undang yang boleh digunakan tanpa undang-undang yang baru ini tetapi orang-orang tersebut tidak dikenakan apa-apa pendakwaan ataupun dikenakan apa-apa hukuman selain daripada ISA yang merupakan satu rang undang-undang yang sepatutnya jika undang-undang lain digunakan dengan sepenuh dan sebaiknya, ISA itu tidak perlu ada pun dalam sistem perundangan ataupun sistem penghukuman negara kita ini. Jadi yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ialah kebimbangan saya bahawa rang undang-undang ini sekali lagi sebagaimana yang kita lihat merupakan...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Celah sedikit, Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Amalan baru kerajaan, memberikan kuasa yang mutlak kepada satu institusi iaitu pendakwa raya untuk menentukan boleh atau tidak untuk memintas komunikasi. Saya yakin kalau pendakwa rayalah yang diberikan kuasa ini 100% pendakwa raya dalam 100% kes akan memberikan keizinan untuk memintas komunikasi. Walhal jika...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Celahan, Yang Berhormat, boleh?

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Okey.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya hendak berkongsi sedikit rasa Tumpat mengatakan akta ini mungkin nampaknya dan terlihatnya dibuat dan disediakan secara agak tergesa-gesa. Apa pandangan Tumpat kalau kita tengok antara undang-undang yang berkaitan atas akta ataupun rang undang-undang yang kita bawa ini, dikaitkan juga dengan undang-undang yang berkait dengan akta binatang, pelesenan tenaga atom, konvensyen senjata kimia, kastam, racun makhluk perosak, kuarantin dan sebagainya, tetapi ada satu elemen yang sangat penting juga yang berkait rapat dengan peralatan-peralatan yang boleh dianggap sebagai di dalam seliaan

barang-barang strategik ataupun perdagangan strategik iaitu yang berkait dengan aktiviti petroleum yang disebut oleh Tumpat tadi.

Agaknya kenapa kerajaan tidak memasukkan juga Akta Pembangunan Petroleum atau Akta Petroleum dalam rang undang-undang ini sebagai akta yang berkaitan. Barangkali banyak elemen yang menyentuh tentang kepentingan ataupun sensitiviti kepada elemen yang dibawa untuk kita perhatikan bersama di bawah undang-undang berkaitan. Barangkali ini menunjukkan dengan jelas akta ini dibawa ataupun dicadangkan secara tergesa-gesa. Apa pandangan Tumpat? Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Indera Mahkota. Sudah tentu isu petroleum ini sebagaimana saya sebutkan tadi adalah isu yang besar dan penting untuk negara kita dan sebagaimana yang kita dengar daripada Yang Berhormat Mulia Gua Musang, ianya jika benar apa Yang Berhormat Mulia itu dedahkan dahulu kita mempunyai rizab baru yang besar tetapi dinafikan tetapi ini adalah menandakan betapa strategiknya minyak dan gas tersebut.

Akan tetapi untuk menjawab secara khusus Indera Mahkota, saya mungkin dapat mengatakan oleh kerana sekali lagi PDA ataupun hal gas dan minyak ini, kuasanya kalau kes yang bahagian ini saya sebutkan, pendawa raya mempunyai kuasa mutlak, dalam kes minyak dan gas, Perdana Menteri mempunyai kuasa yang mutlak. Jadi kuasa mutlak Perdana Menteri di dalam kes gas dan minyak ini nampak jelas tidak mahu dikongsi, diguna sama kepada pihak-pihak yang lain. Jadi ini suatu isu yang besar yang saya yakin akan terus kita bawa isu royalti minyak dan sebagainya. Jadi itu harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, supaya pendakwa raya sudah tentu tidak seharusnya diberikan kuasa mutlak dalam meluluskan permohonan untuk pemintasan komunikasi.

Jadi dengan pandangan-pandangan tersebut saya ingin mengulangi kebimbangan kita bahawa rang undang-undang ini amat tergesa-gesa pembentangnya dan amat kabur implikasinya terhadap kepentingan negara kita dan hasrat kita semua ingin melihat supaya ada perdamaian yang mutlak dalam dunia ini dan ada pengurangan yang sebenar dalam kes senjata-senjata dan ada keikhlasan di pihak negara-negara besar dunia ini yang merupakan pembuat dan pengeksport senjata supaya mereka juga ikhlas dalam pendirian mereka berkaitan dengan senjata ini secara umumnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: [Bangun]

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baiklah. Saya akan panggil Yang Berhormat Tawau, selepas itu Yang Berhormat Bukit Bendera dan kemudian Menteri akan menjawab. Ya, sila Yang Berhormat Tawau.

3.46 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman paling serius yang menghadapi sistem pengangkutan dunia sekarang ini adalah senjata pemusnah besar-besaran atau *weapons of mass destruction* dalam serangan penganas seperti peranti nuklear, bahan kimia atau senjata biologi. Hal ini terbukti dalam serangan yang menyebabkan berlakunya bencana 11 September, di Pusat Perdagangan Dunia, *World Trade Center* di Amerika Syarikat dan banyak kes lagi pengeboman yang

berlaku di seluruh dunia sekarang seperti kes baru-baru ini bom bunuh diri dalam kereta api bawah tanah Moscow.

Pertimbangan serius diperlukan terhadap pelaksanaan rang undang-undang ini. Akan tetapi amat dikesalkan bahawa tidak banyak masa yang diberikan juga kepada Ahli-ahli Parlimen untuk mengkaji rang undang-undang ini supaya membuatnya lebih lengkap atas sebab implikasinya yang sangat kompleks. Saya ingin mengetahui sementara rang undang-undang ini berada di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bagaimanakah kementerian mempunyai kakitangan profesional dan pelbagai kepakaran dan pengetahuan teknikal dalam senjata ICT, senjata nuklear, senjata kimia, forensik mikro dan senjata biologi.

Bagaimanakah kementerian dapat memastikan bahawa perkhidmatan pegawai perdagangan strategi, pegawai yang diberi kuasa dan eksekutif dan pegawai penguatkuasaan memiliki kemahiran yang mencukupi dan pengetahuan dalam proses pengeluaran sehingga dapat mengenal pasti barang strategi, potensi bahan bahaya atau menjaga negara kita dalam perdagangan barangan strategik dan barang tidak di senarai. Ini merupakan satu langkah besar bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebab penyelarasan perdagangan strategi bukan hanya masalah lesen atau kewangan tetapi juga penting untuk mempertahankan keselamatan negara kita.

Saya ingin mengetahui bagaimanakah kementerian menjalankan koordinasi dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan untuk melaksanakan rang undang-undang ini. Kalau tujuan rang undang-undang ini untuk mempertahankan keselamatan negara kita dan bertanggungjawab keselamatan di rantau ini, mengapa rang undang-undang tidak diletak di bawah kuasa Kementerian Dalam Negeri.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, agen biologi seperti antraks mempunyai sejarah panjang dalam perang biologi. Di Amerika Syarikat pada akhir tahun 2001 serangan antraks melalui pos telah menjangkiti 22 orang dan mengorbankan lima orang. Bakteria berbahaya *bacillus anthracis* telah membunuh orang-orang ketika mereka membuka surat mereka dan menghirup spora. Adakah kementerian mempunyai sistem monitor yang mencukupi untuk mengesan agen biologi yang dihantar melalui sistem pengangkutan kita seperti kapal terbang, kereta, kapal dan lain-lain? Bagaimanakah perkhidmatan pos dan perkhidmatan *currier* dapat memastikan bahawa barang pengangkutan tidak berbahaya sehingga membunuh melalui dalam proses pengendalian dan keselamatan penerima dilindungi. Bagaimanakah perkhidmatan berkongsi maklumat tentang pengalaman senjata biologi untuk mempertahankan biologi?

Tuan Yang di-Pertua, kes pembelian bahan kimia melalui internet seperti uranium terpakai untuk membina sebuah bom radiologi kotor atau *dirty bomb* telah dilaporkan di negara lain. Saya ingin tahu bagaimanakah kementerian memastikan bahawa tidak ada transaksi barang strategi atau item berpotensi membunuh, menimbulkan tujuan pemansuhan boleh berlangsung melalui internet atau *transaction via internet*. Potensi lain adalah teknologi *software* atau perisian dalam keganasan. Bagaimanakah kementerian akan memantau atau mengawal syarikat-syarikat atau individu-individu Malaysia supaya tidak menjadi mangsa sindiket antarabangsa sebagai pembekal perkhidmatan teknologi *software* tersebut?

Oleh sebab berapa orang gadis dan wanita, Malaysia telah dijatuhkan sebagai mangsa sindiket dadah antarabangsa, bagaimanakah kerajaan akan

mendidik masyarakat untuk mencegah orang dari terlibat dalam perdagangan atau pengangkutan barang-barang strategik secara haram? Juga saya ingin tahu pada ketika ini berapakah syarikat-syarikat atau individu-individu di Malaysia membuat komponen kontrak *manufacturing* atau teknologi *design* untuk senjata nuklear, bahan kimia atau senjata biologi. Apakah penyelidikan dijalankan oleh negara kita membuat senjata untuk kepentingan atau keselamatan dan pertahanan negara kita? Dengan itu sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Bendera.

3.54 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang untuk saya membahaskan Rang Undang-undang Perdagangan Strategik 2010. Secara prinsipnya saya menyokong penggubalan ataupun penerapan ciri-ciri resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1540 berkenaan dengan kawalan eksport. Itu memang boleh diterima tetapi atas empat sebab saya tidak setuju dengan rang undang-undang ini.

Pertama, tidak semestinya rang undang-undang ini perlu dibawa kerana ciri-ciri kawal eksport boleh diserapkan dalam undang-undang yang sedia ada. Alasan kedua, masa yang tergesa-gesa sampai rang undang-undang ini boleh disifatkan sebagai hadiah buat Obama. Alasan ketiga saya tidak setuju dengan rang undang-undang ini kerana kuasa mutlak yang diberi kepada pihak berkuasa, iaitu *controller* atau pengawal. Isu keempat, penguatkuasaan yang akan membebankan peniaga dan juga pengeksport di negara kita.

Pertama sekali, minggu lepas saya tidak faham kenapa rang undang-undang ini perlu diutamakan dalam agenda ataupun agenda sesi ini. Sampai saya baca surat khabar bahawa Perdana Menteri akan melawat US dalam beberapa hari. Barulah saya faham bahawa rang undang-undang ini adalah satu hadiah buat Obama sebagai *entry pas* bagi Perdana Menteri memasuki Rumah Putih. Akan tetapi saya ingat niat undang-undang ini pun tidak begitu betul. *On one hand*, ini satu hadiah buat Obama kerana pihak Amerika Syarikat sudah lama menuntut Malaysia supaya menyerapkan ciri-ciri resolusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1540.

Resolusi tersebut telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB pada tahun 2004. Akan tetapi sampai sekarang baru Malaysia ingin mengadakan satu akta ataupun satu rang undang-undang baru untuk menyerapkan ciri-ciri kawalan eksport. Masanya *very suspicious, on the other hand* rang undang-undang ini memberikan atau membungkuskan kuasa-kuasa mutlak yang semacam ISA. Dalam akta ini saya baca huraian.

Fasal 29 - Bertujuan memberikan kuasa penyiasatan kepada pegawai diberi kuasa. Pegawai diberi kuasa juga diberi kuasa untuk menjalankan penggeledahan dan penyitaan tanpa waran.

Fasal 31 - Memberikan kuasa kepada pegawai supaya masuk ke mana-mana tempat atau premis bagi maksud menjalankan penyiasatan di bawah akta ini.

Fasal 36 - Memberi kuasa pegawai diberi kuasa untuk menangkap tanpa waran mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan kesalahan di bawah akta yang dicadangkan.

So, on the one hand akta ini untuk mengambil hati pihak Washington. *On the other hand* akta ini membungkuskan ciri-ciri ISA, ciri-ciri kuat kuasa mutlak yang diberikan kepada pengawas atau *controller* yang tidak sepatutnya berada dalam akta ini dan tidak diwajibkan oleh Resolusi 1540. Kuasa-kuasa mutlak yang diberikan dalam akta ini tidak diwajibkan langsung oleh Resolusi 1540. Seperti apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai tadi, di Australia kuasa itu diberikan kepada majistret ataupun mahkamah dan bukan kepada pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan yang kita sedar bahawa di Malaysia ini memang satu isu yang besar. Strategik *trade* ataupun aset strategik yang terbesar hilang ialah enjin jet. Sampai hari ini kerajaan belum menjawab soalan berkenaan dengan enjin jet yang hilang terutamanya isu kos sebenar enjin jet. Kedua, apa lagi yang telah hilang? Bagaimana untuk mengelakkan ia berlaku lagi dan kewibawaan kerajaan dan juga ATM.

Saya harap kerajaan boleh menjawab isu-isu yang dibangkit berkenaan dengan kehilangan enjin jet juga menangguhkan pembentangan rang undang-undang ini...

■1600

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon celahan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin tambah sedikit Yang Berhormat. Apa pendapat Yang Berhormat sedang tadi disebut tentang kuasa Menteri berbeza dengan Australia di mana diberikan kepada bidang penghakiman? Ada juga di bahagian enam iaitu di bawah pengecualian di fasal 47 dan fasal 48 di mana menteri boleh melalui peraturan-peraturan mengecualikan mana-mana aktiviti berkenaan dengan mana-mana barang daripada jenis barang atau perihal yang ditetapkan. Bukankah ini terbuka untuk manipulasi salah laku seperti mana disebut tadi dalam kes terdahulu tentang kehilangan enjin jet dan sebagainya? Kita tidak mahu apabila sudah lulus rang undang-undang ini mungkin ada juga pihak yang terlepas diselamatkan. Mohon komen Yang Berhormat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Lembah Pantai. Kuasa yang diberikan kepada Menteri adalah kuasa yang tidak sepatutnya diberi kerana ini akan memberikan ruang untuk pengecualian yang tidak seharusnya berlaku. Juga akta ini kalau kita merujuk kepada fasal 54 yang bertujuan untuk memperuntukkan mengenai perlindungan kerajaan, pengawal atau pihak berkuasa yang berkenaan dan pegawai diberi kuasa daripada liabiliti berhubung dengan apa-apa kerugian yang ditanggung berkenaan dengan apa-apa barang strategik atau barang tidak tersenarai semasa barang strategik atau barang tidak tersenarai itu berada di bawah jagaan atau kawalan sah mereka di bawah akta yang dicadangkan.

Ini bermaksud pihak pegawai atau pengawal iaitu *controller* diberi kuasa mutlak tanpa tanggungjawab. Kuasa mutlak diberikan tetapi tanggungjawab tidak diperlukan di dalam akta atau rang undang-undang ini. Situasi ini dan juga sejarah atau peristiwa yang telah berlaku di dalam penguatkuasaan akta-akta yang lain telah menunjukkan bahawa kuasa mutlak diberi kepada pihak penguat kuasa akan membebankan peniaga dan juga rakyat Malaysia secara amnya. Kuasa yang

hampir sama dengan ISA tidak haruslah diberikan kepada pihak penguasa atau pengawas tetapi harus diberikan kepada mahkamah.

Akhirnya saya berharap pihak Menteri atau pihak kementerian boleh menanggukkan pembentangan rang undang-undang ini supaya jangan dilihat sebagai hadiah kepada Obama. Ini adalah penting untuk imej negara untuk menunjukkan *independence* atau kemerdekaan negara kita supaya kita tidak dilihat sebagai tunduk kepada kerajaan Amerika Syarikat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Menteri.

4.03 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kerajaan saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang *Strategic Trade* ini.

Saya ingin terus menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan. Pertama daripada Yang Berhormat Ledang di mana beliau telah menyatakan sama ada rang undang-undang ini akan mengikat atau menyukarkan industri nuklear dan bioteknologi kerana khuatir akan melanggar rang undang-undang ini. Jawapannya adalah tidak malahan akan menyokong dan menggalakkan kemasukan teknologi. Ini kerana akan menjamin teknologi terutama yang dwiguna akan digunakan untuk tujuan keamanan sahaja – *peaceful use only*. Ia juga akan mempertingkatkan kepercayaan negara-negara pembekal terhadap sistem perundangan Malaysia untuk menjamin penggunaan bahan teknologi yang dibekalkan adalah secara aman. Dengan adanya rang undang-undang dan penguatkuasaan kawalan eksport barangan strategik sebaliknya membantu Malaysia kerana ia akan mewujudkan persekitaran yang lebih telus dalam usaha menangani isu *non-proliferation* bahan-bahan melibatkan *weapon of mass destruction*. Pelabur-pelabur dan syarikat asing akan lebih yakin mengadakan pelaburan mereka dan memindahkan teknologi dengan adanya satu rejim kawalan yang lebih teratur berbanding dengan keadaan di mana rejim ini tidak wujud.

Yang Berhormat Jasin dalam mencelah telah membangkitkan soal apakah perlu pastikan rang undang-undang ini sebenarnya untuk pastikan negara aman dan makmur dan bukan kerana terpaksa ikut kehendak negara lain? Tuan Yang di-Pertua, obligasi Malaysia untuk mewujudkan rangka kawal selia ke atas barang strategik yang menyumbangkan kepada percambahan adalah berdasarkan obligasi yang dipersetujui sendiri di bawah triti yang disertai seperti *Non-Proliferation Treaty (NPT)*, *Biological Weapons Convention* dan *Chemical Weapons Convention*.

Sebagai negara anggota PBB Malaysia juga mempunyai obligasi menurut Artikel 25 dan 48 - Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk melaksanakan resolusi Majlis Keselamatan PBB demi untuk menjamin keamanan dan keselamatan antarabangsa. Dalam hal ini pelanggaran obligasi-obligasi tersebut boleh mengakibatkan tindakan diambil terhadap Malaysia sama ada oleh badan triti yang berkenaan mahupun oleh Majlis Keselamatan PBB. Yang Berhormat Jasin juga membangkitkan isu apakah Malaysia merupakan *exit* dan *entry point* oleh pelawat asing yang melakukan kesalahan di Malaysia seperti pemerdagangan orang dan pengedaran dadah? Adakah orang sedemikian juga akan melakukan kesalahan di bawah rang undang-undang ini? Ini merupakan satu

risiko yang ditanggung dengan rejim imigresen yang dilonggarkan demi untuk menarik pelancong asing. Orang yang berminat berniat jahat juga boleh mengeksploitasikan kelonggaran tersebut untuk manfaat sendiri.

Namun dengan penguatkuasaan rang undang-undang ini kelak, mekanisme kawal selia sewajarnya dipersiapkan untuk menangani orang sedemikian. Sebagai tambahan dengan adanya rang undang-undang ini dan melalui penguatkuasaan rang undang-undang yang berkesan maka pencambahan dan agen-agen mereka akan diberi amaran untuk tidak menggunakan Malaysia bagi tujuan mereka.

Yang Berhormat Klang membangkitkan isu sama ada tindakan Scomi menyebabkan Malaysia melanggar deklarasi *ASEAN Nuclear Free Zone*. Ini telah pun disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud dan saya tidak ada apa yang hendak ditambahkan kerana Malaysia sememangnya mempertahankan *ASEAN Nuclear Free Zone* ini.

Yang Berhormat Parit Sulung telah membangkitkan kes-kes penjualan *soft-ware*, perisian dan teknologi atau pengetahuan teknikal bagi membuat senjata pemusnah seperti bom melalui internet, media elektronik. Adakah kerajaan telah fikir tentang kaedah untuk mengawalinya? Kes yang melibatkan *Information Technology Transfer* (ITT) telah diambil kira dalam rangka kawal selia rang undang-undang ini. Malaysia boleh mengambil bidang kuasa sekiranya teknologi sedemikian disalurkan melalui Malaysia. Namun demikian ini juga melibatkan pengurusan risiko terperinci kerana pengesanan dan pemintasan pemindahan teknologi sedemikian juga bergantung kepada maklumat risikan dan selainnya untuk membantu pengesanananya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri ada soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya berkaitan dengan Scomi. Soalan ini berfokus mengenai *sanction* yang dibuat oleh pihak Amerika Syarikat di mana ketua CEO Kumpulan Scomi iaitu Shah Hakim @ Shahzanim Zain telah di *impose sanction* oleh Amerika Syarikat dan SCOPE di mana CEO tersebut bekerja telah dikatakan tidak membuat apa-apa kesalahan oleh Datuk Seri Mohd. Bakri Hj. Omar pada 2004, apabila beliau sebagai Ketua Polis Negara mengatakan bahawa siasatan polis telah mengesahkan bahawa SCOPE tidak bersalah dalam kes ini. Akan tetapi kita dapati pada tahun 2009 Amerika Syarikat telah mengenakan *sanction* terhadap CEO SCOPE.

■1610

Oleh kerana itu, adakah wajar kalau kerajaan atau pihak polis membuka penyiasatan terhadap SCOPE? Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam perkara ini, kita harus mengutarakan soalan itu kepada pihak yang berkenaan iaitu pihak Kementerian Dalam Negeri supaya satu jawapan yang tepat boleh diberikan kerana saya sendiri pun dalam pembentangan rang undang-undang ini lebih kepada cakap kepada soal-soal teknikal apa boleh dilakukan oleh akta ini. Jadi tentang perkara yang telah berlaku seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu lebih baik diutarakan kepada kementerian yang berkenaan.

Yang Berhormat Putatan dalam pencelahannya bertanya apakah jenis barang yang akan dikawal di bawah rang undang-undang ini. Barang dan teknologi strategik yang akan dikawal di bawah rang undang-undang ini ialah:

- (i) yang mempunyai *single or direct use* bagi membangun senjata pemusnah besar-besaran (WMD);
- (ii) yang mempunyai dwiguna atau *dual use* iaitu mempunyai kegunaan ketenteraan dan bukan ketenteraan, sebagai contoh besi keluli bergred tinggi, dengan izin, *high grade stainless steel*.
- (iii) maklumat yang boleh membantu dalam pembangunan senjata WMD, contohnya reka bentuk dan sebagainya;
- (iv) kepakaran dalam perkara di atas.

Barang-barang strategik ini akan disenaraikan secara terperinci dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen 7. Barang-barang strategik yang telah dikenal pasti untuk dimasukkan dalam perintah itu ialah barang-barang strategik yang berdasarkan senarai kawalan EU.

Yang Berhormat Sungai Siput mencelah dan bertanya apakah seksyen 53, perlindungan pegawai terlalu kuat menyebabkan kuasa melampau boleh di salah gunakan. Perlindungan yang diberikan di bawah seksyen 53 bukanlah perlindungan yang mutlak. Perlindungan itu diberikan hanya bagi tindakan yang diambil dengan suci hati. Sekiranya pegawai diberi kuasa, tidak mematuhi undang-undang dan mengambil tindakan dengan niat jahat, maka pegawai itu tidak mendapat perlindungan yang diberikan oleh seksyen tersebut. Tujuan seksyen ini diperuntukkan adalah supaya pegawai diberi kuasa dapat menjalankan tugasnya tanpa takut atau *fear*.

Yang Berhormat Ledang bertanya sejauh manakah kerajaan dapat menyediakan pegawai pakar yang dapat mengesan barang yang dikawal. Adakah pakar sendiri atau perlu import kepakaran. Kerajaan sememangnya sedar, kepakaran khusus akan diperlukan untuk melaksanakan rang undang-undang ini khususnya untuk mengesan dan mengenal pasti barang, teknologi dan perisian yang boleh menyumbang kepada percambahan WMD. Dalam hal ini, pegawai-pegawai pelbagai agensi telah pun mula dilatih dalam isu ini sejak tahun 2004 dan latihan khusus sedang dipertingkatkan. Sebagai contoh, pada akhir bulan Mac 2010, pegawai MITI dan Kastam Diraja Malaysia menjalani latihan di Amerika Syarikat. Sebagai tambahan, dari 13 hingga 16 April 2010, sesi latihan pelesenan akan dijalankan di Kuala Lumpur bagi 35 orang pegawai pelbagai agensi di bawah anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Latihan lanjutan juga telah dijadualkan pada bulan Jun 2010. Tawaran bantuan teknikal juga telah diberikan oleh beberapa negara dan sedang dipertimbangkan oleh kerajaan, namun demikian Malaysia sememangnya mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang berkaitan yang tertentu seperti nuklear, biologi dan kimia di Agensi Nuklear Malaysia, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan dan Pihak Berkuasa Kebangsaan Senjata Kimia. Oleh hal demikian, MITI sudah boleh menggunakan kepakaran tersebut daripada permulaan kuat kuasa akta. Pada hakikatnya, Malaysia dalam proses membina kepakarannya sendiri dan tidak akan bergantung kepada mana-mana pihak lain bagi menyekat perdagangan barangan strategik yang dimaksudkan.

Yang Berhormat Ledang bertanya mengapakah pemantauan barang strategik ini diletakkan di bawah Menteri yang bertanggungjawab bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan bukannya Menteri Dalam Negeri. Bukankah perkara ini menyentuh isu keselamatan. Penetapan MITI sebagai

kementerian yang bertanggungjawab adalah berdasarkan hakikat bahawa isu kawalan ini lebih bersifat kawalan perdagangan walaupun implikasinya ada berkaitan dengan keselamatan dalam negeri. Pengawalan barang strategik melibatkan pelbagai aspek perdagangan antarabangsa seperti proses penghantaran barang strategik, urusan kewangan, pembiayaan, pengenalpastian penghantar dan penerima *consignment*, mengenal pasti pangkalan pendaratan barang atau penghantaran barang dengan izin, *points of landing and disembarkation* dan sebagainya. Pengawalan ini melibatkan prosedur kastam dan kementerian yang mempunyai hubungan dan urusan secara langsung dengan semua pengeksport yang didaftarkan dan Jabatan Kastam ialah MITI.

MITI mempunyai kedudukan bersesuaian untuk melaksanakan proses pendidikan mengenai barang dan teknologi strategik kepada pengeksport dan juga boleh menasihatkan pengeksport dengan langkah-langkah pematuhan yang perlu diambil. Rejim kawalan yang diperuntukkan oleh rang undang-undang ini adalah disasarkan kepada perdagangan haram dalam barang strategik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap ya. Rejim kawal selia ini bertujuan membolehkan peningkatan langkah pengawasan (*vigilance*) ke atas pemindahan barang, perisian dan teknologi tertentu yang boleh menyumbang kepada percambahan senjata pemusnah besar-besaran. Dalam hal sedemikian, aspek pengeksportan, transit dan pemindahan barang itu yang perlu ditekankan kerana pihak-pihak yang cuba mendapatkan barang strategik itu, yang cuba mengelak pengawalseliaan di negara lain lazimnya merupakan pihak luar sementara bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri pada hakikatnya adalah terhadap ancaman dalaman. Namun sekiranya barang itu masuk ke Malaysia atau transit melalui Malaysia dan terdapat implikasi atas keselamatan dalam negeri, maka nasihat dan penglibatan KDN akan diminta sebelum sebarang tindakan di ambil. MITI akan bekerjasama dengan KDN untuk memastikan semua hal keselamatan Malaysia terjamin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi bahawa kita telah membuat persiapan, penyediaan daripada tahun 2004, jadi ini sekali gus menolak apa yang dibangkitkan oleh pihak pembangkang sebentar tadi, kita tergesa-gesa untuk meluluskan rang undang-undang ini sebagai tiket Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berjumpa dengan Obama pada minggu-minggu yang akan datang. Jadi sebenarnya apa yang dinyatakan oleh pembangkang itu satu pemutar belit yang tidak sebenarnya berlaku seperti apa yang kita diberitahu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, benar apa Yang Berhormat cakap itu, betul kerana perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Bukit Bendera dijawab oleh dia sendiri. Pertama, dia kata tergesa-gesa tetapi resolusi ini 2004, enam tahun ya. Jadi kalau kita laksanakan enam tahun kemudian, maknanya tidak tergesa-gesalah. Yang Berhormat Bukit Bendera juga mengatakan dalam satu masa yang sama, kita hendak memberikan satu hadiah kepada Obama tetapi dalam masa yang sama, kita pula melakukan perkara-perkara dalam akta ini yang banyak tidak ditentukan atau dimahukan oleh negara seperti Amerika. Maka, jelaslah apa yang kita lakukan itu bukan kerana kehendak Obama. Yang Berhormat jawab sendirilah ya. Terima kasih.

Yang Berhormat Ledang bertanya mengapa tidak kawal import di bawah rang undang-undang ini. Import dikawal di bawah undang-undang sedia ada, sebagai contoh barang nuklear di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom, barang kimia di bawah Akta Racun, Akta Kuarantin Tumbuhan, Akta Konvensyen Senjata Kimia. Barang senjata melalui Akta Kastam dan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Sebagai tambahan, fokus rang undang-undang ini ialah untuk membolehkan Malaysia memainkan peranannya sebagai negara anggota PBB untuk membanteras percambahan senjata, sebagai contoh menurut resolusi Majlis Keselamatan PBB 1540 dan ini melibatkan kewajipan untuk memastikan Malaysia tidak digunakan sebagai sumber atau laluan bagi barang strategik bukan Malaysia sebagai negara pencambah.

■1620

Yang Berhormat Klang dalam perbahasannya telah menyebut berkenaan dengan contoh-contoh seperti kes enjin jet yang hilang, kes Al-Maunnah dan kes Scomi. Betullah Yang Berhormat, inilah merupakan contoh-contoh yang diberikan yang menunjukkan bahawa rang undang-undang ini sememangnya diperlukan supaya kes-kes tersebut tidak berulang lagi.

Yang Berhormat Kota Belud bertanya sama ada kawalan eksport akan menyebabkan monopoli pembekal ataupun *suppliers cartel*. Pada masa ini monopoli *suppliers cartel* oleh rejim-rejim kawal selia seperti Australia Group, Nuclear Suppliers Group, Wassenaar Arrangement dan Missile Technology Control Regime. Ini kerana rejim-rejim tersebut sebagai langkah mengawal percambahan, tidak akan membenarkan eksport barangan terkawal oleh negara anggotanya kepada negara-negara bukan anggota yang tidak mempunyai undang-undang kawalan eksport yang berkesan.

Sebagai contoh, barang yang ingin diimport oleh Malaysia mungkin tidak dibenarkan untuk dieksport kepada Malaysia dan mungkin barang yang berlainan kualitinya yang bukan barang strategik sahaja yang dapat diperoleh. Dengan adanya rang undang-undang ini, alasan untuk menolak eksport ke Malaysia bagi barang sedemikian tidak lagi wujud.

Yang Berhormat Kinabatangan telah membangkitkan isu siapakah yang akan menguatkuasakan undang-undang ini. Rang undang-undang ini memberikan kuasa penguatkuasaan kepada semua agensi penguatkuasaan yang mempunyai penglibatan secara langsung di bawah akta masing-masing untuk memantau barang strategik seperti kastam, polis, agensi maritim, Lembaga Pelesenan Tenaga Atom dan sebagainya. Kawal selia secara keseluruhannya diselaraskan oleh 'MITI' melalui pengawal perdagangan strategik yang dilantik oleh Menteri. Tidak ada agensi baru yang akan diwujudkan untuk menjalankan pelaksanaan penguatkuasaan rang undang-undang ini.

Yang Berhormat Balik Pulau bertanya sama ada akta ini dibentangkan secara tergesa-gesa kerana tekanan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan melawat Amerika Syarikat tidak lama lagi. Saya sudah sebut tadi iaitu Security Council Resolution 1540 telah diluluskan pada 24 April 2004 dan penggubalan rang undang-undang ini telah dimulakan pada tahun 2005. Apabila kelompangan dalam undang-undang Malaysia dalam isu kawalan eksport disedari, khususnya apabila dikeluarkan Security Council Resolution 1540, maka kita telah memulakan proses untuk mengadakan rang undang-undang ini. Jadi kalau ia memakan masa sekarang hampir lima tahun, bermakna tidaklah tergesa-gesa.

Saya tidak fikir bahawa kita terpaksa menunggu pilihan raya akan datang. Obama kalah baru kita hendak mengadakan rang undang-undang ini. Jadi disebabkan kerumitan hal perkara teknikal yang perlu difahami oleh semua kementerian dan agensi yang berkaitan, maka itulah sedikit masa diperlukan untuk terlebih dahulu memahami konsep dan barang yang perlu dikawal selia.

Sebagai tambahan, mekanisme terbaik untuk melaksanakan rejim itu juga perlu dipertimbangkan dengan teliti sekali dengan tahap kesediaan kementerian dan agensi untuk melaksanakan undang-undang khusus ini. Rang undang-undang ini hanya dibentangkan pada masa ini setelah persediaan sewajarnya telah diambil.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Menteri, boleh bertanya? Terima kasih Menteri. Boleh bertanya atau boleh mencadangkan pihak kementerian menangguhkan pembentangan rang undang-undang ini dan menubuhkan satu Jawatankuasa Pemilih untuk membuat perundingan dengan pihak-pihak seperti peguam dan juga pihak-pihak peniaga atau pengeksport kerana akta atau rang undang-undang ini bagi kuasa yang meluas kepada pihak penguat kuasa?

Jikalau sudah tunggu selama enam tahun, mengapa – kalau boleh saya cadangkan kepada Menteri tunggu dua bulan sehingga bulan Jun dan meluluskan pada sesi bulan Jun. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini cadangan tidak masuk akal.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pembentangan tidak boleh ditangguhkan Yang Berhormat sebab saya sudah bentang. Mungkin Yang Berhormat fikirkan yang itu tentang kelulusanlah. Akan tetapi Yang Berhormat, saya sudah sebut iaitu kita bermula pada tahun 2005. Ini sudah lama. Sepatutnya selepas resolusi keluar tahun 2007 kita sudah buat.

Akan tetapi Yang Berhormat perlu fikir ini bukan sahaja akan membantu negara kita dari segi *threat*, maka orang akan percaya dengan adanya terbentuk rang undang-undang ini mereka percaya kepada kita untuk mengeksport barang-barang yang dianggap strategik.

Akan tetapi lebih daripada itu Yang Berhormat untuk lawan *terrorism*, *international terrorism* yang kita perlu lawan bersama. Sekarang ini ia telah melampaui batas sempadan antarabangsa. Sesuatu perkara yang berlaku di sesebuah negara, ia mungkin berlaku di negara yang lain. Jadi ini kita perlu sama-sama hadapi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dan kita mesti pastikan itu bahawa kita memberikan kerjasama kepada semua negara yang bekerjasama untuk melawan *international terrorism*. Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, terima kasih. Saya setuju kita sepatutnya mempertingkatkan usaha kita untuk menangani isu *terrorism*. Kalau undang-undang ini sebagai satu sumbangan kita kepada keamanan dunia, memang itulah sumbangan Malaysia.

Akan tetapi saya ingin kembali kepada isu pendirian kita sebagai negara dunia ketiga, sebagai negara *Non Aligned Movement*. Kalau perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan Presiden Amerika Syarikat sepatutnya kita harus kembali pada punca *terrorism* itu, bukan kawalan. Bukan lebih banyak lagi dipertingkatkan *airport control*, kita menanggalkan kasut,

menanggalkan baju dan lain-lain lagi tetapi isu pokoknya ialah peperangan yang tidak adil yang dimulakan oleh Amerika Syarikat.

Saya ingin tahu sama ada kalau kita meluluskan undang-undang ini sebagai sumbangan kita untuk *control terrorism*, adakah Malaysia secara ingin tegas menyatakan pendirian ini kepada Amerika Syarikat?

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Menteri, boleh lagi satu? Sedikit boleh?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya jawab. Saya akan beri.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sekali ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak mengapa. Satu-satulah senang. Hendak *3 in 1* ini susahlah. Saya tidak berkemampuan. Berkenaan dengan obligasi kita, ini merupakan resolusi *Security Council* iaitu United Nation Security Council yang mana keputusan itu telah dibuat dan dipersetujui oleh UNGA dibuat pada tahun 2004. Ini tidak ada kaitan langsung sama ada kita masih lagi dalam NAM ataupun tidak, sama ada kita bersama dengan OIC ataupun tidak. Negara OIC, negara NAM semuanya menjadi anggota Bangsa-Bangsa Bersatu. Mereka semua mesti mengakuri keputusan United Nation Security Council yang telah pun diluluskan dalam UNGA.

Jadi tidak berbangkit Yang Berhormat bahawa kita sudah tidak bersama dengan NAM, tidak bersama dengan OIC kerana semua negara ini mesti ada undang-undang kerana dia merupakan keputusan dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang kita mesti akur. Jadi soalnya, kalau Yang Berhormat kata nampaknya apabila kita buat sekarang ini kita hendak tunduk kepada United State, agaknya bilakah masa yang paling elok yang kita hendak buat ini? Tidak akanlah kerana setiap masa – bila sekalipun kita buat kalau hendak dikaitkan dengan seolah-olah kita ditekan oleh Amerika Syarikat, pada bila-bila masa pun tidak boleh buat.

Akan tetapi saya hendak menyatakan di sini bahawa memang setelah lebih daripada lima tahun kita menggubal dan ini telah pun dipersetujui dan kita telah pun berunding dengan pelbagai sektor dan akhirnya kita adakan rang undang-undang ini yang dikenakan oleh United Nation terhadap kita. Jadi Yang Berhormat, tidak mengapa.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya hendak beri kepada Yang Berhormat Kuala Selangor dahulu.

Prof. Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Selepas itu?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Lihat siapa yang jambu.
[Ketawa]

■1630

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya ingin melanjutkan sedikit sahaja lagi atas dasar perkara latar yang Menteri sebutkan tadi, maka jelaslah pada Dewan ini bahawa itulah sebenar-benarnya *underpinning* ataupun *underlying reason* ataupun sebab utama pengenalan kepada Rang Undang-undang

Perdagangan Strategik ini dibawa, tergesa-gesa atau tidak jelas daripada mengapa selepas beberapa tahun baru perkara ini timbul balik.

Persoalan yang saya timbulkan Yang Berhormat Menteri, kalau begitulah pada perhitungan yang terbesarnya atau ke kemuncaknya, *that is the underlying reason*, dengan izin. Maka Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat perlu bertemu dengan Presiden *Obama* menyatakan kepada beliau bahawa lebih penting daripada segala yang bersifat undang-undang dan peraturan adalah sebenarnya dasar luar Amerika Syarikat itu sendiri, yang mana kita melihat kepada Presiden *Obama* sebagai apa yang disebutkan di dalam bahasanya *the 'circuit breaker'* kerana *violence begets further violence*, keganasan menimbulkan lebih keganasan seterusnya, dan tidak ada yang dapat memecahkan *the cycle of vicious cycle of violence begets further violence* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan mereka yang punya kuasa untuk *break that circuit*. *Obama* dilihat oleh dunia sebagai *the circuit breaker* yang punya kuasa untuk berbuat demikian, apakah di samping *piece of legislation* seperti ini dengan izin, dikemukakan oleh Malaysia. Kita juga perlu menegaskan bahawa Presiden *Obama*, *the 'unipolar' power*, di dunia kuasa tunggal, di dunia hari ini perlu melaksanakan tugasnya sebagai *the circuit breaker* ataupun yang boleh memecahkan keganasan demi keganasan yang semuanya adalah antara lain tercetus oleh dasar luar Amerika Syarikat khususnya di Timur Tengah di Palestin hari ini, terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah langsung dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya kira kalau ia dengan lulusnya rang undang-undang ini, boleh dijadikan sebagai umpan ataupun *bargaining power* untuk kita seolah-olah memberitahu kepada Amerika, kami datang daripada OIC, negara Islam. Jadi ini merupakan satu usaha daripada pihak kami yang memerlukan timbal balas daripada mereka. Saya rasa itu satu perkara yang harus kita beritahu kepada mereka. Tidak bermakna bahawa apabila kita mengadakan rang undang-undang ini maka ini bermakna bahawa Amerika Syarikat terlepas daripada apa segala yang Yang Berhormat sebut tadi. Kalau kita menganggap dia sebagai *super power* dan dia sebenarnya mempunyai kuasa untuk *break the circuit*, saya rasa dengan adanya rang undang-undang ini mereka tidak terlepas daripada tanggungjawab itu dan Malaysia patut memberitahu kepada mereka bahawa sebenarnya *this is you know working extra miles*, dengan izin, sekarang ini kita bekerjasama dan kita mahu lihat supaya Amerika Syarikat menunjuk *good faith* mereka, bona fide mereka dalam usaha untuk menyelesaikan masalah di *Middle East*. Saya rasa ini akan diguna mungkin, saya bukan Perdana Menteri tetapi mungkin ia akan digunakan sebagai satu perkara yang boleh kita menuntut supaya Amerika Syarikat menjadi *circuit breaker* seperti mana yang disebutkan Yang Berhormat, saya tidak ada masalah dengan itu.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [Bangun]

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Batu Kawan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jambang dah bagi, bagi ini dahulu, dia bangun-bangun banyak kali. [Ketawa]

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri terima kasih. Saya tidak ada masalah dengan Resolusi 1540, ciri-ciri kawalan eksport itu okey tetapi kenapa apabila Resolusi 1540 ini dibawa ke Malaysia, kuasanya dibagi kepada penguasa ataupun pengawal-pengawal dan kuasa itu kuasa mutlak bukan

seperti di negeri-negeri lain bahawa kuasa itu diberikan kepada mahkamah atau majistret bukan kepada pengawal.

Isu tentang bila kita harus bentang rang undang-undang ini, seperti apa yang saya cadang kita adakan jawatankuasa pemilih bagi dua bulan selepas itu pada bulan Jun kita bentangkan. Walaupun Menteri kata sudah dibincangkan enam atau lima tahun tetapi pembangkang tidak pernah di *consult*, pembangkang tidak terlibat dalam rundingan ini. [*Dewan riuh*] Isu-isu ini haruslah diberikan by *partisan approach*, ini penting untuk isu luar negeri, untuk isu-isu pertahanan atau isu-isu keselamatan by *partisanship* haruslah diadakan dalam situasi jawatankuasa pemilih supaya isu boleh dibincangkan dan pembangkang terlibat dalam penggubalan dasar dan undang-undang-undang, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetujulah dalam kita hendak mengatakan *consultation* itu, maka dibahagikan di antara pembangkang dan kerajaan. Saya rasa rundingan itu harus mesti dengan Parlimen, kerana pihak BBC pun kita tidak runding dengan mereka. Ini juga kali pertama mereka melihat rang undang-undang ini dan prosesnya Yang Berhormat saya hendak beritahu, prosesnya dijalankan oleh *Attorney General Chambers* dan proses undang-undang ini walaupun ia merupakan rang undang-undang daripada eksekutif tetapi prosesnya berjalan, rundingan itu berjalan dengan *stakeholders*, *stakeholders* dengan semuanya telah saya sebut tadi yang ada kaitan seperti Kastam dengan pedagang-pedagang, ini telah berjalan. Setelah melalui ini semua barulah ia dirangka sebagai rang undang-undang-undang, kemudian dibawa kepada eksekutif barulah eksekutif tengok dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Jadi secara langsung pun kita tidak terlibat tetapi dalam bawa ke Jemaah Menteri sebagai memorandum kita mempunyai masa untuk melihat dan kalau ada perkara yang kita rasa tidak boleh dilakukan kita akan tegur. Apabila eksekutif meluluskan dalam masa saya kira kurang daripada seminggu kita bawa kepada Ahli Parlimen supaya Ahli Parlimen melihat perkara ini. Sudah tentu saya kira prosesnya kalau sekiranya Yang Berhormat melihat ada perkara tidak dipersetujui, jika kita ada prosedur di mana kita boleh meletakkan pindaan dalam jawatankuasa dan akhirnya bukan mereka yang luar yang memutuskan tetapi kita yang memutuskan, membuat pengundian dalam perkara ini.

Jadi kalau hendak dikatakan misteri dirunding ini dengan pihak pembangkang, saya rasa saya tidak setuju kerana saya kira runding dengan Parlimen yang terdiri daripada pembangkang dan juga *backbenchers*. Ya Yang Berhormat Batu Kawan.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Menteri, saya tidak mempertikaikan Parlimen ini berhak untuk menggubal undang-undang-undang, apatah lagi undang-undang tentang keselamatan, cuma ada sedikitlah yang saya rasa ini bukan saya berhujah sebab saya pembangkang, ini lebih rasional. Kenapa undang-undang ini dirangka zaman yang dipanggil sebagai zaman pasca *terrorism*, zaman pasca *terrorism*, walhal masih *Bush* ini itu zaman *terrorism*. Maka mungkin saya rasa bahawa zaman itu mungkin lebih rasional, boleh dijelaskan bahawa undang-undang ini boleh digubal sebab masa itu karenah *paridigm* pemikiran itu begitulah kan.

Apabila Menteri kata Bangsa-Bangsa Bersatu *secure the council*, kita pun mencelah juga bagaimana badan ini digunakan oleh Amerika Syarikat untuk menghukum Iraq.

Memang jelas badan ini Bangsa-bangsa Bersatu di mana Menteri ini begitu ghairah dengan apa ini, memang diperalatkan oleh Amerika Syarikat untuk menghukum Iraq atas alasan bahawa Iraq mempunyai WMD. Akan tetapi akhir sekali telah dibongkar bahawa Iraq tidak ada itu dan beribu-ribu manusia telah dijadikan mangsa oleh syaitan yang terbesar di dunia Amerika Syarikat. [*Dewan riu*] Jadi bukan saya rasa kita ini mempersoalkan sebab saya ini di sebelah sini, bukan.

■1640

Menteri memikirkan bahawa undang-undang seperti WMB tidak boleh dipakaikan sebab betul kah Iraq masa itu mempunyai WMD? Tidak ada tetapi yang mempunyai WMD ialah konco-konco Amerika sendiri seperti Israel. Ia mempunyai satu *weaponry* yang saya rasa boleh sehingga hapuskan Timur Tengah lima enam kali. Jadi, apa yang saya rasa kelirulah kenapakah kita ini memperkenalkan undang-undang dan kita juga yang masukkan konsep-konsep yang telah dikatakan dipertikaikan seperti WMD. Jadi, isu ini bukan Obama. Obama merupakan satu *actor* sahaja. Obama tidak akan menentukan segala dasar Amerika Syarikat.

Akan tetapi saya rasa, undang-undang seperti ini saya rasa – Bukanlah masa kita memikirkan sebab konsep-konsep dalam itu telah dipertikaikan dan tidak ada makna lagi. Apabila dunia tidak boleh jelaskan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak boleh jelaskan bagaimana beribu-ribu orang Iraq mati? Ia juga dengan menggunakan *war against terrorism*. Beribu-ribu orang di *Afghanistan* telah jadi mangsa keadaan. Jadi, apa yang saya minta ialah kita ini berhati-hatilah dan jangan kita terperangkap. Mungkin kita tidak sedar terperangkap dalam hegemoni Amerika Syarikat memang menjadi satu kuasa yang besar sekarang walaupun saya rasa penggunaan mereka adalah '*soft*' bukan '*merchant Bush*'.

Jadi inilah yang saya rasa bimbang seperti ini pengawalan terhadap senjata-senjata dan sebagainya. Dengan izin *are we shooting ourselves in the foot by this argument?* Akhir sekali, *when we want to do expense something we can't*. Jadi, Menteri saya ini mengemukakan hujah-hujah ini bukan saya sebagai seorang pembangkang di sini. Akan tetapi kita berhati-hatilah. Janganlah kita jadi sebagai *appendage* Dasar Luar Amerika Syarikat dan *I am also* - Mungkin I pun bimbang sama ada Israel sendiri telah menciptakan rangka ini untuk perangkap kita. Jadi, itulah komen saya dan saya harap dapat jawapan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat bagi pihak kerajaan kita langsung tidak pertikaikan keikhlasan Yang Berhormat Batu Kawan untuk memberikan pandangan dalam perkara ini. Saya terima ini sebagai satu peringatan bukan kerana daripada pembangkang tetapi oleh kerana sebagai seorang Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat yang duduk di sini dan rasa bertanggungjawab bersama dalam hal ini.

Saya hendak jelaskan di sini iaitu bahawa kita buat rang undang-undang ini bukan oleh sebab kerana kita selalu sebut WMD. Maka, kita selalu melihat iaitu serangan Bush ke atas Iraq. Kita mengadakan rang undang-undang ini bukan kerana sokongan kita terhadap Bush untuk melanggar Iraq kerana WMD yang tidak ada akhirnya. Kita tidak pernah sokong perbuatan Amerika Syarikat. Kita buat ini ialah kerana peristiwa *11th September* iaitu apa yang telah berlaku di *United State*. Itu peristiwa yang sebenarnya yang kita lihat sebagai cukup serius untuk kita sedar bahawa kita mesti bekerjasama dengan dunia untuk lawan *international terrorism*.

Jikalau sekiranya ia boleh berlaku di Amerika Syarikat, apakah yang boleh menjamin bahawa ia tidak akan berlaku di negara kita? Ianya berlaku di Indonesia dan mungkin *Philippine*. Apakah kita merasa kita terlalu kebal dan kita rasakan bahawa ia tidak akan berlaku di negara kita? Sudah tentu tidak. Apatah lagi kalau kita lihat ramai yang *terrorists* ini berasal daripada negara kita. Jadi, saya hendak perbetulkan di sini yang kita buat rang undang-undang ini bukan kerana kita menyokong serangan Iraq keputusan yang dibuat oleh Bush itu.

Kita adakan rang undang-undang ini kerana kita lihat bahawa kalau kita tidak memberikan kerjasama bagaimana dan apa yang berlaku di *New York* pada 11th *September* dahulu ianya juga boleh berlaku kepada kita. Jadi, Yang Berhormat perlu lihat peristiwa itu dan bukan peristiwa serangan. Saya tidak kata ia tidak penting tetapi saya hendak mengatakan kita tidak sokong sebenarnya apa yang dilakukan oleh Bush. Serangan terhadap Iraq. Akan tetapi kita mengadakan undang-undang ini kerana kita memikirkan bahawa peristiwa yang berlaku di *New York* itu ada kemungkinan ia juga akan boleh berlaku di negara kita. Jadi kerjasama ini mesti kita berikan, ya. Saya minta Yang Berhormat Machang *fresh speech*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Duduk dahulu Yang Berhormat Batu.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya setakat mendengar penggulungan oleh Yang Berhormat Menteri, berpendapat bahawa ini satu percubaan yang baik, pun begitu ia bukanlah menjanjikan penyelesaian kepada semua masalah. Saya sempat meneliti pengalaman negara Jepun misalnya Yang Berhormat Menteri, dalam kes perdagangan strategik ini sebab Jepun ini sebuah negara pengeluar barangan yang boleh digunakan untuk menghasilkan senjata nuklear.

Satu ketika kes yang agak mengejutkan ialah pembabitkan Syarikat Mitutoyo Corporation yang apabila Agensi Tenaga Atom Antarabangsa membuat pemeriksaan di Libya didapati ada komponen yang digunakannya itu adalah komponen yang dijual oleh Mitutoyo Corporation yang membabitkan kilang Scomi yang dibangkitkan oleh ramai kawan-kawan kita dan diangkut menggunakan kapal ke Libya. Siasatan kemudian membabitkan Ketua Eksekutif dan empat *director* dia. Hukuman dikenakan dan daripada situ didapati bahawa *export control regulation* di Jepun itu ada banyak *loophole* nya. Ini pengalaman yang mungkin kita boleh teliti dalam membahaskan undang-undang ini.

Satu, komponen yang kita anggap berbahaya rupanya ia ada kegunaan lain yang disebut sebagai *dual use items*. Dia boleh guna untuk automotif komponen, *civilian devices*, dan senjata nuklear. Jadi ini *loophole* yang kemudiannya digunakan oleh syarikat-syarikat besar seperti '*Mitutoyo Corporation, Tokyo Vacuum, 'Nakano' Corporation, 'Horkos' Corporation* dan akhirnya negara yang sehebat Jepun yang mempunyai satu regulasi kawalan eksport yang kita anggap sebagai baik pun berlaku, bagaimana kelemahan sistem itu dieksploitasi oleh syarikat yang kebetulan satu kerana *item* itu, *item* pelbagai guna.

Kedua, kerana mereka punya *trading partnership* yang lama dengan negara-negara yang terbabit misalnya Taiwan dan Korea Utara. Jadi, akibatnya undang-undang itu sekali pun ada tetapi masih lagi bolos kerana kelemahan-kelemahan yang kita sebut sebentar tadi. Faktor kedua ialah undang-undang itu

satu bab. Akan tetapi *advance technology*, teknologi yang begitu canggih dari semasa ke semasa.

Hari ini kita mungkin meletakkan di sini senjata kimia mengikut Konvensyen Sintetik Kimia 205 sebagai bahaya. *The moment*, undang-undang ini lulus dan kecanggihan teknologi itu mampu menghasilkan sesuatu kimia yang tidak lagi dikawal di bawah undang-undang ini. Senjata biologi misalnya, toksin kah, bakteria kah atau virus kah, ia saban hari berubah-ubah. Oleh sebab itu, undang-undang ini sekadar memberikan tafsiran senjata biologi akan tetapi undang-undang ini tidak menyenaraikan pula apakah tertera di sana senarai apa yang kita maksudkan sebagai senjata biologi.

Jadi, isu yang saya bangkitkan Yang Berhormat Menteri ialah saya sifatkan sebentar tadi satu percubaan yang baik tetapi ianya bukan segala-galanya. Yang Berhormat Menteri tadi sebut bahawa sebagai negara yang menandatangani *Non-Proliferation Treaty (NPT)*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ringkaskan Yang Berhormat. Ini semua perkara baru Yang Berhormat.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Kita juga Yang Berhormat Menteri sebenarnya terikat juga dengan beberapa lagi undang-undang antarabangsa. Sebenarnya kalau kapal dari Amerika, China, Perancis, Rusia, dan *United Kingdom* bawa barang-barang senjata berbahaya lalu Selat Melaka kita dan tidak boleh mengambil tindakan ke atas mereka. Undang-undang ini Yang Berhormat Menteri, tidak terpakai pun ke atas negara-negara ini.

■1650

Negara mana? China, Perancis, United Kingdom, Amerika Syarikat. Negara-negara ini Rusia juga dia boleh tidak jadi kesalahan kalau dia guna perairan kita. Mengapa? Ini kerana di sana pun pada tahun 2005 Tuan Yang di-Pertua, telah diluluskan satu pindaan apa yang disebut sebagai *Convention for the Suppression of Unlawful Acts Against the Safety of Maritime Navigation* yang disingkatkan sebagai 2005SUA *amendments*. Disebut dengan terang sebab mereka adalah tergolong sebagai negara yang mempunyai *privileges*.

Undang-undang kita ini terpakai negara macam India, Pakistan, Libya. Jadi di situ sebenarnya penguatkuasaan undang-undang ini pun ada lagi kekurangannya. Itu satu perkara yang sebenarnya perlu kita bincangkan secara terbuka di dalam Dewan ini, dua perkara yang saya kemukakan, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya memahami apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat daripada Machang. Kalau sebagai pilihannya ialah tidak ada undang-undang langsung. Saya rasa itu jauh teruklah ya. Kalau undang-undang ini ada dia sekadar tidak boleh menyelesaikan semua masalah. Adalah lebih baik daripada langsung tidak ada undang-undang yang semua masalah tidak akan dapat diselesaikan.

Jadi sebab itu setiap rang undang-undang sudah tentu akan melalui satu proses *try and error*. Ini undang-undang yang dilakukan oleh kita sebagai manusia. Kalau kita duduk berfikir pun pecahkan kepala kita, ribut otak sekalipun masih lagi ada perkara-perkara yang mungkin tidak terfikir yang mungkin boleh berlaku di masa akan datang. Saya tidak mengatakan semua rang undang-undang itu *solve all problem*. Tidak mungkin.

Kalau ada undang-undang *solve all problems* saya ingat tidak ada masalah di dunia ini. Jadi sebab itu dia akan melalui proses *try and error* akan

tetapi sekadar apa yang saya boleh sebut di sini iaitu ianya adalah lebih baik kalau sekiranya langsung tiada undang-undang, ya.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri saya ada soalan yang pendek sekali. *Less than half per second*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Soalan baru tidak payahlah. Yang saya menjawab soalan yang telah pun dibangkitkan pada perbahasan...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ini berkait, ini berkait dengan apa yang kita bincangkan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dan dibincangkan dan menjawab kerana saya juga perlu notis.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Bukan soalan baru.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perkara-perkara yang saya...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ini bukan baru, isu baru.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Perlu mendapat jawapan daripada pegawai-pegawai.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang pentingnya bukan soalan baru.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi saya – tidak apa, tidak apa. Okey tidak apa.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Akan tetapi ini soalan susulan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebenarnya Yang Berhormat pun tidak ada masa sebab kita ada satu rang undang-undang. Jadi apa yang dibangkit oleh Yang Berhormat, ya kita setuju. Dalam apa-apa undang-undang yang kita lakukan ia bukan *solve all problems*. Mungkin ada perkara baru yang kita tidak fikirkan yang ia akan bangkit.

Akan tetapi dari segi kata senarai-senarai EU, apa yang kita sebut ini adalah perkara am, biologi – soal kimia, biologi kah itu akan tetapi yang *detail* nya saya telah sebut seperti mana yang ditentukan oleh senarai EU. Itu secara *detail* nya apa perkara-perkara yang tidak diizinkan. Perkara-perkara yang penting kita pegang di sini ialah haram, haram. Perdagangan haram. Maknanya kalau sekiranya ada satu-satu perkara itu apabila dia dihantar ke sebuah negara khusus untuk menggunakan – digunakan untuk sesuatu seperti katalah kereta punya alat kah, itu dibenarkan, sebab dia tidak haram.

Kita tekankan di sini tentang penggunaan bahan-bahan strategik secara haram. Itu yang kita tekankan Yang Berhormat. Jadi siapa pun tidak akan terlepas daripada kemungkinan perkara yang masuk secara sah dan halal itu mungkin ianya diperolehi untuk dilakukan perkara yang haram. Itu Jepun pun kena. Sebab masuk dia secara perdagangan ia sah. Jadi ini soal-soal praktikal yang kita akan atau tentu hadapi akan tetapi sebagaimana telah saya sebutkan tadi kalau kebimbangan ini kita utamakan pilihannya adalah untuk tidak mengadakan langsung undang-undang. Saya rasa itu bukan satu *option* yang *real* untuk kita terima.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri saya ada soalan mengenai strategi itu...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Strategi *Bill* ini. Soalannya pendek.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak perkara di sini yang penting-penting telah pun saya jawab. Yang lain itu merupakan jawapan yang saya kira ia tidak begitu yang menekankan kepada inti pada rang undang-undang ini. Lanya mencukupi kalau saya menjawab secara bertulis. Maka dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Soalan yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih, Yang Berhormat...

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Ada soalan yang belum dijawab boleh kita kemukakan sekali lagi. Isu kenapa agensi ini baru perlu – isu asas tidak dijawab.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sebab itu lain kali...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Marilah. Saya telah jawab tidak ada agensi baru, ya Yang Berhormat masa saya jawab tidak ada di sini. Tidak ada agensi baru, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya peringatkan lagilah. Walaupun banyak perkara yang boleh kita bincang dalam Dewan secara terbuka atau tertutup Dewan akan tetapi peraturan Dewan itu kena pakai juga. Benda yang telah dibangkit jangan dibangkit lagi. Ini adat dia. Kalau satu adat kita kena baik satu adat itu kita biar macam itu sahaja tidak pakai juga itu.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal-fasal 1 hingga 57 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1700

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2009

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim]: *Assalamualaikum*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi merupakan salah satu daripada perundangan siber yang berkaitan dengan pelaksanaan projek Koridor Raya Multimedia (MSC). Undang-undang ini bertujuan mewujudkan persekitaran elektronik yang selamat untuk meningkatkan keyakinan di kalangan pengguna kemudahan rangkaian dan bukan rangkaian bahawa maklumat-maklumat peribadi mereka adalah dilindungi.

Perundangan ini dijangka dapat mempercepatkan pembangunan hubungan elektronik berangkaian serta transaksi-transaksi seperti e-Dagang dan e-Niaga. Di samping mencegah salah guna peranan dan kuasa berkaitan data peribadi seseorang. Perlindungan data peribadi juga merupakan elemen yang penting dalam proses membangunkan industri komunikasi dan multimedia negara. Ia boleh menjadi faktor menarik kepada pelabur-pelabur terutamanya dari luar negara untuk sama-sama membangunkan industri berkenaan di tanah air kita.

Matlamat dasar yang kesepuluh dan terakhir seperti yang dinyatakan dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, berbunyi antara lain, "menjamin keselamatan maklumat dan kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian." Tuan Yang di-Pertua, ini memerlukan antara lain bagi negara menggubal satu perundangan mengenai perlindungan data peribadi. Kini lebih dari 40 negara telah atau sedang memperkenalkan perundangan yang serupa. Selain dari tujuan melindungi data peribadi dan mempromosi perdagangan elektronik, usaha ini juga menumpukan kepada keperluan mematuhi piawaian antarabangsa (*international standard*). Tuan Yang di-Pertua, kewujudan perundangan ini dapat membantu Malaysia:

- (i) menjadikan pusat komunikasi dan perdagangan elektronik;
- (ii) lokasi pelaburan dalam industri komunikasi dan multimedia yang menarik; dan
- (iii) rakan dagangan antarabangsa yang boleh memberi jaminan perlindungan data peribadi mengikut piawaian antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya seterusnya memaklumkan beberapa ciri utama rang undang-undang ini:

Bahagian I rang undang-undang mengandungi peruntukan-peruntukan kuat kuasa akta dan pemakaiannya bagi transaksi komersial.

Bahagian II adalah terdiri dari fasal-fasal 5 hingga 44. Mengandungi prinsip-prinsip perlindungan data peribadi yang wajib dipatuhi oleh pengguna

data, iaitu prinsip am, prinsip notis dan pilihan, prinsip penzahiran, prinsip keselamatan, prinsip penyimpanan, prinsip integriti data dan prinsip akses.

Fasal 13 hingga 20 memperuntukkan keperluan pendaftaran bagi pengguna data dan prosedur yang berkaitan dengan pendaftaran.

Fasal 21 hingga 29 pula menyentuh mengenai forum pengguna data. Data amalan perlindungan, data peribadi, dan hukuman bagi ketidakpatuhan tata amalan.

Fasal 30 hingga 44 menyentuh hak subjek data pengakses, membetulkan dan menarik balik persetujuan pemprosesan data peribadinya.

Bahagian III memperuntukkan perkara-perkara yang dikecualikan daripada akta seperti hal ehwal peribadi, keluarga atau rumah tangga individu, termasuk maksud-maksud rekreasi.

Bahagian IV pula adalah yang menyentuh tentang pelantikan fungsi dan kuasa-kuasa Pesuruhjaya Data Peribadi.

Bahagian V menyentuh penubuhan Kumpulan Wang Perlindungan Data Peribadi. Punca kumpulan wang yang diperolehi daripada dana kerajaan, kutipan fi bagi pendaftaran dan pembaharuan pendaftaran.

Bahagian VI adalah hal ehwal berkaitan Jawatankuasa Penasihat Perlindungan Data Peribadi. Ia memperuntukkan bagi penubuhan dan fungsi jawatankuasa penasihat termasuk menasihatkan pesuruhjaya mengenai semua perkara berhubung perlindungan data peribadi dan pentadbiran serta penguatkuasaan akta.

Bahagian VII adalah peruntukan-peruntukan penubuhan tribunal rayuan yang mempunyai kuasa untuk mengkaji semula keputusan pesuruhjaya. Bahagian ini juga menjelaskan perkara-perkara mengenai kuasa, keanggotaan, dan hal-hal pentadbiran tribunal rayuan.

Bahagian VIII memperuntukkan pemeriksaan sistem data peribadi, memastikan supaya pematuhan ke atas peruntukan dan kehendak akta sentiasa berada di paras optimum. Pesuruhjaya bertanggungjawab menerbitkan laporan perakuan pemeriksaan bagi pematuhan akta oleh pengguna data.

Bahagian IX Tuan Yang di-Pertua, yakni fasal-fasal 110 hingga 127 memperuntukkan hal ehwal penguatkuasaan akta. Pemberian kuasa oleh pesuruhjaya kepada mana-mana pegawai, pesuruhjaya atau pegawai awam untuk menjalankan kuasa penguatkuasaan termasuk kuasa menggeledah dan menyita dengan waran atau tanpa waran.

Bahagian X menjelaskan supaya pesuruhjaya menyenggara daftar-daftar yang dikehendaki di bawah akta ini, iaitu daftar pengguna data, forum pengguna data dan tata amalan. Bahagian ini menyentuh tentang pengawalan pemindahan data peribadi ke tempat di luar Malaysia dan menjelaskan pengumpulan data peribadi yang menyalahi undang-undang. Bahagian ini juga menjelaskan pendakwaan bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan terletak di bawah Mahkamah Seksyen dan perlindungan kepada pemberi maklumat.

Bahagian XI menjelaskan peruntukan berhubung dengan peralihan akta. Ia menyentuh tentang kedudukan data peribadi yang dipungut sebelum tarikh penguatkuasaan operasi akta ini dan pendaftaran pengguna data yang meneruskan memproses data peribadi selepas penguatkuasaan operasi akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat peranan dan fungsi pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi adalah perkara asas bagi pelaksanaan akta ini. Adalah menjadi harapan kerajaan agar pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dapat berfungsi sebagai sebuah badan kawal selia yang berkesan untuk memastikan tiada penyalahgunaan data peribadi yang dijadikan komoditi yang boleh diurus niaga serta diceroboh oleh seseorang lain atau pihak-pihak lain. Akta ini lebih merupakan undang-undang pematuhan dengan izin, *compliance legislation*. Saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat ingin melihat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi dapat nanti menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Secara ringkasnya wajar ditegaskan sekali lagi fungsi rang undang-undang ini yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) melindungi data peribadi individu supaya tidak disalah guna;
- (ii) mematuhi Undang-undang Perlindungan Data Peribadi supaya hak rakyat terpelihara; dan
- (iii) tindakan penguatkuasaan untuk membanteras penyalahgunaan data peribadi.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini telah dibincangkan dan dibahasakan di dalam pelbagai forum. Pada awal tahun 1988, kementerian telah menubuhkan satu pasukan antara agensi yang terdiri daripada wakil-wakil Jabatan Peguam Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, *Multimedia Development Coperation* (MDeC) serta MIMOS. Pasukan ini membantu kementerian dalam menentukan isu-isu dasar dan operasi untuk memudahkan Jabatan Peguam Negara menggubal draf undang-undang tersebut. Dalam pada itu taklimat juga diberi kepada wakil-wakil industri yang juga dipelawa memberi ulasan terhadap prinsip-prinsip utama yang menjadi asas kepada peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini. Kementerian telah mengadakan juga sesi perundingan awam bagi memberi peluang kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk memberikan pandangan dan cadangan mengenai rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mempunyai keyakinan penuh bahawa pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang perlindungan data peribadi ini mampu memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan jayanya. Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahasakan. Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

5.12 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan terima kasih di atas kewujudan Akta Perlindungan Data Peribadi ini sebab perkara ini telah lama dibincangkan di dalam Dewan ini, saya ingat semenjak saya menjadi Wakil Rakyat pada tahun 1999. Kalau *check Hansard* mungkin enam kali saya minta kementerian supaya mewujudkan akta ini. Oleh sebab tanpa adanya data yang begini, telah ramai rakyat negara kita telah dianiaya oleh mereka yang tidak bertanggungjawab yang bukan sahaja memanipulasikan data peribadi seseorang, mereka juga menukar bentuk data seseorang, meminda, menjual, membeli dan sebagainya. Anehnya juga institusi kewangan di dalam negara kita Bank Negara, bank-bank tempatan dan bank luar mereka juga menggunakan data peribadi contohnya daripada CTOS sehinggalah dibawa ke mahkamah tetapi tidak boleh didakwa sebab kita tidak ada akta yang boleh mendakwa mereka.

Selepas itu tumbuh pula pemprosesan data peribadi seseorang seperti cendawan yang tumbuh di musim hujan dan ini mengakibatkan rentetan rakyat di peringkat bawah sehingga ke hari ini kalau saya tidak silap beratus-ratus ribu yang terkandas pinjaman mereka sama ada di bank-bank mahupun di dalam agensi-agensinya kerajaan sebab disenaraihitamkan oleh pemproses data peribadi yang tidak ada belas kasihan ini. Walaupun mereka sudah membayar hutang-hutang, tetapi nama mereka masih disenaraihitamkan dan perlu pula membayar RM250 ringgit. Jadi, saya menggesa mudah-mudahan akta ini selepas kita luluskan dan guna pakai kita tutup mereka yang telah beroperasi pada awalnya seperti CTOS yang mengaut keuntungan berbilion ringgit daripada data peribadi seseorang.

Akhirnya pada hari ini saya amat berpuas hati iaitu akta ini telah dapat kita adakan untuk keperluan rakyat dan juga untuk memajukan negara kita dalam industri siber, elektronik dan sebagainya. Apa yang utama sekali ialah sekali gus ia boleh melindungi harapan rakyat. Cuma, saya ingin menggesa kementerian mungkin kalau boleh saya mencadangkan menggunakan Jabatan Insolvensi Negara, dinaik taraf dan diperlebarkan jabatan ini supaya boleh diberi amanah untuk memproses data maklumat peribadi seseorang termasuk membekal kepada usahawan-usahawan, peniaga-peniaga daripada dalam dan luar negeri. Kalau data kita ini *up to date*, data kita yang diperlukan ini dapat diselaraskan dengan tuntutan perniagaan, saya tidak nampak mengapa kita tidak boleh bersaing dengan negara-negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya memang menunggu-nunggu akta ini sebab telah lama rakyat di peringkat bawah meminta saya. Orang kampung, kesian Tuan Yang di-Pertua, mereka berniaga kecil-kecilan, pinjam RM5,000. Apabila eksekutif bank tekan komputer, senarai hitam sedangkan mereka telah membayar. Jadi, ini merupakan walaupun kita terlambat pada saya seharusnya kita berbangga sebab negara kita di kalangan 40 negara yang telah maju kita telah menyertai dan turut serta dalam mengadakan akta seumpama ini. Saya tidak mahu melihat lebih ramai lagi mangsa teraniaya oleh mereka yang sesuka hati dan bersenang lenang menjual hak data peribadi seseorang dan tidak ada keselamatan langsung dengan data peribadi kita. Data Menteri pun boleh dimanipulasikan oleh mana-mana pihak apatah lagi rakyat biasa. Sedangkan akta ini sekali gus mendatangkan kewangan yang banyak.

Jadi, harap kerajaan boleh melihat organisasi seperti CTOS ini kalau boleh diperiksa dahulu. Jika ia telah menyalahi undang-undang proses semula mereka ke mahkamah. Sudah lama saya melihat ia cukup pelik dan terus terang mengatakan pemilik CTOS ini rakyat Taiwan dan dia telah disenaraihitamkan di negaranya. Akan tetapi sampai ke negara kita, dia dapat pula data peribadi yang

hebat, lahir di Ipoh kalau tidak silap. Sedangkan datanya yang sebenar Australia pun *blacklist* dia. Mengapa pula boleh menjadi warganegara kita?

Jadi, ini merupakan penipuan peribadi dan sekali gus ia terus menguasai syarikat memproses data peribadi di negara kita. Jikalau saya tidak silap pemprosesan dalam datanya berjuta rakyat di negara ini yang telah dia proses datanya dan dibeli oleh bank seperti Maybank, CIMB Bank dan Bank Negara pun beli datanya. Jadi, amat tidak masuk akal kalau kita tidak berhentikan perkara-perkara sebegini sebab dengan adanya Akta Perlindungan Data Peribadi ini, maklumat-maklumat yang kita transaksi boleh dilindungi secara selamat dan boleh dilayari secara tidak terbuka. Data manusia ini kalau diputar belit, dimanipulasi dan ditukar dengan pelbagai cara akhirnya yang betul pun jadi tidak betul.

Jadi, ini antara lain mengapa saya menunggu akta ini dan berharap Menteri kalau boleh menggunakan satu agensi dan saya nampak agensi yang sedia ada iaitu Jabatan Insolvensi Negara ini diperbadankan dan diperhebat rangkaiannya dan kita boleh guna pakai sebagai satu pemproses data rasmi kerajaan apabila ada peniaga luar datang kita bekalkan apa yang data dikehendaki. Jangan lagi kita banyakkkan pemprosesan data seperti cendawan tumbuh tetapi akhirnya mereka mengenakan bayaran yang banyak. Kita sudah pun bayar hutang hendak *trace* nama kita dia proses kenakan RM50, hendak lepaskan nama kita daripada rangkaiannya kena bayar RM250 ringgit. Jadi, ini memang mendatangkan mudarat bagi rakyat kita khususnya yang meniaga kecil-kecilan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong penuh Akta Perlindungan Data Peribadi ini dapat kita adakan pada hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:
Yang Berhormat Segambut.

5.19 ptg.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang mengalu-alukan rang undang-undang ini. Seperti yang disebutkan oleh Menteri tadi terdapat 40 buah negara yang mengadakan rang undang-undang seperti itu dan Menteri juga mengatakan bahawa rang undang-undang ini berdasarkan kepada piawaian antarabangsa.

■1720

Walau bagaimanapun, seperti akta-akta yang lain di Malaysia, rang undang-undang ini mengandungi terlalu banyak kelemahan. Umpamanya pada klausa 45 – Pengecualian, rang undang-undang ini. Menteri kata rang ini berdasarkan kepada piawaian antarabangsa tetapi saya ingin menunjukkan di bawah EU Directives. EU Directives mempunyai satu akta yang seperti rang undang-undang ini. *As exemption*, EU Directives itu hanya kepada tiga, iaitu pengecualian, dengan izin Tuan Yang di-Pertua:

- (i) *public security*,
- (ii) *defence and state security*; dan
- (iii) *criminal related matters*.

Akan tetapi memandang kepada rang ini, ia daripada klausa 45, terdapat sub klausa (1), (2). Selepas itu ada sub sub-klausa (b), (c) sehingga (f). Terlalu luas. *It is too general*. Jadi, saya harap Menteri dapat mengubah sekali rang ini terutamanya pada klausa 45 dan *limit it to only three exemptions* seperti yang diwajibkan oleh EU.

Pada klausa yang ke-2 iaitu Pemakaian, rang undang-undang ini. Pada klausa 2(b), terdapat satu perkataan, ia kata "*mana-mana orang yang mempunyai kawalan terhadap atau membenarkan pemprosesan, apa-apa data peribadi berkenaan dengan transaksi komersial*". Saya rasa pelik kenapa hendak *limit it to* transaksi komersial. Jadi, saya cadangkan perkataan bermula daripada "*...berkenaan dengan transaksi komersial.*", itu diambil keluar.

Lagi satu kelemahan dalam rang undang-undang ini yang saya dapati paling serius iaitu dalam klausa 3. Klausa 3 mengatakan, "*Akta ini tidaklah terpakai bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.*" Kalau tidak silap saya, Kerajaan Persekutuan adalah *data collector* yang terbesar di negara ini. Jadi, kenapa rang undang-undang ini tidak boleh dipakai terhadap Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri? Jadi, saya cadangkan klausa 3 ini diambil keluar. [Disampuk] Ya. Mana ada gerenti kalau Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri, ia menyalahgunakan data-data yang dikutip olehnya terhadap seseorang individu. Tiada gerenti! Jadi, saya rasa adalah adil untuk rang undang-undang ini boleh dipakai oleh semua individu, syarikat atau kerajaan.

Mengenai membayar *fee* dalam klausa 30, ia mengatakan bahawa sesiapa individu atau peminta yang hendak diberitahu oleh seorang pengguna data, peminta itu kena membayar *fee*. Saya rasa bayaran *fee* mesti dikecualikan terhadap individu di mana data peribadinya telah diambil dan dia sendiri yang hendak minta, yang hendak pohon atau proses pengutipan peribadinya atau kegunaannya. Peminta itu mesti dikecualikan dari membayar *fee*. Itu cadangan saya pada klausa 30.

Pada klausa 38 - Penarikan balik persetujuan untuk memproses data peribadi. Ia mengatakan, "*Seseorang subjek data boleh melalui notis bertulis menarik balik persetujuannya terhadap pemprosesan data peribadi yang berkenaan dengannya dia merupakan subjek data*". Akan tetapi, dalam klausa 38, ia tidak kata mana pihak yang menerima notis daripada peminta itu hendak berhenti memproses data peribadi peminta itu. Dalam klausa 38 tidak diberikan *timeframe*.

Jadi, saya cadangkan di klausa 38(2) selepas perkataan "*Pengguna data itu hendaklah...*", tambah perkataan ini "*...selepas 24 jam daripada penerimaan notis (after 24 hours of receiving the notice)...*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*...pihak itu mesti berhenti memproses data peribadi itu*". Kalau tidak ada *timeframe* diberi, pihak yang berkenaan boleh sengaja melengah-lengahkan atau tunggu sampai tidak tahu bila untuk menghentikan proses data peribadi itu dan juga ia akan di *subject to be abused*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Dalam klausa 41 – Pengumpulan data peribadi secara berulang dalam hal keadaan yang sama. Secara ringkas ia kata, kalau kumpul data peribadi orang yang tertentu untuk kali yang kedua tidak patut melalui proses yang ditetapkan dalam rang undang-undang ini. Jadi, saya rasa ini memang tidak munasabah. Saya percaya pengumpulan data peribadi seseorang itu pada kali pertama atau kedua atau ketiga, harus melalui proses yang sama. Ini adalah adil dan ini juga akan menjamin pihak yang mengutip data peribadi itu tidak akan menyalahgunakan. Jadi, saya cadangkan klausa 41 diambil keluar.

Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor [Putrajaya]: Dibatalkan. Dimansuhkan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Dibatalkan. Dimansuhkan. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Dalam klausa 46, klausa 49, klausa 50, klausa 54, klausa 55, klausa 57, klausa 59 dan klausa 60.

■1730

Dalam klausa-klausa yang saya sebutkan tadi, saya cadangkan perkataan Menteri itu diganti oleh Parlimen.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Ini kerana dalam rang undang-undang ini, *commission* atau ahli-ahli *commissioner* dengan izin atau *Advisory Committee* dan *Appeal Tribunal* di bawah rang undang-undang ini adalah di *control* oleh Menteri. Dia tidak disubjek di bawah Parlimen. Jadi saya rasa Dewan Rakyat ini adalah badan yang tertinggi di negara ini adalah patut semua *commission, commissioner, Advisory Committee* atau *Appeal Tribunal* mesti diletak di bawah Parlimen dan bukanlah di bawah *control* Menteri. Jadi sekali lagi saya cadangkan perkataan Menteri di klausa-klausa yang tadi saya sebut digantikan oleh perkataan Parlimen.

Dalam klausa 52 disebut, "*Pinjaman dan wang pendahuluan kepada pegawai dan pekhidmat...*" Saya rasa amat *confuse*. Adakah pesuruhjaya yang ditubuhkan di bawah rang undang-undang ini kakitangannya atau ahli-ahli pesuruhjaya ini adalah pegawai ataupun kakitangan kerajaan? Saya rasa bukan. Jadi kalau mereka bukanlah agensi kerajaan, bagaimana kerajaan boleh memberi pinjaman atau wang pendahuluan? Oleh itu, saya cadangkan klausa 52 dibatalkan. Betullah dibatalkan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Dimansuh.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Dimansuhkan. Di klausa 45 ia memberi Menteri satu kuasa yang sungguh besar. Disebut dalam klausa 46(1), Menteri boleh, atas syor pesuruhjaya mengecualikan pemakaian mana-mana Prinsip Perlindungan Data Peribadi di bawah rang undang-undang ini. Ini tidak patut. Jadi sekali lagi saya mencadangkan perkataan Menteri itu digantikan oleh Parlimen.

Seorang Ahli: Dewan Rakyat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Dewan Rakyat. Ini kerana di bawah EU *directive*, pengecualiannya saya ulang sekali lagi hanya ada tiga bidang iaitu:-

- (i) *Public security;*
- (ii) *defense and state security;* dan
- (iii) *criminal related matters.*

Kalau klausa 46 ini diizinkan, maksudnya Menteri pada bila-bila masa boleh mengubah rang undang-undang ini. Ikut suka hati beliau. Dalam klausa 102, sekali lagi dalam klausa ini ia tidak diberi satu *timeframe*. Disebut di sini, jika Pesuruhjaya telah menyelesaikan suatu pemeriksaan, dia hendaklah mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa yang difikirkannya patut memaklumkan pengguna data yang berkaitan atau golongan pengguna data yang dalamnya mengenai keputusan pemeriksaan itu, apa-apa syor dan sebagainya. Di sini perkataan yang diguna pakai ialah 'pada bila-bila masa'. Bilanya adalah bila-bila masa? *When is* bila-bila masa dengan izin Tuan Yang di-Pertua? Jadi saya cadangkan tujuh hari *from date of inspection* ditambah dalam klausa ini. Dia memberi pesuruhjaya tujuh hari daripada tarikh pemeriksaan supaya boleh memaklumkan seperti (a),(b) dan (c) dalam klausa ini.

Akhirnya, terdapat satu lagi klausa yang saya rasa juga serius iaitu klausa 99(2) yang mengatakan keputusan Tribunal Rayuan adalah muktamad dan

mengikat pihak-pihak kepada rayuan itu. Kalau ada akta, selalu kata keputusan ini adalah muktamad, apa gunanya kami ada mahkamah? Betul atau tidak? Jadi saya rasa klausa 99 ini mesti diubahsuai kepada segala keputusan Tribunal Rayuan ini boleh lagi dirayu di Mahkamah Persekutuan. Itu sahaja ucapan saya mengenai rang undang-undang ini dan saya harap semua Ahli Yang Berhormat di Dewan Rakyat ini menyokong apa yang saya cadangkan. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batang Sadong.

5.37 ptg.

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan rang undang-undang ini. Pertama sekali ingin saya nyatakan di sini saya amat berasa bangga kali ini kita akhirnya dapat menghasilkan satu rang undang-undang melindungi data peribadi supaya data peribadi kita tidak lagi dimanipulasi oleh orang-orang ataupun agensi-agensi yang tidak bertanggungjawab.

Saya turut menyokong kerana dari rang undang-undang ini kita dapati dipastikan maklumat yang dibekalkan hendaklah betul, lengkap, terkini dan tidak mengelirukan. Ia membolehkan kita sebagai subjek data untuk mengambil tindakan ke atas data yang disimpan mengenai kita sendiri dan di sini kita diberi peluang untuk melihat sendiri apa yang dimasukkan dalam data tersebut supaya ianya tidak mengelirukan dan yang saya amat menyokong juga ialah ianya boleh membantu kita mengawal maklumat yang dimasukkan oleh pihak yang berkenaan dan kalau sekiranya terdapat kekeliruan dalam maklumat yang diberi, ia boleh menjadi satu kesalahan jenayah.

Akan tetapi di sini saya ingin menyuarakan sedikit kerisauan saya dalam perkara seperti ini. Biasanya kalau kita memperkenalkan undang-undang, biasanya ia cantik di atas kertas sahaja tetapi dari segi pelaksanaan ianya selalu menyukarkan kita. Jadi di sini saya ingin mengingatkan sama-sama kita dalam kerajaan ini kalau kita hendak memperkenalkan sesuatu, kita pastikan mekanismenya. Misalnya saya mengambil contoh seksyen 31(1) di mana ia memberi pengguna data tidak lewat dari 21 hari dari tarikh penerimaan permintaan untuk mengakses data. Adakah kita betul-betul bersedia? Kalau kita telah mengadakan satu undang-undang dan pelaksanaannya kita tidak betul-betul bersedia untuk membekalkan data tersebut, ia menjadi satu masalah kepada kita dipihak agensi yang akan melaksanakannya.

Jadi banyak lagi perkara lain yang ditegur oleh rakan kita dipihak sebelah sana tadi mengenai beberapa peruntukan. Mungkin ianya boleh dilihat dan dikaji semula sebelum kita meluluskannya supaya kita dapat memastikan yang rang undang-undang ini betul-betul boleh membantu kita.

■1740

Saya juga merasa bangga kerana undang-undang ini diperkenalkan bukan sahaja diperkenalkan di Malaysia ini. Di Malaysia ini kita merupakan satu negara yang pertama di negara Asian sealiran dengan negara-negara maju yang lain yang turut mempunyai kesedaran dalam memastikan perkara seperti ini diambil perhatian. Ini kerana kalau kita perhatikan dalam masa kita seharian, secara

peribadi saya juga telah mengalami beberapa pengalaman yang tidak begitu manis melalui telefon, melalui SMS di mana ada pihak-pihak yang tertentu telah mengetahui banyak maklumat mengenai kita untuk meminta kita melibatkan diri di dalam pelaburan yang tidak diberi kebenaran oleh kerajaan ataupun pelaburan yang tidak sah dari segi undang-undang dan mereka mendapat maklumat kita entah tidak tahu daripada mana.

Jadi kalaulah undang-undang ini diluluskan, sekurang-kurangnya kita secara peribadi boleh mengambil tindakan di mana sebelum ini kita tidak mempunyai peluang untuk mengambil tindakan dan sebelum ini juga kita tidak ada ruang untuk bertindak. Jadi saya berharap dengan adanya undang-undang ini sebelum kita melaksanakannya, kita dengar apakah yang dikatakan dan dikritik oleh rakan-rakan kita untuk kita menguatkan lagi pelaksanaan undang-undang ini dan untuk mencadangkan juga kepada pihak-pihak yang melaksanakan undang-undang ini untuk melihat kembali, mengkaji kembali supaya apabila kita nak *to enforce*, untuk *enforce* dengan izin undang-undang ini, kita dapat menyatukan apa yang telah dikomen di sini dengan sistem pelaksanaan yang kita kehendaki. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja.

4.42 ptg.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidaklah banyak hendak berbahas mengenai perkara ini tetapi walau bagaimanapun saya rasa saya mengalu-alukan juga Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi ini. Saya ingin mengatakan bahawa di sini, melihat kepada prinsip-prinsipnya, maka nampak begitu jelas prinsipnya mengenai bagaimana penzahirannya, keselamatannya dan sebagainya. Namun dalam di bawah prinsip penyimpanan itu, data peribadi yang diproses itu tidak disebut lama mana boleh disimpan dan saya juga tidak jelas di sini misalnya data-data peribadi yang diisi misal dalam borang-borang permohonan tertentu, malah sekarang ini misalnya borang-borang pertandingan seperti Petronas dan sebagainya. Semua itu adalah data-data peribadi.

Seperti juga YB daripada Batang Sadong tadi, saya juga telah menerima banyak panggilan-panggilan telefon dan saya tidak tahu sama ada panggilan-panggilan telefon yang tidak diundang ini daripada pihak-pihak yang tidak diundang ini oleh kerana kita tidak memberi kebenaran kepada mereka untuk mengakses data kita, daripada mana kita tidak tahu. Sama ada mereka-mereka ini boleh diambil tindakan. Sekiranya pengguna-pengguna data peribadi ini yang mereka mungkin belinya daripada pihak-pihak yang tertentu tidak diambil tindakan. Makna kita tidak ada ruang untuk membuat laporan misalnya kita mendapat panggilan daripada syarikat-syarikat tertentu yang telah menawarkan kita perkara-perkara tertentu. Persoalannya di mana mereka mendapat data ini.

Sekiranya kita tidak memberi kebenaran, di mana mereka mendapat sumber ini. Adakah boleh rang undang-undang ini mengambil tindakan ke atas pihak-pihak tersebut kerana kita tidak pernah memberi kebenaran kepada pihak-pihak tertentu untuk menjual ataupun memberikan maklumat kita kepada orang lain untuk tujuan-tujuan lain.

Saya juga ingin bertanya sama ada setelah rang undang-undang ini diluluskan di Parlimen ini, apakah tindakan yang boleh dibuat terhadap CTOS misalnya. Mereka mengaku yang mereka sebenarnya tidak menyenaraihitamkan

sesiapa tetapi mereka memberi *lead information* ataupun maklumat dahulu kepada pihak-pihak peminjam untuk membuat kesimpulan atau membuat keputusan sendiri sama ada seseorang itu seorang yang *good pay master* ataupun boleh diberi pinjaman dan sebagainya.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Penjelasan Yang Berhormat Kota Raja. Saya gembira kerana Yang Berhormat menimbulkan soal CTOS dan kita dengar Yang Berhormat Kinabatangan juga amat marah kepada CTOS kerana telah menjual, menyalahgunakan data-data peribadi dan mengaitkan tuan punya CTOS ini dengan seorang warga Taiwan.

Jadi Yang Berhormat Kota Raja, kalau CTOS itu kita sudah begitu bimbang, kalau hubungan CTOS dengan Taiwan sebagai warganegara pun kita begitu marah, bagaimana kalau sebuah syarikat seperti APCO yang mana ada kaitan dengan zionis, yang mana ianya bukan sahaja maklumat peribadi yang diperniagakan tetapi maklumat strategik negara dijadikan bahan yang kita lepaskan secara mudah kepada syarikat asing, ada hubungan jelas dengan zionis Israel bernama APCO itu. Terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya kira apa pun jenis maklumat. Kalau maklumat peribadi pun kita sudah merasa tidak selamat dan tidak *secure*, apatah lagi maklumat-maklumat strategik mengenai negara kita kepada mana-mana syarikat yang berada di luar negara dan bertindak sebagai penasihat kepada kerajaan kita. Saya kira saya sebagai rakyat Malaysia tentulah kurang yakin dengan syarikat tersebut.

Balik kepada CTOS, saya juga ingin menyebut di sini bahawa CTOS juga sebenarnya menerima maklumat-maklumat daripada pihak-pihak tertentu. Contohnya saya nak beri ini adalah satu contoh betul menteri. Apabila badan-badan pengurusan flat ataupun harta berstrata, apartmen-apartmen telah memberi nama-nama penghuni-penghuni, pemilik-pemilik unit rumah itu yang tidak membayar yuran *maintenance* mereka, tidak membayar *sinking fund* mereka kepada pihak pengurusan, nama mereka telah diberi kepada pihak CTOS. Akhirnya mereka-mereka ini yang daripada golongan berpendapatan sederhana tidak boleh membuat apa-apa pinjaman hatta membuat pinjaman kereta sekalipun dan saya boleh beri maklumat ini kepada Menteri kerana ia berlaku di dalam kawasan saya sendiri.

Jadi, beratus-ratus orang pemilik rumah yang oleh kerana sebab tertentu mereka tidak dapat melangsaikan yuran *maintenance* telah disenaraihitamkan, dimasukkan ke dalam CTOS. Akibatnya mereka tidak dapat pinjaman-pinjaman lain. Walaupun setelah mereka menyelesaikannya secara sekali gus, nama mereka masih ada di situ. Ini adalah pemangsaan bagi saya bagi tahap yang paling tidak berperikemanusiaan kerana kita tidak boleh mengaitkan satu kegagalan membayar hutang kepada satu pihak yang lain kepada pihak yang berniaga pihak yang lain pula kerana ini menyebabkan maknanya lepas itu mangsa-mangsa ini langsung tidak boleh bergerak dan oleh kerana mereka tidak boleh meminjam di tempat-tempat yang berlesen, yang sah, maka mereka akan beralih kepada ah long sekiranya mereka bertemu dengan kesusahan kewangan.

Seperkara lagi yang saya juga risau seperti YB Batang Sadong adalah pelaksanaannya. Sejauh manakah kerana di sini disebut bahawa sekiranya data peribadi seseorang itu hendak digunakan, maka perlu diambil kebenarannya sebelum digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu. Jadi sejauh manakah sebab kita tidak tahu siapa yang ada data peribadi kita ini. Jadi bagaimanakah pelaksanaannya? Saya takut juga ianya menjadi seperti rang undang-undang yang lain, akta-akta yang lain. Di atas kertas sahaja cantik, nampak seperti

melindungi kita tetapi akhirnya tetap tidak boleh dilaksanakan. Apa guna kita mengadakan satu undang-undang tetapi tidak boleh dilaksanakan. Bukan ini satu-satunya, banyak lagi undang-undang. Semenjak dua tahun dalam Parlimen ini, saya nampak terlalu banyak, tidak ada keselarasan daripada satu jabatan ke satu jabatan yang lain. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

■1750

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Belud.

5.50 ptg.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya masuk ke ucapan saya, saya ingin memberi komen sedikit tentang keghairahan pihak pembangkang untuk mengaitkan apa sahaja yang kita bincangkan hari ini dan hari-hari sebelum ini terhadap APCO.

Ini saya rasa cukuplah, saya faham Hulu Selangor pilihan raya kecil akan berlaku dan apabila ucapan-ucapan pihak pembangkang ada di sini nanti dicetak dalam CD dan akan diedarkan dalam Hulu Selangor, saya pun faham. Akan tetapi takkanlah Yang Berhormat kawan-kawan di sebelah sana, takkanlah kerajaan ini bodoh sangat untuk memberi data-data strategik kerajaan, pertahanan, *come on*. Ini adalah satu tuduhan yang terlalu *low* lah. *Don't stoop too low*. Jadi setiap kali dikatakan kerajaan mahu memberi tahu kepada pihak APCO satu firma komunikasi tentang kekuatan tentera kita. Ini *below the belt*.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma a beberapa perkara yang ingin...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Pohon penjelasan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Sila.

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Untuk memberi dan menanya soalan ringkas daripada Yang Berhormat Kota Belud. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pertahanan mendedahkan bahawa ada pegawai kementerian dan cara pendedahannya seorang pegawai tentera telah menjual rahsia ketenteraan negara kepada seorang duta ataupun wakil diplomat negara asing. Itu pengumuman daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Selepas Mesyuarat Kabinet, Yang Berhormat Menteri tidak menafikan berita tersebut kecualilah menyatakan bahawa Kabinet mempunyai keputusan yang lain sedikit daripada cadangan awal Yang Berhormat Menteri Pertahanan tersebut. Jadi, penjualan, pendedahan, pengedaran, pembocoran rahsia negara ini, rahsia ketenteraan ini berlaku sama ada secara terbuka ataupun secara yang tidak sebegitu oleh negara kita.

Jadi saya fikir tidak ada apa yang boleh kita anggap sebagai *below the belt* ataupun *stooping too low* dengan izin berlandaskan kepada apa yang kita lihat yang berlaku dalam negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat Kota Belud, terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai banyak undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Kebocoran, permasalahan tetap ada. Akan tetapi untuk memberi satu gambaran bahawa kita mahu menjual, kerajaan mahu menjual segala jenis keselamatan, data-data sensitif kerajaan secara sengaja kepada APCO itu seperti mana yang mahu digembar-gemburkan dibayangkan oleh rakan-rakan saya di pihak pembangkang, itu tidak betul.

Kalaupun ada sesuatu kebocoran berlaku, undang-undang akan dikuatkuasakan. Ini perkara biasa. Di dalam dunia ini semua kita mempunyai masalah. Kita ada undang-undang yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pun memang ada masalah. Akan tetapi untuk *blanket accusation statement* yang mengatakan bahawa kita akan menyerahkan bulat-bulat *sovereignty of this country* kepada satu firma komunikasi itu yang saya katakan agak tidak begitu tepat, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada rang undang-undang ini. Saya bersetuju dengan rakan-rakan yang lain banyak perkara telah terlalu lama kita biarkan berhubung kait dengan kebocoran data-data peribadi ini dan saya amat gembira kepada Menteri yang bertanggungjawab telah pun mengemukakan rang undang-undang ini. Sebenarnya di bawah kawal selia kementerian Menteri sendiri, banyak perkara yang masih boleh diperkemasakan terutamanya tentang Telco ini iaitu di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri sendiri.

Saya ingin bertanya apakah di dalam rang undang-undang ini juga akan meliputi data-data ataupun maklumat-maklumat yang siarkan ataupun ditransaksikan melalui SMS, MMS, *video call* dan sebagainya. Saya masih sampai sekarang belum jelas apakah syarikat-syarikat telekomunikasi ini akan menyimpan SMS, MMS, *video call*, data transaksi, di dalam *server-server* mereka. Siapakah yang mempunyai akses kepada perkara-perkara SMS dan MMS ini dan bagaimana caranya kerajaan dapat memastikan bahawa SMS, MMS, *video call*, data *call* dan sebagainya ini dapat dilindungi melalui rang undang-undang ini. Begitu juga dengan *mobile number portability* Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa tahun yang lepas kita telah menukar sistem telekomunikasi ini kita ini kepada *mobile number portability*. Kalau dahulu kita mempunyai nombor 016,019 dan 012, untuk kita berubah kepada syarikat telekomunikasi yang lain. Kita tidak boleh menyimpan nombor kita. Akan tetapi oleh kerana ada *mobile number portability* ini, kita boleh mengubah nombor 012,019,017 dan mengekalkan nombor itu walaupun kita berubah kepada syarikat telekomunikasi yang lain.

Akan tetapi permasalahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah apabila ini berlaku, apa yang terjadi ialah syarikat swasta yang dilantik untuk mengendalikan *mobile number portability* ini adalah syarikat swasta. Segala telefon, *data line*, MMS, SMS dan sebagainya akan melalui satu *server* yang dipantau oleh syarikat yang mengendalikan *mobile number portability*.

Ini di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri. Jadi mungkin boleh diperjelaskan apakah syarikat swasta seperti, saya lupa nama syarikat yang telah diberi kontrak untuk mengendalikan *mobile number portability* ini. Apakah mereka ini dipantau oleh kementerian kerana maklumat yang berada di dalam tangan mereka itu begitu penting sekali. Kalau Yang Berhormat Menteri telefon kepada Perdana Menteri, saya percaya Yang Berhormat Menteri akan melalui proses ini juga. Saya tidak tahu sama ada mereka mempunyai akses kepada panggilan telefon dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan bank. Selama ini kita dapat, ini pengalaman peribadi saya Tuan Yang di-Pertua.

Pada satu hari saya pergi ke bank saya dan saya berurusan perkara yang biasa iaitu order *new cheque book*. Soalan yang ditanya oleh pegawai bank di kaunter itu ialah dia bertanya kepada saya kenapa saya tidak membeli *instrument-instrument* pelaburan bank tersebut. Saya tanya kenapa saya ditanya perkara ini sebab dia mengatakan bahawa saya mempunyai wang di dalam akaun itu dan pegawai tersebut telah menyatakan jumlah wang yang ada dalam akaun saya dan

beliau mengatakan bahawa beliau mahu saya melabur di dalam *instrument-instrument* pelaburan bank tersebut.

Saya mempunyai permasalahan kerana kalau mereka boleh sampai ke tahap boleh fokus kepada individu-individu dan mampu menggunakan data yang telah diperoleh dalam komputer mereka itu, ini satu perkara yang amat serius. Malah saya tidak pasti di dalam peruntukan rang undang-undang ini, apakah kalau ada satu bank berkongsi maklumat dengan anak syarikat mereka yang terlibat dalam pelaburan.

Tadi kita bercakap tentang satu pihak lain menjual data kepada pihak yang lain. Akan tetapi kalau sebuah bank contohnya menjual maklumat-maklumat pelanggan mereka kepada anak syarikat bank tersebut yang terlibat dalam skim-skim pelaburan ini, apakah ini juga boleh dikategorikan sebagai data yang perlu dilindungi? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada perkara sebegini boleh dimasukkan dalam rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada seksyen 106(3).

Saya berterima kasih di dalam peruntukan dalam 106(3), ini aduan boleh dibuat kepada pesuruhjaya dan pesuruhjaya mesti memberi alasan sama ada aduan dibuat oleh subjek terhadap manipulasi data peribadi beliau. Penjelasan mesti dibuat oleh pesuruhjaya sama ada kalau ditolak aduan itu, mesti dijawab dalam 30 hari. Saya berterima kasih. Ini ada satu perkara yang cukup baik.

■1800

Cuma saya ingin bertanya kepada Menteri kenapa tidak ditambah juga peruntukan yang mengehadkan limit ataupun memberi satu limit had kepada pesuruhjaya untuk membuat penyiasatan. Contohnya aduan dibuat hari ini, pesuruhjaya sepatutnya diberi masa yang jelas seminggu, dua minggu, sebulan, dua bulan untuk menyiasat aduan tersebut. Peruntukan ini saya rasa tidak wujud dalam seksyen 106 ini. Apa yang ada ialah kalau ada aduan dibuat oleh subjek yang mengatakan data peribadi mereka ini di manipulasi, pesuruhjaya mengatakan akan menggurakan aduan atau meneruskan aduan ini dalam tempoh 30 hari. Akan tetapi bila aduan ini disiasat, tidak diperuntukkan dalam rang undang-undang ini.

Terakhirnya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju kalau kita boleh katakan maklumat-maklumat yang diperoleh secara tidak sah, maklumat-maklumat peribadi yang diperoleh secara tidak sah, tidak boleh diguna pakai di dalam sistem mahkamah ataupun pertuduhan-pertuduhan. Kalau dibuktikan bahawa maklumat itu diperoleh secara tidak sah melalui peruntukan yang ada dalam rang undang-undang ini, maklumat-maklumat itu tidak boleh diguna pakai di dalam mahkamah. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri memperjelaskan kemudian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Kawan.

6.03 ptg.

Prof. Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa komen mengenai Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009. Saya juga berpandangan bahawa rang undang-undang ini sangat diperlukan untuk masyarakat kita, cuma malangnya lambat sikit, itu sahaja. Isu pokoknya ialah apa yang merupakan data peribadi yang dibenarkan? Apa

yang tidak dibenarkan? Saya rasa inilah soalan kepada Menteri, *what is the permissible and what is not permissible?*

Bagaimana saya bagi data seperti nama, IC *number* dan mungkin item-item lain kepada seseorang. Jadi perkara ini harus diperhalusi, kalau tidak – ini macam *blanket*, apa itu boleh dibenarkan dan yang tidak dibenarkan. Apa yang saya bimbangkan ialah pengecualian iaitu Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri-negeri di mana rang undang-undang ini tidak boleh digunakan. Saya bimbang sebab apa yang dipegang oleh Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri-negeri ini bukanlah – boleh dibocorkan.

Kita juga di Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini, banyak aspek yang kita bincang dan kemudian dibocorkan pada hari yang kedua. So, bagaimana kalau kita bagi pengecualian ini kepada Kerajaan Persekutuan walaupun saya rasa ada rasionalnya dan juga kerajaan negeri ini bagaimana kita akan memberi perlindungan dan siapa akan bertanggungjawab? Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Belud tadi, pernah berlaku juga misalnya bank-bank, saya juga ada satu pengalaman di bank, saya tidak ambil *loan* tetapi dia tanya, “kenapa *you* tidak ambil *loan* lagi?” saya kata “bagaimana *you* tahu?” dia kata “memang kita ada semua data ini.”

Ini yang menakutkan, kemudian klausa 45(1) pengecualian tentang isu dari segi jenayah, dari segi *prosecution* dan juga cukai. Ini dikecualikan dan saya sebenarnya bukan mengkritik itu, saya rasa mana-mana rang undang-undang yang memberi perlindungan ke atas data peribadi ini, memang mesti ada pengecualian. Akan tetapi kalau kita tidak ada satu cara, bagaimana kita memperketat kandungan dan juga maklumat. Saya rasa mungkin rang undang-undang ini tidak begitu efektif dan apatah lagi dalam zaman internet ini, informasi memang dapat dikembangkan dan disalurkan secara mudah sekali,.

Kemudian Klausa 10(1) ialah *retention principle*. *Retention principle* ini ialah penyimpanan maklumat ini sangat kabur. Dalam klausa itu tidak ada – berapa lama maklumat ini akan disimpan dan bila maklumat ini akan dihapuskan. Agensi mana yang bertanggungjawab untuk menghapuskan data ini? Selain daripada bahagian bahasa Inggeris ini ialah bahagian *grammar* bahasa Inggeris seperti soalan-soalan dalam bahasa Inggeris pagi ini, ada banyak masalah bahasa Inggeris yang saya telah sampaikan kepada Menteri.

Kita melihat dari segi – misalnya kita ambil Klausa 99, mungkin ini terjemahan bahasa Melayu ke bahasa Inggeris, klausa 99(1) - *The decision if the Appeal Tribunal on any matter shall be decided on a majority of members of the Appeal “by” the majority* bukan “on”. Inilah satu contoh, ini perlu diteliti supaya kita tidak jadi *laughing stock* seperti mana dalam bahasa Inggeris terjemahan daripada bahasa Melayu, banyak masalah. Ini akan mencerminkan kewibawaan Parlimen kita ini.

Jadi selain daripada isu-isu yang saya bangkitkan tadi Tuan Yang di-Pertua, isu kuasa Menteri, kuasa *commissioner*. Ini merupakan satu standard pada semua rang undang-undang di mana saya rasa hampir-hampir Menteri mempunyai kuasa mutlak dan di mana Parlimen ini memang tidak begitu berkuasa melihat kuasa Menteri. Jadi saya sebenarnya memang menyokong rang undang-undang ini dan seperti mana yang saya sebutkan tadi, pelaksanaannya agak lambat sedikit. Walau bagaimanapun saya rasa kita perlu tapi memang saya rasa rang undang-undang ini perlu diperhalusi dan kita perlu satu rang undang-undang yang lebih tepat, contohnya apa yang merupakan data yang mesti diberi perlindungan, apa yang tidak. Kemudiannya isu pengecualian ini, ini juga akan

mempersoalkan tentang rang undang-undang ini dan bagaimana rang undang-undang ini akan mempertahankan hal-hal peribadi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah komen-komen saya, memang ringkas tapi saya memang sokong rang undang-undang ini, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kubang Kerian.

6.08 ptg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Data ini dan saya pun tidak akan mengambil masa yang panjang untuk mengambil bahagian. Cuma sebagai mana rakan-rakan yang lain, kita secara objektif dan rasional kita boleh bersetuju dengan wujudnya rang undang-undang ini bagi memberikan perlindungan kepada data peribadi yang semestinya dipelihara kerana manusia juga sebagai mana makhluk Allah SWT yang lain perlu dijaga integriti supaya tidak diceroboh dan diperdayakan oleh mana-mana anasir dan unsur-unsur yang boleh memberikan mudarat kepada manusia dan tamadun manusia itu sendiri.

■1810

Untuk itu kita tidak ada masalah untuk memberikan dukungan dan sokongan kepada kelulusan rang undang-undang ini. Cuma, agak terkilan dengan pandangan daripada Yang Berhormat Kota Belud tadi yang menyatakan bahawa seolah-olahnya kita tidak peka dan kita tidak prihatin dan mengatakan dengan menggunakan istilah '*below the belt*', kita memberikan komentar ikhlas kita tentang bagaimana sesuatu data maklumat itu mesti dipelihara.

Sedangkan kita bersetuju data yang berbentuk peribadi ini mestilah kita pelihara. Apatah lagi maklumat itu berkaitan dan bersangkutan dengan keselamatan negara. Maka, inilah sudah pasti kita amat peka supaya bukan sekadar manusia yang berada di negara Malaysia ini, tetapi negara itu sendiri juga mestilah dipelihara akan data-data dan segala maklumatnya. Mungkin Yang Berhormat Kota Belud perlu lebih arif tentang perkembangan politik antarabangsa yang kita menyaksikan bagaimana sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan saya daripada Tumpat tadi, bahawa maklumat-maklumat itu bukannya datang daripada sebelah sini, tetapi didedahkan ataupun diperbincangkan dalam Kabinet, dalam ucapan Menteri sendiri tentang terdedahnya negara kita kepada pembelian ataupun pengintipan ataupun pembocoran rahsia-rahsia negara ini.

Skandal Watergate sebagai contoh, Cuba misalnya, krisis sebagai contoh. Kemudian, apabila kita membaca banyak artikel dalam perbincangan para-para diplomat atau perbincangan-perbincangan kerahsiaan di peringkat *intelligent* pra jatuhnya ataupun tumbangannya ataupun robohnya tembok Berlin sebagai contohnya. Ini bukan suatu perkara yang asing bagi mana-mana rahsia-rahsia negara itu boleh bocor ataupun boleh terlepas daripada pengetahuan negara-negara yang ingin mendapatkan maklumat-maklumat itu.

Dengan itu, saya mengharapkan supaya perkara ini menjadi perhatian bagi pihak kerajaan dan bukan hanya sekadar isu murahan yang kami tampilkan dalam Dewan yang mulia ini, sekadar untuk meraih kepentingan politik. Tidak guna kita menang atau pun kita tumpas dalam satu dua pilihan raya kecil, tetapi negara kita tergadai dalam jangka masa yang panjang. Itu moralnya apa yang kita bangkitkan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang data peribadi ini sebagaimana rakan-rakan yang lain, memang saya sendiri punya pengalaman peribadi bagaimana kadang-kadang dihubungi dengan telefon, dihubungi dengan e-mel. Bagaimana syarikat-syarikat sama ada syarikat-syarikat pelancongan, syarikat-syarikat kewangan, syarikat-syarikat automatif yang kita cukup terkejut memberikan kita peluang. Oleh kerana kita mempunyai atau dikatakan punya kelayakan ataupun dia boleh memberitahu kita, bahawa kita telah menjadi pelanggan yang baik kepada sebuah bank ataupun institusi kewangan, bagaimana mereka boleh mendapat ataupun akses kepada maklumat-maklumat seperti ini.

Maka dengan itu, saya sangat curiga. Dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Kinabatangan tentang isu CTOS dan seumpamanya. Bagaimana maklumat kita ini cukup mudah diperolehi oleh mana-mana badan ataupun institusi yang lain ini dengan kita sendiri tidak mengetahuinya, begitu jauh maklumat kita boleh diperolehi oleh mana-mana syarikat ataupun mana-mana institusi.

Jadi, kita mengharapkan supaya perkara ini dapat diatasi dengan wujudnya rang undang-undang ini. Keduanya, cuba kita lihat kepada sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan sebentar tadi tentang maklumat peribadi kita ini yang seawal dalam sekolah dahulu, semasa saya sekolah rendah dahulu ada kad 001, 002. Itu maklumat data peribadi murid sekolah rendah. Kemudian, di peringkat menengah. Kemudian, hari ini apabila kita belajar sampai ke peringkat universiti ataupun lebih tinggi daripada itu. Jadi kita ingin mendapatkan penjelasan, adakah maklumat-maklumat seperti ini juga dilindungi kerana prestasi kita, *performance* kita ataupun kegagalan kita itu boleh diakses oleh mana-mana pihak untuk tujuan mungkin untuk mereka menjadikan kita sebagai komoditi mereka, barang pasaran mereka.

Ini juga penting untuk kita perjelaskan. Ini saya sebutkan di sini kerana bukan menjadi satu rahsia lagi dan bukan menjadi satu isu lagi badan-badan mafia antarabangsa sebagai contoh telah menjadikan data peribadi ini sebagai barang dagangan mereka ini. Mereka boleh menjual kepada mana-mana pihak yang mahukan data peribadi juga. Demikian juga dalam negara kita, kita melihat kegiatan ah long atau pun kegiatan gengsterisme ini telah menjadi semakin penting dan berleluasa, di mana juga dalam aspek-aspek perniagaan yang mereka kemukakan, mereka juga ada kemukakan data maklumat yang mereka dapat tentang peribadi mereka.

Jadi, dengan itu kita mahukan juga suatu penjelasan daripada pihak kementerian sejauh mana data-data peribadi yang sepenting ini kita dapat menjaganya demi keselamatan setiap individu rakyat dalam negara kita. Demikian juga satu lagi aspek yang penting, yang termasuk dalam data peribadi ialah tentang maklumat kesihatan kita. Perdana Menteri, Menteri-menteri, kita sebagai Ahli Parlimen, pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan sesiapa juga, data-data peribadi ini termasuk kesihatan juga boleh diakses.

Kita tidak terkejut suatu waktu dahulu apabila sebuah hospital swasta, Pantai Holdings dijual kepada syarikat asing. Kemudian, syarikat asing mengambil alih hospital ini. Maka, sudah tentu maklumat-maklumat tentang data-data kesihatan ini akan juga terdedah kepada negara asing. Kita tentu maklum bahawa dalam menentukan pasaran saham pun, maklumat peribadi, kesihatan pemimpin dunia ini boleh menjadi faktor kepada naik atau turunnya harga pasaran saham.

Demikian juga kalau kita melihat secara holistik di mana maklumat peribadi tentang kesihatan ini juga menjadi suatu yang penting kepada mana-

mana agen pengintipan yang ingin mendapatkan satu gambaran yang jelas tentang tahap kesihatan pemimpin-pemimpin dalam negara kita. Maka, sebab itulah saya melihat adakah dengan terjualnya ataupun apabila sesebuah syarikat, hospital swasta ataupun syarikat-syarikat korporat di mana ada peruntukan yang menyatakan syarikat asing boleh mengambil alih syarikat tempatan ini dan bagaimana maklumat-maklumat yang melibatkan tentang data-data ini dijamin untuk tidak dieksploitasi ataupun dapat diakses oleh syarikat-syarikat asing ini.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua apabila kita melihat tentang seksyen 146 ini, saya juga melihat tentang bagaimana akta ini juga bertujuan untuk melantik seorang Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi. Demikian juga, sebagaimana saya melihat ini mungkin diambil contoh. Oleh kerana akta ini akta baru sebagaimana juga kita membahaskan tentang Akta SPRM dahulu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Negara, ada pula satu badan yang dinamakan Penasihat Perlindungan Data Peribadi ini saya mengharapkanlah mengambil iktibar dan pengajaran daripada badan-badan penasihat.

Sebagai contoh SPRM, saya sendiri menjadi anggotanya. Jadi, saya juga menyatakan tentang aspek *efficiency*nya, keberkesanannya badan-badan tersebut janganlah hanya sekadar ditubuhkan sekadar memenuhi kehendak rang undang-undang ini, tetapi mestilah berfungsi untuk mencari satu jalan penyelesaian terbaik terhadap perkara-perkara yang disebut ataupun dalam bidang kuasa yang diberikan kepada badan penasihat ini. Jadi sekadar itu sebagai mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1820

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin.

6.20 ptg.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kesungguhan pihak kerajaan membentangkan rang undang-undang yang sangat ditunggu-tunggu oleh orang ramai. Rang undang-undang ini bakal memberikan perlindungan kepada data peribadi dan kita dapat menentukan supaya tidak ada orang-orang yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan data peribadi persendirian.

Draf data peribadi ini telah dibuat pada tahun 2000 tetapi tidak dibentangkan kepada Parlimen kerana mempunyai beberapa kelemahan. Ia mengambil masa yang cukup lama sekali untuk dibentangkan. Jadi soalan saya, kenapakah kerajaan mengambil masa yang begitu lama untuk memperbetulkan kelemahan kerana sedikit sebanyak telah banyak *damage* yang telah berlaku terutamanya apa yang disebut oleh banyak daripada pembahas tadi tentang CTOS.

Seterusnya, 90 buah negara yang telah mengadakan aturan undang-undang yang serupa. Di Asia Pasifik sahaja, negara Hong Kong, Korea, Jepun dan Taiwan serta Macau telah pun mewujudkan rang undang-undang ini. Namun walaupun kita lambat, kita masih lagi belum terlambat kerana dalam kelompok Asian, Malaysia adalah negara yang pertama sekali mewujudkan rang undang-undang ini kalau diluluskan nanti. Singapura sebenarnya ada mempunyai undang-undang tetapi dia menggunakan kod sahaja tetapi tidak ada mempunyai undang-undang.

Seterusnya, rang undang-undang ini dianggap cukup komprehensif sekali dan dilihat pemakaiannya hanya untuk transaksi komersial sahaja. Kalau dilihat daripada bahagian dua, inilah peruntukan yang paling merupakan tulang belakang kepada akta ini. Ia mempunyai dua jenis data peribadi yang diproses sama ada melalui automatik iaitu melalui komputer ataupun melalui semi automatik dengan menggunakan manual. Namun, seharusnya ia tersusun dan undang-undang ini terpakai.

Seterusnya, ia telah memperincikan tentang hak subjek dan memastikan supaya pengguna data tidak menyalahgunakan data peribadi persendirian ini untuk tujuan-tujuan yang lain. Selain daripada pengguna data, dibenarkan untuk memproses melainkan dengan kebenaran dan seterusnya saya lihat daripada prinsip penzahiran. Semua pengguna data boleh memungut atau *collect* data-data peribadi dan tidak dibenarkan untuk menjual ataupun *disclose* kepada orang lain melainkan dengan keizinan subjek. Inilah sebenarnya yang menjadi topik perbincangan kita kerana kita yakin dan sebenarnya pihak-pihak bank, agensi-agensi yang telah menyalahgunakan data peribadi untuk dijual dan digunakan dengan berleluasa.

Seterusnya tentang prinsip keselamatan. Saya ingin membangkitkan satu persoalan. Sebenarnya, prinsip keselamatan ini adalah kita mahu mengelak ia daripada dicuri, terbakar ataupun hilang. Kepada organisasi yang mengumpul data ini, sekiranya ada kejadian sistem komputer mereka di *hack*, adakah kerajaan akan menyabitkan kepada pihak-pihak bank ini ataupun institusi kewangan kerana data-data peribadi daripada persendirian ini telah dapat kepada tangan orang lain.

Kesepuluh tadi, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan, sebenarnya perkara ini telah terjawab di mana semua pengguna data tidak boleh menyimpan data-data peribadi lebih lama daripada sepatutnya dan seseorang itu sudah berhenti dan data ini tidak digunakan, seharusnya data ini terus dimusnahkan.

Seterusnya, untuk prinsip integriti data. Entiti yang mengumpulkan data harus memastikan supaya data ini lengkap dan tidak mengelirukan dan seharusnya sentiasa dikemas kini. Keduanya, saya hendak membangkitkan tentang ada satu kejadian di mana satu penipuan berlaku. Tanah yang berharga sebanyak RM21 juta telah dipindah milik dan dicagarkan kepada bank. Hanya diketahui selepas tuan tanah tersebut membayar cukai. Didapati tanah tersebut telah pun bertukar milik kerana ini sebenarnya satu penipuan di mana sistem pengkomputeran pejabat daerah telah dapat dicerobohi sebenarnya mereka membohongi kononnya untuk menaik taraf sistem pengkomputeran tetapi telah mengambil data-data daripada tuan tanah tersebut. Pada tahun lepas, satu daripada akhbar telah melaporkan, satu sindiket yang menjual data peribadi yang boleh dibeli dengan harga hanya 10 sen sahaja.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sebagai subjek, kita mempunyai hak untuk dimaklumkan sama ada data peribadi kita diproses dengan cara bertulis ataupun dengan cara kita membayar *fee* dan pihak pengguna data boleh juga tidak memberi kita maklumat-maklumat yang dikehendaki sekiranya tidak menepati apa yang sepatutnya. Seterusnya, hak kita sebagai subjek untuk pengguna-pengguna data mengemas kini data peribadi kita dan hendaknya janganlah membuat apa-apa perkara-perkara yang boleh memudaratkan kepada pengguna sehinggakan perkara-perkara yang berlaku bertahun-tahun dulu masih lagi direkodkan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Akhirnya, kepada pengguna data. Ya, sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tadi Yang Berhormat Jasin sebut tentang butiran hak-hak orang ramai terhadap data peribadi masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jasin, selama ini kita tidak terfikir bahawa data peribadi ini boleh menjadi satu aset kepada satu-satu pihak tetapi pada masa yang sama juga, orang ramai tidak sedar bahawa mereka seolah-olah di ceroboh dan butiran peribadi mereka boleh menjadikan pihak lain mendapat untung yang besar.

So, persoalan saya sebenarnya kepada Yang Berhormat Jasin tadi semacam tersangkut tadi. Semacam tidak dijelaskan. Bagaimana kita boleh menggalakkan orang ramai, menggalakkan rakyat Malaysia berasaskan kepada rang undang-undang ini bahawa pertamanya mereka ada hak dan mereka sebenarnya boleh menyebabkan orang lain kaya. Bagaimana mereka boleh menyalurkan atau bagaimana mereka boleh sedar dan mereka boleh tahu bahawa hak mereka sebenarnya tidak boleh dijual beli dan bagaimana mereka boleh akhirnya benar-benar mendapat perlindungan daripada rang undang-undang ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya daripada Ledang. Sebenarnya apa yang saya sebutkan tadi, rang undang-undang ini adalah cukup komprehensif sekali yang telah menyebutkan tentang hak-hak yang diberi di bawah undang-undang ini iaitu:-

- (i) hak untuk kita mengetahui;
- (ii) hak kita untuk akses atau untuk mendapatkan maklumat;
- (iii) hak kita untuk memperbetulkan serta mengemas kini apa juga data peribadi kita; dan
- (iv) hak kita untuk memastikan supaya pengguna data dalam masa mereka memproses data peribadi ini tidak menjualnya kepada mereka yang terlibat dengan jualan langsung.

Seterusnya yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, pengguna data sebenarnya boleh disabitkan kesalahan sekiranya mereka menyalahgunakan data peribadi untuk tujuan yang lain. Pada ketika ini, dianggap data peribadi sebagai lombong emas yang boleh menjana satu keuntungan yang cukup besar.

■1830

Pada ketika ini, kita mempunyai lima syarikat yang menyerupai CTOS dan satu daripadanya CCRIS yang telah diwujudkan oleh Bank Negara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Akan tetapi seperti yang kita maklum, CTOS masih lagi digunakan secara berleluasa bukan sahaja agensi ataupun bank ataupun institusi kewangan menggunakannya, bahkan ah long pun menggunakan CTOS untuk akses kepada data peribadi peminjam-peminjam.

Pengguna data sebenarnya tertakluk kepada apa juga kesalahan. Pertamanya, kepada tindakan yang melanggar mana-mana prinsip. Inilah satu

kesalahan jenayah. Keduanya, kepada kegagalan mematuhi peraturan-peraturan ataupun perintah *commissioner*. Akan tetapi apa yang terjadi pada ketika ini, banyak daripada syarikat bukan sahaja syarikat-syarikat telefon bimbit, bahkan banyak agensi yang lain menghantar pesanan-pesanan ringkas...

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: *[Bangun]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Sila

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya tertarik dengan penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Jasin dan saya bersetuju dengan rang undang-undang ini kerana ia boleh melindungi hak-hak peribadi seseorang manusia, seorang anggota masyarakat kita.

Akan tetapi Yang Berhormat Jasin, kalau kita perhatikan dari segi kesedaran masyarakat umum, mungkin bagi mereka yang terlibat dengan perniagaan dan yang pernah terlibat dengan data-data, dengan CTOS dan sebagainya mungkin mereka sedar dan mereka membuat penelitian yang mendalam. Akan tetapi seperti yang saya sebutkan tadi, katalah kes perpindahan hak milik tanah yang disebutkan tadi. Ini menunjukkan bahawa ramai dan sebahagian besar masyarakat di negara kita tidak menyedari bahawa banyak akta-akta yang di tubuh dan diwujudkan oleh kerajaan ini sebenarnya memberikan faedah yang cukup besar kepada mereka. Namun begitu, kesedaran masyarakat tidak begitu meluas.

Jadi apakah Yang Berhormat Jasin boleh mencadangkan kepada kerajaan supaya suatu usaha dibuat oleh kerajaan di bawah mana-mana akta pun, di bawah mana-mana kementerian, usaha penerangan yang lebih meluas diberikan kepada masyarakat kita, bukan sahaja di peringkat atasan ini bahkan di peringkat bawahan, sehinggalah ke peringkat pemilik tanah dan sebagainya supaya mereka sedar bahawa negara kita telah banyak undang-undang dan peraturan yang boleh melindungi mereka daripada apa juga penyelewengan yang dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Apakah pandangan Yang Berhormat Jasin dan apakah cadangan yang boleh kita buat kepada kerajaan supaya penerangan yang lebih meluas diberikan kepada masyarakat keseluruhannya? Terima kasih.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya daripada Yang Berhormat Maran. Saya sangat bersetuju kalau ia diberikan maklumat yang sejelas-jelasnya kepada pihak pengguna supaya kita tidak tertipu dan data peribadi kita disalahgunakan. Seperti yang kita sedia maklum, sebelum ini undang-undang kita tidak ada peruntukan yang khusus kepada aspek ini sehinggakan banyak kejadian budak-budak pejabat dapat mengetahui maklumat-maklumat yang sepatutnya mereka tidak patut miliki.

Yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, kesalahan-kesalahan yang boleh disabitkan kepada pengguna data. Seharusnya kita mahu melihat supaya syarikat-syarikat ini dapat benar-benar mematuhi dan hendaknya janganlah kejadian-kejadian yang telah berlaku dan menyebabkan banyak kerugian kepada pihak pengguna. Akhirnya saya hendak bertanya, kalaulah satu-satu syarikat ataupun pengguna data yang telah melakukan apa juga kesalahan yang digariskan di dalam rang undang-undang ini, adakah CEO atau mana-mana pegawai boleh disabitkan dengan kesalahan tersebut? Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:

Ya.

4.34 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Data Peribadi 2009. Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara di bawah rang undang-undang yang saya mendapati kurang jelas dan saya memohon agar Yang Berhormat Menteri selepas ini boleh memberi penjelasan berkenaannya.

Saya ingin tahu perkara satu, buat masa ini ada berapa buah syarikat atau agensi yang terlibat dalam kategori pengguna data yang memproses, mengawal maklumat dan data peribadi? Selepas ini saya ingin tahu rang undang-undang ini kerana saya dapati ia adalah senyap-senyap berkenaan sumber maklumat atau data peribadi. Bagaimanakah pihak kerajaan atau kementerian akan memantau bagi memastikan bahawa pengguna data ini yang selepas ini perlu menjalankan proses pendaftaran memperoleh data-data individu atau subjek melalui sumber yang sah? *It is through legal means and not illegal means* dengan izin, untuk memperoleh data ini. Saya nampak rang undang-undang ini adalah senyap.

Saya harap pihak kementerian boleh menjelaskannya. Kita tidak mahu menggalakkan pengumpul maklumat atau data ini menerusi hubungan dalaman dalam agensi atau kakitangan kerajaan atau syarikat tertentu memperoleh data kita. Jadi rang undang-undang ini adalah senyap berkenaan *source of information or source of data*. Ini perkara yang kedua, mungkin pihak Yang Berhormat Menteri boleh menerangkannya.

Saya ingin merujuk kepada seksyen 10, Tuan Yang di-Pertua. Seksyen 10 menyentuh berkenaan prinsip penyimpanannya, salah satu prinsip yang perlu dipatuhi oleh pengguna data atau yang mereka perlu patuhi menerusi prinsip perlindungan data peribadi. Itu salah satu ialah prinsip penyimpanannya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu, data peribadi dalam aspek ini, mengapa tidak menetapkan satu tempoh di mana selepas tempoh tertentu, maklumat ini perlulah dimansuhkan. Ia adalah senyap, ia hanya kata selepas tujuan kutipan maklumat itu, ia harus dimansuhkan atau dimusnahkan tetapi tidak diberi tempohnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya agak risau apabila kita pergi seperti contohnya, *reality on the ground*. Kita pergi ke *supermarket*, ada cabutan hadiah. Kita isi borang untuk menyertai cabutan hadiah. Kita pergi ke *petrol station*. Kalau kita mengisi minyak lebih daripada RM30, kita diberi borang untuk menyertai pertandingan. Semua maklumat ini diberi. Jadi selepas akta ini dikuatkuasakan, apakah ia dapat melindungi maklumat kita ini? Ini adalah sebab, akta ini hanya memerlukan pengumpul maklumat itu, iaitu pengguna data itu mendaftar sahaja. Bagaimana dengan syarikat-syarikat yang menjalankan promosi ini? *Supermarket* atau rancangan televisyen - SMS, kita selalu diminta untuk mengundi. Begitu juga sering kali kita menerima panggilan telefon. Saya pernah menerima aduan. Ada sindiket tertentu yang menelefon orang tempatan di sini, sindiket dari luar negara menyatakan telah memenangi hadiah, cabutan hadiah atau loteri di dalam majlis-majlis tertentu.

Bagaimanakah mereka memperoleh maklumat ini? Selepas adanya akta, bagaimana ia dapat melindungi kita? Contohnya Tuan Yang di-Pertua, saya bagi stesen minyak. Selepas pertandingan itu habis, tamat. Apa yang terjadi kepada maklumat kita? Apakah dengan adanya akta ini, memerlukan stesen minyak juga sebagai contohlah, juga mendaftar sebab akhirnya mereka mempunyai semua maklumat peribadi kita - alamat kita, nombor telefon kita, e-mel kita, nombor kad

pengenalan kita. Mungkin pihak Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan dan menjelaskan berhubung perkara ini.

Lagi satu ialah seksyen 7, Tuan Yang di-Pertua. Seksyen 7 dengan izin, saya membacanya, "*Seseorang pengguna data hendaklah melalui notis bertulis, memaklumkan seseorang subjek data-*". Ia hanya memerlukan pengguna data itu, secara notis bertulis. Itu sahaja. Saya rasa ini adalah terlalu longgar. Mungkin pihak kementerian boleh melihat dan mewajibkan pengguna data menggunakan cara notis bertulis secara berdaftar, *A.R Register*. Jadi apabila subjek tidak menerima notis tersebut, sekurang-kurangnya ada isu pertelingkahan berkenaan maklumat itu, boleh ada bukti bahawa pengguna data telah menghubungi, cuba menghubungi subjek tersebut.

■1840

Saya ingin tahu bagaimana pihak kementerian boleh memantau salah guna maklumat peribadi selepas ada akta ini? Apakah jika subjek tiada mengadu, pihak kementerian atau pihak agensi tertentu tidak akan dapat memantau maklumat peribadi ini? Tadi saya bagi contoh, selepas tamat satu pertandingan, bagaimana pihak kementerian boleh memastikan bahawa maklumat atau tujuan niat pengumpulan data itu telah dicapai dan maklumat itu benar-benar dimusnahkan? Itu antaranya perkara yang saya ingin bangkitkan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
Ya, Yang Berhormat Machang.

6.41 ptg.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Data Perlindungan Peribadi, saya mohon mengemukakan yang pertamanya ialah berkaitan dengan prinsip perlindungan data. Ini tertera dalam klausa 5 yang saya dapati bahawa standardnya itu agak berbeza dengan standard yang digunakan oleh Negara-negara Kesatuan Eropah. Apabila rang undang-undang ini diluluskan, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah kita tidak boleh hendak memproses data untuk pihak dari Negara Kesatuan Eropah kerana standard yang berbeza yang menjadi amalan.

Saya fikir ini isu yang sangat fundamental yang memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Misalnya, prinsip pertama dalam perlindungan data Kesatuan Eropah ialah data itu mestilah diproses secara adil dan mengikut undang-undang tetapi *bill* yang kita bahaskan sekarang ini, ia *silent*, dengan izin, tidak memasukkan berkenaan dengan prinsip ini. Jadi bayangkan kalau timbul satu keadaan di mana data itu dikutip secara *hacking*. Jadi rang undang-undang ini tidak ada satu perkara yang menjelaskan bagaimana kita hendak menangani data yang dikutip melalui cara ini.

Mungkin kita ada satu akta berkaitan dengan – ataupun kita sebut *Computer Misuse Act* yang kita luluskan pada tahun 1998 tetapi rang undang-undang ini kalau kita luluskan, kita dapati bahawa *hacker* itu tidak akan dikenakan apa-apa tindakan. Sebaliknya orang yang sistemnya diceroboh, dia pula kena. Sebab apa? Sebab sistemnya dianggap lemah dan dia cuai. Itu kerana prinsip yang pertama – data itu mestilah diambil secara adil dan juga mengikut undang-

undang, tidak menjadi prinsip dalam rang undang-undang yang sedang kita bahaskan.

Begitu juga prinsip yang kedua yang menjadi amalan di kalangan Negara Kesatuan Eropah iaitu data yang dikutip itu mestilah untuk tujuan yang khusus, *collected for specified, explicit and legitimate purposes*. Ini bermakna data yang dikutip oleh bank misalnya, dalam rang undang-undang kita sekarang ini kalau diluluskan, data itu boleh digunakan untuk buka akaun perkhidmatan telefon. Tujuannya ialah untuk akaun bank tetapi kerana prinsip bahawa data itu mestilah dikutip untuk tujuan yang khusus secara sah, tidak menjadi prinsip dalam rang undang-undang yang kita bahaskan sekarang, maka tujuan ianya dikutip untuk buka akaun bank boleh digunakan untuk tujuan lain.

Isu ini juga tidak diaddress dengan izin, dalam rang undang-undang ini. Bila ini diluluskan, keadaan akan berlaku di mana syarikat dari Malaysia akan *apply* standard perlindungan yang tinggi kalau ia berurusan dengan Negara Kesatuan Eropah berkaitan dengan data peribadi, tetapi kalau ia berurusan dengan data peribadi di Malaysia, ia akan boleh mengguna pakai standard perlindungan yang lebih rendah. Itu keadaan yang saya fikir memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya juga berpendapat bahawa di dalam sub topik tafsiran iaitu klausa 4, data peribadi yang dilindungi itu tidak hanya keadaan yang berkaitan dengan transaksi komersial tetapi ia mestilah menyentuh tentang data peribadi secara menyeluruh iaitu *a personal data should be protected in all circumstances and not only in commercial transaction*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang keadaan di mana kerajaan dikecualikan daripada pemakaian dalam rang undang-undang ini juga memerlukan satu jawapan yang lebih meyakinkan. Kawan-kawan saya tadi yang mengambil bahagian lebih awal menyebut bahawa pengumpul data yang terbesar ini adalah kerajaan. Kita ambil contoh MyKad kita sahaja, ada tujuh aplikasi. Segala maklumat peribadi kita terkandung di sana. Kita boleh juga menerima barangkali, walaupun tidaklah keadaan yang terbaik, saya mohon mencadangkan bahawa jika pun akhirnya kita meluluskan rang undang-undang ini dan pemakaiannya tidak terpakai ke atas kerajaan, barangkali kita harus mendapat jaminan kerajaan bahawa satu akta yang dipanggil sebagai *Privacy Act*, dengan izin, boleh jadi perlu dibentangkan balik.

Sebab dengan adanya *Privacy Act* ini, sekurang-kurangnya ada satu jaminan perlindungan terhadap data peribadi yang dikumpul oleh kerajaan. Itu saya anggap sebagai *the worst case scenario* tetapi kalau mengecualikan sama sekali kerajaan dalam pemakaian rang undang-undang ini sehingga kerajaan mampu memberikan jawapan yang lebih meyakinkan. Jika tidak, harus dipertimbangkan diwujudkan satu lagi apa yang kita panggil sebagai *Privacy Act* bagi melindungi sepenuhnya data peribadi yang dikutip oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian bahawa rang undang-undang yang sedang kita bahaskan ini tidak langsung menyediakan satu *compensation*, ganti rugi kepada mana-mana individu yang data peribadinya itu diceroboh. Tidak ada saya baca dalam rang undang-undang ini. Barangkali pihak kerajaan juga harus memberikan penjelasan terhadap keadaan ini. Saya telah pun mematuhi. Misalnya bila akta ini terpakai, saya patuh. Semua proses pengumpulan data untuk saya, isteri dan anak-anak misalnya, kita serahkan sepenuhnya kepercayaan kepada kerajaan.

Lalu di sana berlaku pencerobohan misalnya. Akan ada keadaan tertentu di mana kerajaan boleh jadi *outsourc*e pemprosesan data itu kepada pihak ketiga dan berlaku di situ pencerobohan sama ada sengaja ataupun tidak. Katalah tidak disengajakan, sebagai individu yang data peribadinya telah diceroboh sebegini, apakah kerajaan bersedia menimbangkan satu bentuk cadangan *compensation* bagi menguruskan perkara ini?

Saya juga meneliti bahawa rang undang-undang ini apabila seseorang individu yang data peribadinya digunakan untuk tujuan selain daripada data itu dikumpul, dicuri misalnya ataupun diguna tanpa keizinannya oleh pihak lain, juga tidak diberikan – *this has not been addressed in the act* – sama ada ianya berlaku dalam keadaan sedar ataupun tidak tetapi saya memerlukan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Saya juga meneliti bahawa dalam klausa-klausa rang undang-undang ini, saya tidak nampak rasional ataupun justifikasi diwujudkan *data user forum* ataupun *advisory committee*, *appeal tribunal*, sebab saya fikir kalau tidak ada sangat keperluan mewujudkan badan-badan ini kerana badan-badan ini bila diwujudkan ia akan dengan izin, *dilute the bite and effect of the commission decision*. Jadi barangkali harus dipertimbangkan semula *data user forum*, *advisory committee* dan juga *appeal tribunal* ini kerana kewujudannya itu dari sudut justifikasinya tidak nampak sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon untuk merujuk kepada perkara 45. Ini hal pengecualian, klausa 45. Pengecualian ini saya fikir terlalu luas. Ia menyentuh hal-hal pengecualian – misalnya ia menyentuh hal peribadi keluarga.

■1850

Saya berpendapat pengecualian itu seharusnya hanya melibatkan aspek keselamatan awam, keselamatan negara dan pertahanan ataupun hal-hal yang berkaitan dengan jenayah. Saya masih ingat ketika Menteri Dalam Negeri yang dahulu dari Kota Tinggi membentangkan atau membuat kenyataan dalam media tentang Rang Undang-undang DNA di waktu itu. Katanya ialah rang undang-undang ini akan dimasukkan atau *digiven* dengan izin *data protection region* iaitu untuk melindungi *privacy* maklumat DNA. Akan tetapi saya tengok dalam rang undang-undang yang kita bahaskan sekarang ini Yang Berhormat Menteri aspek itu tidak disediakan.

Jadi pengecualian itu apabila maklumat tentang DNA saya diambil misalnya. Tidak ada satu perlindungan yang diwujudkan di dalam Perkara 45 di bawah sub topik pengecualian. Perkara atau klausa 46 pula Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kuasa membuat pengecualian yang diberikan oleh rang undang-undang ini kepada Menteri, sebaiknya dipertimbangkan untuk kuasa itu diberikan kepada Parlimen dan pengecualian pula hanyalah menyentuh tentang perkara yang saya sebutkan tadi iaitu keselamatan awam, pertahanan dan keselamatan negara serta perkara berkaitan dengan jenayah.

Klausa 47 Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, ialah kuasa untuk saya cadangkan bagi Parlimen yang melantik pesuruhjaya *to ensure that he is a political an non-biased*. Buat masa ini cadangan itu kekal dalam rang undang-undang ialah di bawah kuasa Menteri. Saya juga berpendapat di bawah klausa 54 Parlimen sepatutnya diberitahu ataupun ada proses mengambil bahagian dalam perkara yang berkaitan tentang pelantikan ataupun pelucutan ataupun penarikan diri daripada jawatan-jawatan pesuruhjaya, timbalan pesuruhjaya dan penolong pesuruhjaya.

Perkara 64 adalah perkara yang berkaitan dengan kumpulan wang *reserved*. Saya mohon agar Menteri dapat memberikan satu rasional atau alasan *why there is a need for a reserved fund* dalam rang undang-undang ini. Bila kita teliti satu persatu kita belum menampakkan lagi alasan-alasan yang meyakinkan dalam perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua saya mohon mengambil bahagian dalam mengemukakan perkara-perkara itu secara ringkas. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Melaka ringkaskan Yang Berhormat lepas itu minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.53 ptg.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya bangun untuk ambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin memberikan beberapa pandangan atas beberapa perkara dan juga haraplah pihak kementerian boleh ambil pertimbangan atas cadangan ini. Melihat kepada fasal 30 saya berpendapat bahawa sekiranya sesuatu data peribadi yang di kumpul hendak diproses. Data peribadi ini mestilah digunakan untuk tujuan yang ianya diperolehi ataupun ianya digunakan untuk apa-apa tujuan lain yang bersangkutan dengan tujuan asal pengumpulan data peribadi tersebut.

Apabila tujuan pengumpulan data peribadi ini telah dicapai data peribadi tersebut perlulah di padam, dibuang, dihapus dan dibatalkan sama sekali. Kecuali penghapusan atau pembatalan data peribadi tersebut adalah salah di sisi undang-undang atau ianya bertentangan dengan kepentingan awam atau mengancam keselamatan negara. Dalam konteks kerahsiaan lazimnya ia dikenali sebagai kerahsiaan maklumat. Iaitu kepentingan individu yang mana data peribadinya disimpan oleh pihak lain adalah selamat.

Oleh kerana akta ini adalah sesuatu yang agak baru di Malaysia malah konsepnya masih diperbahaskan. Di negara-negara maju yang melaksanakannya dan juga kerana implikasi yang pelbagai. Cadangan untuk mewujudkan satu akta yang melindungi data peribadi di negara ini telah menarik minat banyak pihak. Pewujudan undang-undang yang sedemikian merupakan satu langkah yang besar bagi negara kita. Keberkesanan Undang-undang Perlindungan Data Peribadi bergantung kepada kesedaran pihak pengguna data dan juga pihak subjek data.

Tafsiran di bawah fasal 39 pula agak longgar. Apabila ianya menyatakan data peribadi seorang subjek boleh dizahirkan oleh seseorang pengguna data bagi apa-apa maksud selain maksud yang baginya data peribadi itu, sepatutnya dizahirkan pada masa pengumpulannya atau apa-apa maksud lain yang berkaitan secara langsung dengan maksud itu. Walaupun persetujuan subjek perlu diperolehi data peribadi tersebut tidak sepatutnya disimpan lebih dari tempoh yang sepatutnya. Terdapat tanggungjawab pengguna data untuk menghapuskannya selepas tujuan pengumpulan tersebut dicapai.

Tuan Yang di-Pertua pertama terdapat isu sama ada rang undang-undang yang dicadangkan ini seharusnya diaplikasikan juga kepada Kerajaan Persekutuan. Saya juga sependapat dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh perkara ini. Saya juga berpendapat bahawa ini perlu termasuk dengan bukan hanya Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri termasuk

perbadanan-perbadanan kerajaan ataupun hanya dihadkan kepada sektor swasta sahaja. Inti pati dalam menilai persoalan ini adalah implikasi untuk tidak menguatkuasakan akta ini kepada kerajaan dan sektor awam.

Kerajaan melalui pelbagai agensi yang membuat pendaftaran mengenakan cukai dan pelbagai urusan kerajaan yang lain adalah sebenarnya pengumpul dan penyimpan data peribadi yang terbesar di negara ini. Oleh yang demikian untuk mengecualikan dari Undang-undang Perlindungan Data Peribadi adalah mengindahkan pencapaian objektif-objektif di bawah undang-undang yang sedemikian.

Melihat kepada fasal 2 dan fasal 3 pula saya tertanya mengapa perlindungan data peribadi ini hanya dihadkan kepada transaksi komersial sahaja. Tidak bolehkah akta ini juga dikuatkuasakan kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Ini kerana kerajaanlah yang merupakan pengumpul dan penyimpan data peribadi terbesar di negara kita. Saya berpendapat penggunaan data peribadi oleh kerajaan juga perlu dikawal selia dan dipantau agar ianya tidak disalahgunakan.

Sekiranya akta ini boleh dikuatkuasakan kepada sektor awam dan juga sektor swasta isu selanjutnya adalah mengenai status badan penguat kuasa yang akan menguatkuasakan akta ini. Pada pandangan saya amat perlu badan penguat kuasa ini ditetapkan di bawah pengawasan Parlimen. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Segambut saya sependapat. Dengan kata lain suruhanjaya ini harus bertanggungjawab secara terus kepada Parlimen dan bukan kepada Menteri.

Isu ketiga adalah berkaitan dengan hubungan antara akta yang dicadangkan ini dengan undang-undang lain yang sedia ada yang mungkin menimbulkan isu *consistency*. Dalam situasi sedemikian adakah akta yang dicadangkan ini mempunyai keutamaan dari undang-undang lain yang sedia ada atau bagaimana? Apa yang penting akta yang dicadangkan ini perlu dibaca bersama dengan undang-undang sedia ada dengan keutamaan diberi kepada kerahsiaan maklumat subjek data.

Keempat, apakah pengecualian yang akan diberikan agar perkara-perkara yang melibatkan keselamatan negara, dasar awam, rekod jenayah dan rekod kesihatan tidak di kompromi semata-mata untuk mematuhi prinsip perlindungan dan data peribadi.

Kelima, oleh kerana ini adalah konsep baru di negara ini proses pendidikan, pengurusan, perubahan dan prosedur haruslah menjadi keutamaan. Ini kerana ia akan melibatkan kos yang tinggi, sumber tenaga dan masa yang banyak lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi sekarang.

■1900

Persoalan yang perlu dijawab adakah mengenai faedah secara langsung dalam melaksanakan akta ini jika dibandingkan dengan kos untuk melaksanakannya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berikan sedikit maklumat kepada Yang Berhormat Menteri. Mengutip data peribadi memang saya ingat setiap hari berlaku di negara kita. Baik pun dari agensi kerajaan melalui banci atau *sanctuary body*, bank-bank, institusi kewangan yang lain, syarikat insurans dan juga syarikat-syarikat antarabangsa yang menjalankan *so called survey* dari rumah ke rumah untuk mendapatkan maklumat tentang pendapatan, tanggungan, ahli

keluarga termasuk lain-lain data peribadi. Ini telah berlangsung – *it happens everyday*.

Seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat Batu Gajah bolehkah Dewan ini memberitahu berapakah pertubuhan, syarikat swasta, agensi kerajaan atau orang perseorangan yang menjalankan kutipan atau pengumpulan data peribadi ini? Jika rang undang-undang diluluskan di Dewan ini bagaimana dengan pelaksanaannya? Sampai tahap manakah yang kita boleh merangsang penguatkuasaan undang-undang ini?

Akhirnya saya ingin meminta perhatian dari Yang Berhormat Menteri. Saya pernah bekerja sebagai pegawai di bank. Semasa saya bekerja di bank memang *privacy* atau *Banking Security Act* memang dikuatkuasakan. *We are very strict on that*. Akan tetapi selepas beberapa tahun kebelakangan ini *merging of the bank*, data peribadi atau syarikat memang dikongsi dengan bank yang lain dan syarikat insurans, *high purchase company*, *leasing company* semua boleh dapat maklumat ini. Bukankah kita sudah ada akta yang sekian lama? Mengapa tiada penguatkuasaan diambil terhadap mereka ini? Dengan itu saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:
Sila Yang Berhormat Menteri.

7.03 mlm.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim]: *Alhamdulillah* Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya ungkapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua dan khususnya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyempatkan diri masing-masing mengambil bahagian membahaskan rang undang-undang ini.

Lantaran pemerhatian am Tuan Yang di-Pertua, bahawa rang undang-undang ini tidak begitu kontroversial malah rakan-rakan di sebelah sana apatah lagi penyokong kerajaan semuanya menyokong tampaknya rang undang-undang ini. Izinkan saya hanya untuk pergi terus kepada beberapa aspek yang mungkin dapat menjelaskan *query* ataupun persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama saya suka menyatakan bahawa tujuan utama akta ini sekiranya menjadi undang-undang nanti ialah bagi melindungi data peribadi dalam transaksi perniagaan atau komersial. Ianya tidak meliputi tujuan-tujuan yang lain daripada skop am tersebut.

Kedua, ia sangat mementingkan tentang istilah dan juga pengertian data peribadi serta data peribadi sensitif yang mana Ahli-ahli Yang Berhormat juga tampaknya tidak memberi penegasan. Sukacita saya oleh itu pergi kepada seksyen 3 di mana definisinya adalah seperti berikut. "*Data peribadi sensitif adalah meliputi data peribadi yang mengandungi maklumat kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seseorang subjek, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya dan perkara-perkara lain*".

Pentingnya dinyatakan supaya data peribadi sensitif seperti ini tidak lepas kepada tanya pihak lain telah dinyatakan oleh pelbagai pihak termasuk pihak-pihak berkuasa di negara-negara Eropah yang *cumulativenya* disebut sebagai negara-negara EU. Sampingan dengan itu ialah data peribadi itu sendiri yang muncul akibat transaksi manusia.

Memang diakui Tuan Yang di-Pertua bahawa dari sangkaan Ahli-ahli Yang Berhormat punca data itu adalah datang dari pelbagai punca ataupun sumber dan salah satu daripadanya ialah kegiatan untuk menguruskan perniagaan, kegiatan memberikan maklumat kepada mahkamah, kegiatan-kegiatan media khususnya media cetak yang mencetak notis-notis kebangkrapan atau keadaan *insolvency* seseorang.

Syarikat-syarikat seperti yang disebutkan oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi seperti CTOS, mereka mengambil data-data ini dan memasukkannya ke dalam pangkalan mereka. Tinggal lagi selepas berkuat kuasanya undang-undang ini maka operasi akta ini akan bermula. Justeru pesuruhjaya data peribadi perlu ditugaskan oleh pihak berkuasa supaya berhati-hati meneliti apa yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat tersebut.

Seterusnya saya pergi kepada persoalan kenapa Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dikecualikan? Jawabnya ialah kerajaan memang sentiasa dalam sistem pentadbirannya mengendalikan pelbagai data terhadap rakyat. Misalnya dalam Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa kerajaan memegang data-data itu bagi pihak kenegaraan dan juga bagi pihak kepentingan masyarakat untuk tujuan-tujuan mentadbir, mengendalikan tuntutan undang-undang serta tuntutan-tuntutan yang berkaitan dengan usaha-usaha yang ditentukan oleh perundangan dari semasa ke semasa.

Mengatakan bahawa tidak perlu dikecualikan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri tentu sekali menimbulkan masalah pentadbiran negara yang rumit. Oleh kerana semenjak merdeka negara kita pengumpulan data ini telah pun berlalu, justeru tidak ada undang-undang negara kita yang mengecualikan pembuat undang-undangnya iaitu Negara Malaysia sendiri daripada lingkungan kuat kuasa perundangan tersebut.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Menjurus kepada hal-hal yang berkaitan dengan mengambil...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Sini.

Seorang Ahli: Depan, depan.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Saya habiskan dahulu.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Beberapa lunas yang utama kemudian barulah boleh sekiranya masa mengizinkan bagi saya untuk mengulas. Jika tidak saya akan pergi terus kepada bab-bab yang pokok ataupun prinsipnya dipersoalkan semasa perdebatan.

Tuan Yang di-Pertua, dari situ ingin saya pergi kepada persoalan yang berkaitan dengan beberapa seksyen yang dipersoalkan yakni haruskah Parlimen terus mentadbir akta seperti ini? Jika hal itu hendak diletakkan pada situasi idealnya, ianya boleh dijawab dalam pelbagai sudut tetapi sudut yang utama ialah bagi Parlimen untuk mentadbir hal-hal yang berkaitan dengan kerja-kerja eksekutif adalah menjurus kepada persimpangan dalam suasana dan kefahaman kita untuk mewujudkan pengasingan kuasa daripada satu dengan yang lain.

Misalnya kehakiman mempunyai hal dan tanggungjawab sendiri. Parlimen membuat undang-undang. Pengawasan memang boleh dibuat tetapi mentadbir sebuah undang-undang seperti ini tentulah begitu rumit bagi Parlimen. Justeru ianya dipohon supaya diberi delegasi tersebut kepada eksekutif dan di bawah undang-undang ini cukup misalnya bagi eksekutif menentukan had-had bagaimana ia perlu menjalankan tugas, mengehadkan tugas dan juga bidang kuasa yang perlu tidak keterlaluan.

Seksyen 143 misalnya adalah seksyen yang boleh menjawab sebahagian daripada persoalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya yang berkaitan dengan perkara-perkara yang tiada disebut di dalam akta ini dan seterusnya dicadangkan supaya diawas. Di situ dikatakan dalam bentuk bahasa yang jelas iaitu "*Menteri boleh membuat peraturan-peraturan seperti yang dikehendaki atau yang wajib dan perlu dari semasa ke semasa*" – Seksyen 143 ceraian 1.

■1910

Jadi sekiranya tempoh penyimpanan data itu tidak khusus diberi maka di bawah kuasa am itu boleh dibuat nanti penentuan masa, panjang mana ataupun selama mana sesuatu data itu harus disimpan oleh pihak berkuasa.

Saya mengucapkan Terima kasih kepada Yang Berhormat Segambut kerana memberi banyak cadangan, salah satu daripadanya menyatakan bahawa salah satu pengecualian yang perlu dilihat semula ialah transaksi-transaksi yang berbaur dengan *fraud* ataupun perkara yang membawa kepada sifat menipu juga saya terima sebagai satu ganjaran pemikiran yang baik iaitu *state security, a criminal related matters* dengan izin. Memang kita ambil sebagai latar belakang yang boleh menegapkan akta ini daripada persimpangan yang lain. Akan tetapi prinsip-prinsip am, prinsip perlindungan data peribadi dan prinsip penzahiran keselamatan serta integriti data sesungguhnya adalah mengandungi hujah-hujah Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi.

Pandangan dari Yang Berhormat Kota Raja, selama mana data boleh disimpan walaupun telah dinyatakan sebentar tadi, tempohnya tidak disebut tetapi kewajarannya itu adalah ditentukan dalam pelaksanaannya. Saya memang bersetuju dengan pandangan bahawa sekali-kali salah guna kuasa dalam pentadbiran bidang ini tidak dibenarkan dan sebaik sahaja sekiranya undang-undang ini diluluskan, maka beberapa peraturan utama akan ditentukan supaya pentadbirannya berjalan dengan baik.

Yang Berhormat Kota Belud mengadakan satu pandangan yang agak meluas, misalnya apakah yang berlaku sekiranya *SMS, video call* dan sebagainya didapati bertembung dengan peruntukan undang-undang ini. Sebenarnya hal-hal ini, Yang Berhormat sebutkan ini adalah terkandung di bawah bidang tugas dan bidang kuasa Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan sekiranya hal-hal ini sabit dari semasa ke semasa, akta itu boleh dijalankan tindakan di bawahnya. Seperkara, Tuan Yang di-Pertua yang harus kita tekankan di sini ialah bahawa undang-undang ini perlu dilihat dalam konteks menguatkuasakan beberapa hal berkaitan dengan kesalahan-kesalahan terhadap penggunaan komputer, justeru kementerian ini akan sebaik mungkin menyamatarafkan beberapa tindakan yang harus diambil di bawah penguatkuasaan bersekali dengan beberapa undang-undang lain termasuk kesalahan-kesalahan komputer atau menggunakan komputer yang juga di bawah bidang tugas kementerian berkenaan.

Seterusnya Yang Berhormat Batu Kawan menyuarakan berapa lamakah di bawah seksyen 41, jawapan ini telah pun saya beri dan prinsip *retention* yang beliau sebutkan itu sedia diterangkan di bawah seksyen 8 dan juga seksyen 11 berkaitan dengan prinsip integriti.

Maklumat kesihatan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kubang Kerian harus saya kaitkan dengan definisi yang baru disebutkan sebentar tadi iaitu berkaitan dengan data peribadi sensitif. Kerajaan harus mengambil berat tentang data peribadi sensitif supaya tidak langsung menjadi bahan dagang ataupun bahan yang diurus niaga oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Justeru pandangan daripada masyarakat sama ada menerusi jawatankuasa yang diwujudkan di bawah akta ini ataupun menulis terus kepada pesuruhjaya amatlah digalakkan. Forum pengguna juga menjadi bantuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekiranya perkara-perkara yang tidak diingini itu tersua dan perlu diambil tindakan di bawahnya. Forum yang diikuti dengan daftar forum pengguna juga dapat digunakan di samping dengan tata amalan yang akan kita wujudkan secara serentak apabila penguatkuasaan ini dapat dilangsungkan.

Tuan Yang di-Pertua, lantikan pesuruhjaya dan pegawai-pegawai lain bukan sesuatu yang baru hanya di bawah akta ini dijalankan. Jika kita lihat dari seribu lebih akta Parlimen yang telah diluluskan oleh kerajaan kita, sebahagian besar daripada kuasa pelantikan itu adalah mirip seperti yang dipersembahkan pada petang ini. Oleh yang demikian, tiada sesuatu rasanya yang harus kita sogokkan kepada Parlimen yang begitu luar daripada bidang yang telah dilaksanakan. Namun adalah menjadi tanggungjawab kementerian ini untuk mengawas supaya salah guna kuasa tidak muncul dan di samping itu tuntutan lunas undang-undang peraturan serta prosedur bersekali dengan kanun acara jenayah ataupun acara-acara penyiasatan yang lain dapat kita saksama kan penggunaannya.

Pandangan Yang Berhormat Batu Gajah, Machang, Jasin, Batu Kawan serta Ahli Yang Berhormat Batang Sadong adalah diambil ingatan serius sekali khususnya yang berkaitan dengan syarikat-syarikat yang begitu mudah mengendalikan data peribadi dan akhirnya mendatangkan mudarat kepada subjek yang memiliki data tersebut. Saya cuma nak menyatakan seksyen 40(3) iaitu denda sebanyak RM200 ribu atau dua tahun penjara itu adalah sesuatu yang amat berat dan kita berharap denda yang seperti itu juga boleh di sekalikan oleh mahkamah apabila sabit akan menjadi satu pengadang besar kepada mereka yang berhajat buruk ataupun yang mempunyai tujuan jahat dari segi *mens rea* ataupun tujuan penjenayahan yang ada dalam dirinya.

Tuan Yang di-Pertua, bab terakhir yang ingin saya jelaskan ialah tentang kenapa tiadanya sistem kompensasi ataupun pembayaran bagi sesuatu yang dianggap sebagai memudaratkan rakyat di bawah akta ini, jawapannya ialah akta ini bukan bertujuan untuk membayar skim insurans ataupun skim sagu hati kepada mana-mana pihak. Pihak yang terkilan di atas tindakan mana-mana syarikat boleh mengambil tindakan sivil terhadap mereka yang telah menyalahgunakan data yang ada di dalam simpanan sesuatu syarikat ataupun pihak yang berkuasa penyimpanannya. Tinggal lagi mereka yang berurusan dengan bank. Bank mempunyai beberapa peraturan yang ketat khususnya berkaitan dengan penyimpanan data pendeposit dan juga pelaburan. Jika sesuatu yang dicabul di bawah *the banker's book* dengan izin maka tindakan di bawah undang-undang itu khusus boleh di ambil. Akan tetapi data peribadi yang di kumpul oleh syarikat-syarikat lain adalah dianggap sebagai transaksi komersial dan justeru akta ini menjadi relevan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bangun]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri kata akan bagi penjelasan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tadi Yang Berhormat Menteri kata masa ada 10 minit lagi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita ada masa lagi 12 minit lagi. Tuan Yang di-Pertua, ini rang undang-undang baru, Yang Berhormat Menteri sudah lama dalam Dewan, juga fasih dan juga pakar. Saya harap lebih ketelusan, *accountability*. Kami tunggu minta penjelasannya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Masih ada 12 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon penjelasannya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kalau perlu penjelasan pun peringkat ini Menteri sudah duduk kata dia sudah habis Yang Berhormat, saya minta maaf.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Bukan Yang Berhormat. Ini bukan soalan saya hendak *argue with* Yang Berhormat. Dari segi syaratnya Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Menteri kata Tuan Yang di-Pertua, kalau Menteri ada masa, dia habiskan bab dulu.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Menteri kata kalau ada masa...

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Nampaknya Yang Berhormat Batu Gajah ini bukan seorang yang bertindak di atas isyarat. Jadi tidak apalah Tuan Yang di-Pertua, saya jawab soalan beliau sekiranya itulah yang menyebabkan beliau tidak tidur malam ini.

Pertama beliau mahu tahu kenapa katanya rang undang-undang ini senyap tentang sumber penggunaan data. Jawapannya saya pohon Yang Berhormat melihat seksyen 147, di situ ada jawapan sebahagian daripadanya. Kedua seksyen 143 nanti akan membolehkan pihak berkuasa menentukan syarat-syarat bagi tindakan berkaitan dengan soalan Yang Berhormat itu, sumber data dari mana? Ini kita boleh jawab dari mana sahaja asalkan transaksi komersial itu dijadikan sebagai bukti sumber.

■1920

Ketiga ialah seksyen 7, hanya notis bertulis, beliau men-*enquiry*-kan. Tidak dapat kah kita buat satu penjelasan yang lebih muktamad?Jawapan saya Tuan Yang di-Pertua ialah seksyen 7 itu adalah sebagai *indicative* atau pun satu syarat yang memberi lunas kepada kita untuk bertindak kemudian. Jadi setelah entiti ini diperkemas, *insyaallah* tindakan itu akan kita halusi di bawah seksyen 7. Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Segambut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Segambut. Saya minta maaf. Saya dengar ucapan tadi.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Masih ada masa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ucapan Yang Berhormat minta pinda, minta buang, minta potong, minta sebagainya. Mengikut peraturan Dewan Yang Berhormat, kalau hendak pinda hendak potong hendak buang itu perlu beri usul, notis Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ubah. Ubah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jadi dengan keadaan sedemikian, cadangan Yang Berhormat yang disebut oleh Menteri tadi, saya dengar. Beliau kata beliau ambil kira untuk dipertimbangkan sebagai garis panduan kepada kementerian. Itu kata Menteri tadi.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi itulah masalah. Jawapan itu adalah masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak perlu lagi Yang Berhormat. Saya boleh menang kalau bawa berhujah begini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita lawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Bukan itu sebab apa sahaja jawapan yang diberikan oleh Menteri, dia tidak akan memuaskan hati sesiapa sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal- fasal 1 hingga 146 -

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, fasal.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Silakan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini ada nampak betul Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya memang mengikut peraturan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri tadi kata beri peluang minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak mengapalah Yang Berhormat, soal sahaja.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Akan tetapi beliau menjawab soalan bukan beri saya peluang minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baiklah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berkenaan dengan Fasal 10 Tuan Pengerusi, iaitu data peribadi yang diproses bagi apa-apa maksud tidak boleh disimpan lebih lama daripada yang diperlukan bagi memenuhi maksud ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa Menteri ada kuasa melalui peraturannya menentukan tempoh itu. Juga membangkitkan mengenai pengumpulan maklumat peribadi yang dibangkitkan oleh saya seperti menerusi syarikat-syarikat atau aktiviti syarikat. Yang Berhormat Menteri tadi menjawab akan mengambil ingatan apa yang kita bangkitkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya rasa perlu diterangkan dalam akta ini, berapa lama tempoh itu disimpan? Itu adalah perkara yang paling asas. Tidak kan ini semua perkara yang penting ini, kuasa diberikan kepada Menteri untuk menetapkan sewenang-wenangnya. *There must be check and balance*, fungsi Ahli-ahli Dewan ini ialah membangkitkan perkara yang asas dalam perbahasan. *Bill* ini, rang undang-undang ini mesti diberikan maklumat. [*Dewan riuh*]

Kita prihatin sangat berapa lama tempoh, berapa lama maklumat kita boleh disimpan dan fungsi Parlimen hari ini tidak boleh diambil alih oleh Menteri seorang diri. Mana *accountability*, mana ketelusan? Yang Berhormat Menteri tidak dapat beri jawapan, apakah tempoh yang mana pengguna data ini boleh menyimpan maklumat itu. Bagaimana untuk memastikan bahawa pengguna data ini memusnahkan maklumat kita apabila tujuan pengumpulan maklumat itu, penggunaan maklumat itu telah dicapai. Yang Berhormat Menteri tidak boleh kata, tidak perlu risau nanti Menteri boleh buat peraturan. Ini perkara paling asas berapa lama data kami boleh disimpan.

Saya rasa rang undang-undang ini dalam seksyen ini mesti tertera tempohnya, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri tadi tidak dapat beri jawapan. Beliau kata Menteri ada kuasa buat. Kalau seperti itu Menteri boleh buat peraturan, tidak perlu ada undang-undang seperti ini. Tadi kita tanya perkara paling asas. Maklumat saya kalau menyertai pertandingan dalam aktiviti rancangan pertandingan, kalau maklumat itu mereka telah kumpul apa berlaku, bagaimana data disalah gunakan. Yang Berhormat Menteri hanya kata akan ambil ingatan! *That is not an answer*. Itu menunjukkan belum bersedia! Tidak dapat beri jawapan bagaimana akan melindungi maklumat kami.

Jadi saya pohon Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri nanti jawab dengan baik-baik, beri maklumat yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak perlu angkat kawan sebelah menyebelah. [*Menunjukkan isyarat tangan*] suruh kawan di sebelah naik Yang Berhormat. [*Ketawa*] Saya pun dapat lihat Yang Berhormat. Silakan. Lagi seorang Yang Berhormat Menteri.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya hendak minta sedikit penjelasan.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Pengerusi, sukacita saya menjawab sekiranya tidak ada sumbangan yang lain...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ada, Yang Berhormat Segambut.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Serdang bangkit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada seorang lagi Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, mengapa tergesa-gesa mahu balik. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak mengapa. Yang Berhormat Batu Gajah duduklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Segambut.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Saya hendak tanya sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Serdang, dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Hal sahaja.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Fasal 4 dalam Rang Undang-undang ini banyak, dalam definisi taksiran ini yang mana tempat ia merujuk pada Akta Agensi Pelaporan Kredit 2009 seperti dalam fasal 4 di bawah tafsiran "agensi pelaporan kredit" dan juga "data peribadi" dan juga di bawah "perniagaan pelaburan kredit" dan juga "transaksi komersial". Dalam tafsiran perkataan-perkataan tersebut telah merujuk kepada Akta Agensi Pelaporan Kredit 2009 tetapi sehingga hari ini akta ini belum diluluskan lagi. Sudah bentang tetapi sehingga hari ini tidak dibahaskan lagi.

Jadi, saya hendak tahu implikasi sekiranya kita meluluskan rang undang-undang ini tetapi dalam akta ini rang undang-undang ini telah merujuk kepada sebuah undang-undang yang belum diluluskan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Yang Berhormat Segambut. Sedikit sahaja. Fasal 3. Tadi Yang Berhormat Menteri kata akta ini kalau melibatkan Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri, ia akan menjadi satu isu yang rumit. Jadi, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri apakah jaminan yang boleh diberikan oleh kementerian bahawa kakitangan atau sesiapa daripada pihak Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri kalau mereka menyalahgunakan rang undang-undang ini apakah jaminan kepada rakyat sebab rakyat tidak boleh mengambil satu tindakan mahkamah kecuaihan terhadap kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Oleh kerana Yang Berhormat Segambut ini bunyinya lunak dan orangnya hormat, saya jawab dengan baik. Pertama Tuan Pengerusi, soalan beliau itu berkaitan dengan tujuan akta ini iaitu data peribadi berkaitan dengan transaksi komersial. Kerajaan Persekutuan tidak terlibat dengan data peribadi yang berhubung dengan komersial. Itulah jawapannya. Sebab itu data yang terkandung sebagai data peribadi itu perlu dikaitkan dengan transaksi komersial.

Bagi pandangan Yang Berhormat Segambut, saya telah terangkan tadi iaitu bab kedua seksyen 10. Saya hendak merujuk pada satu kes bernama

Rylands vs Fletcher case, yang mana di situ kesnya adalah bergantung kepada penentuan kewajaran yang am. Jadi, seksyen 2 kepada seksyen 10 menjadi kewajipan seseorang pengguna data untuk mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa segala data peribadi dimusnahkan.

Jadi, terserahlah kepada seseorang peribadi untuk menyatakan kepada pihak berkuasa hentikan penggunaan datanya apabila kegunaan tersebut sudah selesai. Jadi, *honest* ataupun tanggungjawab terletak kepada pihak yang berkenaan. Mohon Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Lama saya tidak mendengar kes *Rylands vs Fletcher* itu. *[Ketawa]*

Fasal-fasal 1 hingga 146 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Setiausaha Dewan Rakyat dan Yang Berhormat Menteri. Jam sudah pukul 7.32 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari Selasa 6 April 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.32 malam.